

Bil. 57

**Khamis
21 Oktober 2010**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2011	(Halaman 23)
USUL: Usul Anggaran Pembangunan 2011	(Halaman 23)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, S.U.M.W., P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
12. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO

13. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
15. “ Menteri Pelancongan, Dato’ Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
16. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
17. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
19. “ Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
20. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
21. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
22. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
23. “ Menteri Kewangan II, Dato’ Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
24. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
25. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
26. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
27. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato’ Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Idris Jala – *Senator*
30. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Wira Chor Chee Heung (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
9. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
10. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Puan Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC

19. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
20. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato’ Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato’ Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Maznah binti Mazlan – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
26. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Murugiah a/ Thopasamy – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussein, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Heng Seai Kie - *Senator*
30. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato’ Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
36. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
37. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II, Dato’ G. Palanivel – *Senator*

38. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D’Cruz – *Senator*
40. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
41. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
42. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Yang Berhormat Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. “ Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP

19. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. “ Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. “ Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato’ Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato’ Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) – MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato’ Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
36. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
37. “ Tuan Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
38. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
39. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
40. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
41. “ Dato’ Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
42. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
43. “ Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
44. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
45. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO

46. Yang Berhormat Dato' Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
47. “ Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
48. “ Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
49. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
50. “ Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
51. “ Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
52. “ Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
53. “ Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
54. “ Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
55. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
56. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
57. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
58. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
59. ” Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
60. “ Dato' Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
61. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
62. “ Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
63. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
64. “ Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
65. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
66. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
67. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
68. “ Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
69. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
70. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
71. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP

72. Yang Berhormat Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
73. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
74. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
75. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. “ Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
77. “ Dato’ Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
18. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
19. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
20. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
21. “ Tuan Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
22. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
23. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
24. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
12. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. “ Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato' Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)

3. Yang Berhormat Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Haji Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
10. “ Dato’ Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
11. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
12. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
13. “ Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
14. “ Dato’ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
15. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
16. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
17. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
18. “ Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
19. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
20. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
21. “ Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
22. “ Tuan Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
23. “ Dato’ Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepangar) – SAPP
3. “ Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Mohsin Fadzil Samuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. “ Dato’ Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. “ Tuan Zulkifli bin Nordin (Kulim Bandar Baharu)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Khamis, 21 Oktober 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-
- (a) adakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk menempatkan atau memberi kursus kesedaran kepada pelajar-pelajar bermasalah dari segi disiplin supaya mengikuti kursus Ala Program Latihan Khidmat Negara selepas sesi tamatnya program PLKN pada hujung tahun; dan
 - (b) berapakah jumlah pelajar yang mempunyai masalah disiplin ini di setiap negeri.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan disiplin diri, memupuk semangat jati diri dan cintakan negara yang kental dalam kalangan remaja di negara ini adalah dengan menerapkan remaja-remaja lepasan menengah ke Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dikendalikan oleh Kementerian Pertahanan.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengorak langkah dalam usaha meningkatkan disiplin diri dalam aktiviti kokurikulum yang mempunyai hubung kait dengan kehidupan dan seterusnya dapat meningkatkan lagi disiplin serta keyakinan diri dalam menempuhi pelbagai cabaran. Sehubungan itu, salah satu usaha Kementerian Pelajaran Malaysia dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut adalah dengan menyediakan pusat kokurikulum. Buat masa ini Kementerian Pelajaran telah menyediakan 15 pusat kokurikulum negeri di seluruh negara.

Di samping itu juga KPM melalui bahagian sekolah telah menyediakan kertas permohonan untuk mewujudkan pusat kokurikulum daerah di setiap pejabat pelajaran daerah (PPD) bagi menampung peningkatan murid yang mengikuti aktiviti di pusat kokurikulum sedia ada. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Program Jati Diri Murid Bermasalah Disiplin peringkat negeri telah dijalankan mulai tahun 2007 hingga 2009 di pusat kokurikulum masing-masing. Pada tahun 2008 hingga 2009, seramai 1,546 murid telah mengikuti program jati diri ala PLKN di pusat kokurikulum negeri seluruh negara dan tempoh program tersebut ialah selama seminggu. Program tersebut terpaksa ditangguhkan pada tahun 2010 kerana kekurangan peruntukan. Namun program pendidikan luar yang melibatkan

aktiviti kokurikulum, badan beruniform, kelab dan persatuan dijalankan di pusat-pusat kokurikulum tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua murid diwajibkan menyertai salah satu pasukan beruniform yang ditubuhkan di negeri mereka sebagai salah satu aktiviti kokurikulum. Namun demikian, KPM tidak mengkhususkan mana-mana unit beruniform ditubuhkan di sekolah-sekolah. Sebaliknya pihak sekolah dibenarkan untuk memilih unit beruniform yang bersesuaian dengan melaksanakan aktiviti kokurikulum.

Bagi menjawab soalan (b), kes yang didefinisikan oleh KPM sebagai kes disiplin dibahagikan kepada lapan kategori iaitu:-

- (i) berunsur jenayah;
- (ii) berunsur kelucahan;
- (iii) kurang sopan;
- (iv) laku musnah;
- (v) kekemasan diri;
- (vi) ponteng sekolah;
- (vii) kenakalan; dan
- (viii) tidak pentingkan masa.

Dalam tempoh Januari hingga Jun 2010 jumlah pelajar yang didapati terlibat dengan salah laku tersebut di seluruh negara adalah seramai 1.27% merangkumi:-

Jenis	Peratus
Berunsur jenayah	0.22
Berunsur kelucahan	0.03
Kurang sopan	0.19
Laku musnah	0.06
Kekemasan diri	0.20
Ponteng Sekolah	0.22
Kenakalan	0.12
Tidak pentingkan masa	0.23

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini pusat kokurikulum memang kita dengar sedap tapi sampai hari ini kita nampak masalah disiplin pelajar-pelajar tidak berkurangan, tetapi bertambah. Kita nampak sekarang di sekolah-sekolah contohnya di Bintulu, masalah disiplin pelajar-pelajar bertambah dan dibuang sekolah. Masalah kita sekarang sistem sekali amaran, kedua amaran, tiga kali amaran lepas itu kena buang ataupun sekali dua kali amaran, kali ketiga kena buang.

Jadi isu di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, masalah disiplin di kalangan pelajar semakin serius kerana infrastruktur dan keadaan sekitar di kawasan persekolahan belum mampu membawa pelajar-pelajar menjadi insan yang berguna untuk negara. Sepatutnya Kementerian Pelajaran haruslah sedar tentang kejayaan yang dicapai oleh Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang jelas telah berjaya membantu serta mengubah pelajar-pelajar menjadi insan yang lebih baik serta memahami sejarah dan dapat membentuk peribadi yang amat diperlukan untuk negara pada masa sekarang dan akan datang selaras dengan wawasan dan rancangan negara.

■1010

Adakah kementerian sedar kebanyakan kem PLKN akan mengalami kekosongan selama tiga bulan bagi setiap tahun. Jadi, kenapa kita mahu sediakan pusat kokurikulum lagi? Pusat kokurikulum ini tidak jalan. Satu negara baru berapa pusat kokurikulum sahaja. Tidak tahulah di Sarawak ada berapa pusat kokurikulum. Di Bintulu tidak nampak pun. Banyak di kawasan Sarawak pun tidak nampak. Asal kem PLKN, program ini berjalan dengan baik. Saya nampak ada pelajar yang mempunyai masalah disiplin masuk kem, keluar dia jadi orang baik. Tempoh ini sepatutnya boleh digunakan untuk mengajar dan mendidik pelajar-pelajar yang bermasalah. Akan tetapi, nampaknya sampai hari ini kementerian belum buat apa-apa lagi.

Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, berapa lama masa yang diperlukan untuk mengatasi masalah yang amat serius ini? Kedua, adakah pihak kementerian bersedia atau sudah merancang berbincang bersama-sama untuk menjalin kerjasama dengan Jabatan PLKN dalam isu disiplin ini? Saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab baik-baik ya.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat, saya akan cuba sedaya upaya menjawab dengan baik. Pertama, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat tentang masalah disiplin pelajar. Oleh kerana jumlah pelajar di bawah Kementerian Pelajaran seramai 5.4 juta, apabila kita melihat peratusan 0.22, ia merupakan satu angka yang agak besar sekiranya kita kali dengan jumlah populasi pelajar yang begitu besar sekali.

Saya mengaku bahawa kalau kita lihat dalam laporan media sekarang pun...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya mahu terangkan di sini. Jangan kita selalu bercakap pasal peruntukan. Kalau masalah disiplin tidak diselesaikan di sekolah, akhir sekali keluar samseng-samseng ataupun *taiko* di luar akan bertambah.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Saya akan jawab, saya akan masukkan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini mustahak. Jangan cakap pasal peruntukan. Kalau peruntukan tidak cukup, minta tambah peruntukan itu. Kita di Dewan yang mulia ini, semua saudara di sini atau pun Ahli Yang Berhormat di sini memang akan setuju.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, saya masuk pada bahagian masalah disiplin dahulu. Kalau dahulunya lain kerana media sekarang nampaknya kalau satu, dua kes itu pada muka depan, ianya merupakan satu masalah sejagat yang masing-masing akan melihat perkara ini satu perkara yang sangat serius.

Kita mengakui kalau dahulu pun ada masalah disiplin, sekarang pun ada masalah disiplin dan kita kena menggunakan kaedah yang betul untuk menyelesaikan masalah. Sebab itulah saya mengatakan bahawa program jati diri. Sebenarnya kita pakai penjenamaan ini, nama dia cantik. Program itu pun tidak nampak pelajar-pelajar nakal. Kita tulis program jati diri untuk mereka yang bermasalah. Akan tetapi pesertanya adalah mereka yang telah diberikan amaran beberapa kali, yang telah dibuang atau pun telah digantung. Kita kumpulkan beramai-ramai di pusat kokurikulum.

Saya setuju dengan Yang Berhormat. Mungkin belum sampai lagi di peringkat daerah untuk kita wujudkan pusat kokurikulum. Kita sedang berusaha berbincang dengan bahagian kewangan tetapi apa yang boleh kita lakukan di semua pusat kokurikulum negeri, kita kumpulkan mereka dan kita ada satu program selama tujuh hari. Saya rasa keberkesanannya nampak kerana polis pun terlibat bersama-sama. Kita gunakan ala PLKN. Itu yang saya hendak beri jaminan bahawa memang ada tindakan bersepadu dengan kementerian lain.

Apa Yang Berhormat bangkitkan tadi nampaknya PLKN satu program yang berjaya. Saya rasa itu memang satu perkara yang diakui kerana tempohnya selama tiga bulan untuk membentuk akhlak mulia seseorang pelajar. Jadi, nampaknya dari segi tempoh seminggu berbanding dengan tiga bulan ianya merupakan satu perbandingan yang amat ketara.

Kedua, saya rasa mungkin ada pihak yang mengutarakan idea untuk kita gunakan tiga bulan bercuti bagi kem PLKN. Kementerian saya telah semak dengan PLKN. Ada kem-kem PLKN yang telah disewa untuk Persatuan Belia atau pun mana-mana agensi lain yang mana program ini telah dijalankan. Maka, kita gunakan kepakaran yang ada pada PLKN, kita bantu sama-sama, minta ala PLKN dibuat di pusat kokurikulum.

Oleh sebab itu, kita lakukan ianya di pusat kokurikulum dan saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat. Saya boleh mengajak Yang Berhormat datang, tengok di pusat kokurikulum dan saya minta juga Dewan yang mulia ini untuk membantu Kementerian Pelajaran. Sebenarnya tahun 2010 ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya pusat kokurikulum ini baru berapa negeri yang ada. Masalah kita semua.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Semua ada.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mana ada. Di Bintulu tidak nampak pun.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Tidak, di setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Bincang di luar nanti Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau Bintulu hantar pergi Kuching, ...

Tuan Yang di-Pertua: Bincang di luar. Ini bukan sesi soal jawab dah.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, bertenang Yang Berhormat. Oleh sebab itulah ada perancangan untuk kita memperluaskan di setiap daerah. Saya rasa dengan kaedah yang ada ini, dengan bantuan daripada modul-modul yang ada pada PLKN dengan pasukan-pasukan keselamatan, saya rasa ianya dapat dilakukan dengan baik. Tahun ini kita tidak ada peruntukan. Kita mohonlah Dewan yang mulia ini, pada tahun hadapan kita bercadang untuk menambahkan

peserta Program Jati Diri dengan peruntukan yang kita minta pertimbangan daripada Perbendaharaan.

Jumlah peserta yang kita anggarkan untuk lelaki ialah 4,360 dan bagi perempuan pula 2,440 keseluruhannya. Dengan adanya program ini, saya yakin ala PLKN ini dapat kita lakukan. Bukan kita tidak mahu hantar mereka selama tiga bulan. Kalau seorang pelajar yang bermasalah pada tingkatan lima, kalau tiga bulan kita hantar kepada PLKN, bukan kita boleh hantar sewenang-wenangnya. Kita kena dapatkan kelulusan.

Apa yang baik kita lakukan ialah kita kena memberikan kaunseling termasuk juga program-program yang kita aturkan supaya tidak menjejaskan PnP pelajar itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Nampak gaya Yang Berhormat Bintulu pada pagi ini ada *mood* untuk berbahas. Sila Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Bila UMNO tidak ada, Dewan ini aman sedikit. Jadi, Yang Berhormat Bintulu kacau pagi ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan bahawa kesemua kem-kem latihan PLKN ini telah pun mendapat CF atau pun sijil menduduki kerana kementerian juga saya kira bertanggungjawab untuk memberi jaminan kem-kem ini selamat untuk anak-anak kita belajar dan mengikuti latihan yang diadakan di kem-kem yang berkenaan.

Sekiranya ada kem yang belum mendapatkan sijil menduduki atau pun CF, apakah jaminan kementerian untuk memastikan anak-anak kita dan pelatih-pelatih ini mendapat perlindungan dari segi keselamatan mereka?

Kedua, apakah benar sebahagian daripada tenaga pengajar di Biro Tata Negara juga telah ditempatkan di PLKN untuk menghasut anak-anak kita dengan ideologi dan fahaman politik sempit UMNO dan Barisan Nasional? Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat sudah keliru dengan jawatan saya. Saya mewakili Kementerian Pelajaran dan BTN itu di bawah Jabatan Perdana Menteri dan untuk Kem PLKN ini di bawah Kementerian Pertahanan. Akan tetapi, saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat. Sebenarnya untuk pusat kokurikulum kita, yang kita lakukan program ala PLKN, kita memang mendapat CF. Itu sebagai pra syarat sebelum pusat itu boleh digunakan.

Sekiranya pada masa akan datang kalau kita hendak hantar pelajar kita menghadiri kursus pendek atau program di kem PLKN, kita akan pastikan CF ini merupakan satu pra syarat sebelum kita menghantar pelajar. Terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta soalan tambahan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat.

2. Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakan kajian telah dibuat untuk menentukan sama ada kos tersembunyi seperti harga tanah yang sengaja dinilai tinggi, dan rasuah dalam proses kelulusan projek telah menyumbang kepada kenaikan harga rumah yang di luar kemampuan kebanyakan rakyat Malaysia.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Wira Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mempunyai maklumat seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai kos tersembunyi seperti harga tanah yang sengaja dinilai tinggi atau amalan rasuah dalam proses kelulusan projek yang telah menyumbang kepada kenaikan harga rumah.

Ini kerana dalam melaksanakan sesuatu projek perumahan, pemaju terlebih dahulu akan menjalankan kajian pasaran bagi menentukan tahap penjualan rumah di sesuatu lokasi sebelum mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa negeri.

■1020

Pemaju seterusnya akan mendapatkan kebenaran merancang serta berkelulusan pelan bangunan daripada pihak berkuasa tempatan sebelum mengemukakan permohonan lesen pemajuan perumahan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendapat memang tidak munasabah bagi pemaju-pemaju dengan sengajanya menilai harga tanah dengan lebih tinggi. Ini kerana kesemua juru nilai-juru nilai yang mengendalikan ataupun membuat penilaian harus mengikuti piawaian tertentu. Juru nilai ini adalah satu golongan yang profesional dan mempunyai tauliah dan dilesenkan setiap tahun. Saya rasa dakwaan ini adalah seolah-olah seperti mendakwa seorang doktor dengan sengajanya memberi ubat-ubat kepada pesakit tanpa mengira apa penyakitnya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya kerajaan tidak mengawal paras harga rumah melainkan harga rumah kos rendah. Paras harga rumah adalah bergantung kepada faktor-faktor penawaran dan permintaan bagi sesuatu kawasan dan jenis perumahan yang ditawarkan. Sekian, terima kasih.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kadar purata kemampuan pembelian hartanah ini diguna pakai di seluruh dunia. Saya buat rujukan dan ada terma yang digunakan atau dipanggil Indeks Pelaburan Hartanah yang bagi tahun 2010 di Kuala Lumpur menunjukkan bahawa indeks kemampuan pembelian hartanah di Malaysia adalah pada paras 1.22 yang menunjukkan sekurang-kurangnya 20% *over valuation* berlaku – nilai lebih tinggi daripada harga sepatutnya. Itu satu.

Kedua saya ingin rujuk pada data harga perumahan di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, di mana harga rumah teres dua tingkat seluas 1,800 kaki persegi adalah lebih kurang RM500,000. Ini adalah dua kali ganda lebih tinggi daripada piawaian indeks kemampuan pembelian hartanah...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Seputeh saya rasa tidak memakai baju yang sesuai dalam Dewan ini. Tengok, menjolok mata.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, ini Ahli Parlimen ini haruslah didisiplin. Apa berlaku pada dia? Kalau dia hendak...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, dia duduk tempat lain tadi. Satu peraturan yang dilanggarnya dan pakaian yang dipakainya tidak sesuai.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kalau dia hendak tunjuk saya hendak masuk Dewan, bolehlah tetapi dengan berkata-kata macam ini, ini adalah menghina Dewan, memesongkan Dewan juga.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Putatan berhak untuk menarik perhatian saya kepada peraturan mesyuarat tetapi saya berhak untuk memberi fatwa. Mata saya tidak terjolok, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan yang penting, saya kena ulang sedikit. So, okey ya sekarang? Semua sudah sedia? Tidak ada yang terjolok mata. Saya sebut tadi tentang harga perumahan di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur lebih kurang RM500,000 untuk rumah teres dua tingkat seluas 1,800 kaki persegi. Ini adalah dua kali ganda lebih tinggi daripada piawai indeks kemampuan pembelian hartanah antarabangsa yang menandakan bahawa wujudnya belon hartanah (*property bubble*) yang bila meletup akan memberi kesan negatif seperti pasaran hartanah di Amerika Syarikat dan Jepun.

Penggandaan indeks kemampuan juga menandakan harga rumah tidaklah ditentukan oleh pasaran bebas seperti yang dimaklumkan. Akan tetapi ada juga berlaku herotan pasaran yang berpunca daripada spekulasi dan kemungkinan rasuah. Ini serius, Yang Berhormat Menteri. Apabila ini berlaku dan seperti sebelumnya berlaku, kerajaan memang menyelamatkan dan terpaksa dengan izin, *bailout* sektor perumahan atau sektor kewangan. Sekali lagi membuktikan bahawa dasar kerajaan hanya menguntungkan segelintir kecil dan bukan semua rakyat Malaysia.

Soalan saya, apakah langkah-langkah supaya bukan sahaja rakyat dapat mampu membeli rumah pada harga yang berpatutan dan bagaimanakah kementerian, Menteri, kerajaan bercadang untuk menghalang berlakunya letupan belon hartanah (*property bubble explosion*) dengan izin yang mungkin lebih parah apabila berlangsungnya projek seperti Warisan Merdeka dan *KL International Financial District*? Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beritahu Yang Berhormat bahawa dalam sesebuah ekonomi dan sesuatu ekonomi seperti ekonomi di Malaysia yang merupakan *leisure fair economic* ataupun ekonomi terbuka, di mana pasaran kita ini tidak kira sama ada harga rumah ataupun lain-lain benda juga adalah mengikut kuasa pasaran ataupun tawaran dan permintaan (*demand and supply forces*) dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Mengikut apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bahawa ada setengah tempat seperti di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur yang sekian-sekian rumah – katalah rumah teres dua tingkat telah pun melambung melebihi 20% dari segi *valuation*, saya mengaku bahawa di kota-kota besar di Malaysia ini memang

terdapat satu fenomena di mana harga-harga hartanah ataupun rumah telah dinaiki mengikut satu fenomena dalam dua tahun kebelakangan ini.

Saya percaya semua ini adalah harus bergantung kepada lokasi di mana rumah yang dibina. Kalau di kota Pulau Pinang, di Kuala Lumpur ataupun dalam negeri Selangor, memanglah menjadi satu fenomenon, sebab dua tempat ini, dua kota ini adalah di mana orang semua ini memang cukup minat termasuk juga dengan minat-minat yang ditunjukkan pelabur-pelabur dari luar. Kalau selepas usaha-usaha oleh Kerajaan Persekutuan menjadikan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sebagai dua kota ini yang mempunyai prestasi yang cukup baik, di mana semua pelabur-pelabur telah pun berhijrah ke Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, kalau hari ini masih boleh dapat sebuah rumah di tengah-tengah Kuala Lumpur tidak melebihi RM100,000 Tuan Yang di-Pertua, *I think something is very-very wrong.*

Kalau kita hendak banding dengan kota-kota lain Tuan Yang di-Pertua – saya mempunyai sedikit angka juga ini. Kalau hendak banding dengan kota-kota lain, Singapura telah pun melonjak 38% dalam satu tahun kebelakangan ini, Hong Kong 24%, Taiwan – 12%, China – 8.5% tetapi Malaysia 3.3% sahaja. Mengikut indeks harga rumah Malaysia dalam 10 tahun kebelakangan ini, peningkatan harga rumah-rumah di Malaysia hanya dalam lingkungan 37%. Ini menunjukkan bahawa memang terdapat peningkatan harga-harga rumah ataupun harga-harga hartanah di negara ini.

Ini adalah satu perkara yang biasa di mana Malaysia menjadi salah sebuah negara yang begitu aktif dalam pasaran dunia. *We are the 19th largest trading nation in the world.* Kalau harga hartanah di negara ini masih macam 10 tahun yang lepas, saya percaya tidak munasabahlah.

Persoalan lain yang saya hendak jawab Tuan Yang di-Pertua, ialah apakah *property bubble*? Bagi saya, *property bubble* ini merupakan peningkatan harga tanah yang pesat dalam penilaian hartanah seperti perumahan sehingga mencapai tahap yang tidak realistik terhadap pendapatan dan elemen ekonomi yang lain diikuti dengan penurunan dalam harga.

Namun saya percaya, analisa-analisa yang senantiasa menyebut dalam laporan mereka mengenai *property bubble* ini adalah terlalu awal dari mengeluarkan kebimbangan. Ini kerana lonjakan ataupun peningkatan harga masih rendah dan trend peningkatan harga masih pada tahap yang awal kecuali di kawasan-kawasan tertentu seperti Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Setakat ini tidak ada tanda-tanda terbentuknya *property bubble* dalam waktu yang terdekat.

Walau bagaimanapun, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia senantiasa mengawasi trend peningkatan harga hartanah di negara ini. Jika kerajaan menganggap bahawa sudah sampai satu masa di mana kita harus mengadakan langkah-langkah, maka kerajaan akan bertindak. Sekian, terima kasih.

■1030

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soal harga tanah dan soal perumahan. Soalan Yang Berhormat Lembah Pantai itu memanglah tidak wajar untuk menjawab begitu panjang. Saya rasa kerana semua tahu kita mahu tanah kita naik. Ini memang peranan kepada pemaju.

Soal yang penting yang saya rasa berkaitan dengan rakyat ini terutama sekali peranan keseluruhan Suruhanjaya Perumahan Negara yang mana telah pun membina satu projek di kawasan saya dinamakan Taman Ketiau. Baru

sebulan yang lalu telah pun dipaparkan oleh Karam Singh soal masalah keretakan yang tidak dipedulikan oleh pihak pengurusan, Management Corporation, dan telah pun membangkitkan soal peranan wakil rakyat tidak mempedulikan walaupun kami berdialog. Ini soal rakyat, rintihan rakyat dikatakan wakil-wakil rakyat ini tidak membuat peranannya masing-masing.

Jadi kami sungguh berdukacita kerana peranan Suruhanjaya Perumahan Negara seolah-olah tidak menghiraukan akibat daripada paparan TV3 itu. Kami memanggil pemaju itu dan pembeli-pembeli rumah itu sudah tidak selesa dan juga peranan Kementerian melihat supaya pemaju-pemaju atau pihak pengurusan Management Corporation di bawah Suruhanjaya Perumahan Negara supaya pemaju-pemaju mematuhi apa peranan mereka masing-masing terutama sekali jangan membabitkan wakil rakyat. Minta penjelasan kalau peranan Kementerian ada atas tindakan kepada pihak pengurusan Management Corporation dengan izin.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya kurang pasti di mana skim perumahan itu sama ada skim perumahan itu merupakan skim swasta atau pun kerajaan?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Kerajaan.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Kerajaan? Mungkin Yang Berhormat boleh menghantar satu laporan bertulis kepada saya kerana pada lazimnya bila dalam sesuatu skim perumahan tidak kira sama ada swasta atau pun kerajaan memang terdapat aduan-aduan yang dikeluarkan oleh pembeli-pembeli yang tidak berpuas hati. Mereka ini bolehlah..

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, ia telah dipaparkan oleh Karam Singh di TV3 sebulan yang lepas.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Tidak mengapa. Macam mana pun...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya pasti Kementerian telah pun mendapat laporan.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Yang Berhormat beri laporan kepada saya supaya saya boleh dapat laporan yang lebih terperinci dan barulah saya boleh bertindak. Ini lebih baik begitu. Terima kasih.

3. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan bagaimanakah langkah kawalan supaya tidak berlaku ketirisan dalam pengagihan subsidi diesel dan elaun sara hidup nelayan yang menyebabkan penerimaan bantuan berkenaan tiba-tiba hilang kelayakan atau tidak menerima bantuan dalam bulan-bulan tertentu sedangkan status mereka kekal dan sama seperti sebelumnya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Tuan Chua Tee Yong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Langkah kawalan yang diambil oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam penyaluran diesel bersubsidi kepada nelayan supaya tidak berlaku ketirisan adalah dengan:-

- (a) Menubuhkan Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan bagi mengawasi

pelaksanaan skim ini berjalan lancar mengikut dasar yang ditetapkan oleh kerajaan;

- (b) menetapkan syarat kelayakan nelayan untuk menerima subsidi ini seperti memiliki lesen *vesse/* yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia atau Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah atau Jabatan Laut Sabah Sarawak dan mempunyai *vesse/* perikanan dalam keadaan selamat dan masih beroperasi menangkap ikan dan bukan dalam keadaan sebaliknya seperti rosak, karam ataupun telah dijual;
- (c) memperuntukkan kuota diesel bersubsidi berdasarkan kepada jenis perkakasan yang digunakan, kelas muatan *vesse/* dan zon operasi menangkap ikan;
- (d) mensyaratkan setiap pemilik *vesse/* mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam pelaksanaan skim ini. Mereka diwajibkan menandatangani Aku Janji untuk mematuhi syarat yang dikenakan termasuk membuat pengisytiharan hasil tangkapan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia setiap kali balik dari operasi menangkap ikan; dan
- (e) menyenarai hitam mana-mana nelayan yang didapati tidak mematuhi peraturan atau Aku Janji yang dibuat atau melakukan kesalahan di bawah Akta Kemajuan Petroleum yang mengakibatkan mereka tidak menikmati kemudahan subsidi.

Untuk status penerima elaun sara hidup adalah kekal seperti bulan-bulan sebelumnya. Namun terdapat faktor-faktor yang menyebabkan mereka tidak menerima bantuan. Antara faktor penerima bantuan elaun sara hidup hilang kelayakan menerima bantuan dalam bulan tersebut atau tempoh tertentu adalah:-

- (i) Pemilik *vesse/* atau pemegang kad e-petrol atau diesel dikenakan tindakan senarai hitam kerana melanggar peraturan serta melakukan kesalahan menyeleweng atau menyalah gunakan diesel atau petrol bersubsidi;
- (ii) lesen *vesse/* perikanan atau kad e-diesel petrol tamat tempoh dan pemilik belum atau tidak memperbaharunya;
- (iii) *vesse/* perikanan rosak, tenggelam atau tidak beroperasi menangkap ikan;
- (iv) pemilik *vesse/* telah menjual *vesse/* mereka kepada nelayan lain;
- (v) pemilik *vesse/* melaporkan kepada LKIM bahawa pekerja *vesse/* mereka telah berpindah kepada *vesse/* lain dan pemilik baru serta pekerja *vesse/* berkenaan tidak melaporkan kepada LKIM untuk pendaftaran baru; dan
- (vi) akaun bank mereka disekat oleh pihak bank.

Sekian, terima kasih.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian sentiasa menegaskan bahawa tidak ada apa-apa masalah

terutama dengan pengagihan atau pun sistem pengagihan elaun sara hidup kepada nelayan. Akan tetapi saya sering menerima aduan daripada nelayan di kawasan Parlimen saya terutama di Mukim Serkat, Kukup Laut dan Air Masin.

Baru-baru ini pada 2 Ogos 2010, saya telah mengaturkan satu perjumpaan di antara nelayan dengan pegawai Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Hasil daripada perjumpaan tersebut didapati ada di antara mereka yang layak diberi elaun sara hidup tetapi tidak menerima bantuan. Ada pula yang layak diberi bantuan tetapi didapati LKIM bayar dalam beberapa bulan namun tidak bayar pada bulan berikutnya. Keadaan ini sama juga dengan sistem pembayaran insentif pengeluaran industri akuakultur. Ia juga menghadapi masalah tersebut.

Jadi telah dua bulan kami berjumpa tetapi nampaknya tidak ada tindakan yang positif bermakna keadaannya masih sedemikian. Harus diingatkan ialah kesemua masalah ini ada tertunggak dan tidak dibayar sejak tahun 2009. Satu tempoh yang begitu lama. Saya cuma hendak tahu mengapa perkara ini berlaku dan tidak dapat diselesaikan sejak begitu lama. Saya telah aturkan satu perjumpaan tetapi setelah dua bulan masih tidak ada apa-apa. Saya ingin mendapatkan satu penjelasan.

Selain daripada itu apakah langkah-langkah kementerian juga diambil boleh mengatasi yang telah lama tidak diselesaikan? Sekian, terima kasih.

Tuan Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Memandangkan terdapat anggaran 50,000 nelayan menerima elaun sara hidup, kita tidak menafikan memang terdapat segelintir nelayan yang menghadapi masalah menerima elaun sara hidup ini. Oleh yang demikian, kementerian sangat mengalu-alukan kesediaan pihak Yang Berhormat untuk membangkitkan masalah tersebut supaya kita sama-sama dapat menyelesaikannya.

Untuk dialog yang diadakan pada 2 Ogos 2010, saya mendapat laporan bahawa daripada 30 aduan yang telah dikemukakan dari segi elaun sara hidup dan sebagainya, 21 aduan telah selesai, lima aduan sedang dalam proses, tiga akaun atau tiga aduan tidak dapat diselesaikan kerana akaun mereka di bank adalah dorman. Selain itu, salah satu daripada aduan yang diterima adalah lesen mereka telah tamat tempoh maka memerlukan sedikit sebanyak masa untuk menyelesaikan masalah ini. Mengenai hasil tangkapan memang tidak dinafikan bukan sahaja di kawasan Yang Berhormat, terdapat juga dari segi insentif pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan juga menghadapi masalah.

■1040

Maka dari segi pihak kementerian terutamanya dari segi pihak Menteri telah mengarahkan supaya semua insentif yang terhutang untuk 2009 perlulah diperjelaskan. Cuma pada masa ini kementerian sedang mengemaskinikan rekod untuk semua insentif yang tertunggak. Boleh dikatakan baru-baru ini dari segi insentif sayur juga terdapat yang tertunggak yang diselesaikan, maka memerlukan sedikit sebanyak masa untuk kita selesaikan insentif-insentif ini. Oleh itu dari segi ini saya sentiasa mengharapkan jika terdapat masalah-masalah lain, Yang Berhormat boleh berjumpa dengan saya. Sekian, terima kasih.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai yang telah bertanya soalan yang sangat perlu diselesaikan dengan segera oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini. Sebab masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat Tanjong Piai dengan masyarakat, pengundi dan petani serta nelayan di Tanjong Piai itu adalah

sama dan mungkin lebih teruk lagi yang dihadapi oleh nelayan-nelayan di tempat-tempat yang lain termasuk di Tumpat, Tuan Yang di-Pertua.

Di Tumpat saya sering mendapat aduan daripada nelayan-nelayan yang untuk mendapat bantuan bulanan mereka itu, mereka terpaksa pergi ke Ketua UMNO Bahagian Tumpat. Ketua UMNO Bahagian Tumpat sering tidak ada di pejabat beliau dan itu pun kalau ada di pejabatnya di kawasan Tumpat itu. Ini saya faham hasil daripada keputusan Kementerian untuk mewujudkan apa yang dinamakan – lebih kurang Jawatankuasa Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen atau apa-apa yang mana yang menjadi pengurusinya ialah Ketua UMNO Bahagian atau Ketua Barisan Nasional di kawasan-kawasan Parlimen itu.

Harapan saya dan permintaan saya sistem ini perlu dirombak, kuasa untuk meluluskan dari segi *administrative* atau pentadbirannya perlu diberikan kepada pegawai-pegawai kerajaan, pegawai jabatan perikanan, pegawai LKIM dan sebagainya. Juga tidak dipolitikkan mata pencarian nelayan-nelayan yang amat-amat rendah itu, perlu dibantu tanpa apa-apa campur tangan politik yang melampau yang sekarang ini diamalkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini. Seperti yang berlaku di Tanjong Piai, begitu jugalah berlaku di Tumpat dan saya yakin di tempat-tempat yang lain Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chua Tee Yong: Terima kasih di atas soalan tambahan. Mengenai soalan yang dikemukakan bahawa elaun sara hidup ini dipolitikkan. Jika masalah ini memang sahaja dipolitikkan, maka masalah ini tidak akan timbul di Tanjong Piai. Ini menunjukkan ia bukan kerana politik kerana Tanjong Piai kawasan Barisan Nasional. Oleh itu untuk menuduh bahawa elaun sara hidup tidak diberi kepada, boleh dikatakan kawasan-kawasan pembangkang itu adalah tidak tepat. Sekian, terima kasih.

4. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan projek-projek teknologi hijau dijalankan dan nyatakan rancangan-rancangan yang akan dijalankan di Pulau Pinang.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat teknologi hijau di Malaysia dibangunkan bertujuan sebagai pencetus kepada ekonomi negara, selaras dengan dasar teknologi hijau negara iaitu mewujudkan satu ekonomi yang berdasarkan pembangunan mapan.

Pelbagai langkah diambil untuk membangunkan teknologi hijau di Malaysia termasuk mewujudkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau atau *Green Technology Financing Scheme* (GTFS) untuk memberi faedah kepada syarikat pengeluar dan pengguna teknologi, mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida dalam pelbagai sektor ekonomi termasuk tenaga, air, pengurusan sisa, bangunan, pengangkutan dan perindustrian. Di samping itu, ia juga dapat membantu menjimatkan kos tenaga, menggalakkan pelaburan, meningkatkan keupayaan kewangan tempatan dan mewujudkan peluang perniagaan baru.

Bagi tujuan menggalakkan aplikasi teknologi hijau, kementerian saya juga menyediakan iklim dan khidmat nasihat melalui *Malaysia Green Technology Corporation* dengan izin, dan lain-lain agensi kerajaan kepada usahawan-usahawan tempatan yang ingin menceburi bidang teknologi hijau. Antara langkah-langkah sedia ada atau sedang digubal ialah pelan tindakan tenaga boleh

diperbaharui, pelan induk kecekapan tenaga dan pelan tindakan infrastruktur kenderaan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa KeTTHA atau Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air tidak menjalankan projek infrastruktur teknologi hijau secara langsung. Sebaliknya tindakan sebagai pemudah cara kepada pembangunan teknologi hijau di samping mempromosikan teknologi hijau. Kementerian saya sedang melaksanakan pelbagai usaha untuk mempromosikan teknologi hijau supaya aplikasinya dapat ditingkatkan termasuk di negeri Pulau Pinang. Antaranya adalah promosi melalui media, penganjuran acara serta portal serta direktori teknologi hijau. Ini termasuk penyertaan dalam pameran dan persidangan, penganjuran aktiviti-aktiviti di semua peringkat, terutamanya kanak-kanak sekolah dan siswazah-siswazah di universiti.

Sebagai contoh program *Green Technology Road Show 2010* yang diadakan mengikut zon timur, utara, selatan, tengah juga Sabah dan Sarawak dengan kerjasama kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan, pengilang-pengilang Malaysia (FMM) bertujuan untuk memberikan publisiti dan kesedaran awam mengenai teknologi hijau. Sekian.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri maklumkan kepada Dewan ini, apakah kementerian mendapati industri SMI kita kemungkinan menghadapi masalah kalau mereka tidak *embrace* teknologi hijau dalam proses *manufacturing* mereka yang mungkin tidak akan dapat mematuhi piawaian pasaran antarabangsa? Jadi dari segi membantu SMI dalam negara ini untuk menceburi pasaran antarabangsa, apakah langkah-langkah yang spesifik perlu diambil untuk membantu SMI kita supaya dapat *embraced green technology* supaya mereka dapat mengekalkan tempat, bukan sahaja di negara kita tetapi juga menembusi pasaran antarabangsa. Sekian.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju pandangan Yang Berhormat bahawa SMI adalah satu kumpulan yang sangat penting bagi kegunaan atau mengaplikasikan teknologi hijau di negara ini supaya mereka akan lebih efektif dan kompetitif di pasaran dunia.

Mengenai langkah-langkah spesifik, antara perkara-perkara yang SMI ini boleh mendapatkan manfaat ialah apa yang saya sebut tadi iaitu Skim Pinjaman Teknologi Hijau (GTFS) yang sedang dilaksanakan. Walaupun angka yang diminta oleh pihak SMI adalah tidak begitu besar tetapi mereka layak juga untuk menggunakan skim ini.

■1050

Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang ramai SMI juga meminta untuk menyertai skim GTFS ini. Buat masa sekarang antara syarikat-syarikat di Pulau Pinang yang hantar permohonan untuk skim ini adalah hanya dua syarikat. Selain daripada skim GTFS, insentif bagi mempromosikan teknologi hijau ini termasuk *pioneer status*, *investment tax allowance*, dengan izin, duti import, duti eksais yang di dalam negara ini atau yang lain lagi ialah *exemption of import duty and sales tax*, dengan izin, bagi bidang *solar system*.

Semua ini boleh dinikmati oleh pihak SMI juga dan saya memang bersedia untuk menolong pihak-pihak SMI ini yang ingin menceburi dalam bidang teknologi hijau dan kalau ada di antara syarikat-syarikat yang lebih daripada Pulau Pinang ini, silalah galakkan mereka untuk menghantarkan permohonan-permohonan tersebut kepada kementerian saya. Sekian.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, sebenarnya sejak tahun lepas kita telah pun dengar bahawa *Renewable Energy Bill*, Rang Undang-undang Tenaga Yang Boleh Diperbaharui akan dibentangkan di Dewan Rakyat. Akan tetapi kita sudah tunggu satu tahun, berapa banyak saya bercakap dengan pelabur asing bahawa, “*Oh, the bill will be presented in Parliament.*” Sampai sekarang kami tidak lihat pun. Akan tetapi sekarang saya hendak tahu sama ada rang undang-undang akan dibentangkan dalam sesi ini. Kalau boleh, saya rasa ini adalah lebih mudah bagi MIDA dan juga kesemua pejabat di semua negeri yang mempromosikan pelaburan asing itu untuk menggalakkan kemasukan pelaburan dalam bidang teknologi hijau.

Saya juga ingin tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian ada berhubung dengan Kementerian Sumber Manusia untuk memberi latihan kepada warga Malaysia supaya mereka boleh tahu macam mana hendak memenangi dan memasang solar panel dan juga benda-benda yang berkaitan dengan teknologi hijau ini kerana semua ini memerlukan teknik yang baru ataupun khas untuk menanganinya. Jadi, adakah latihan ataupun kolej ataupun institusi seperti ini didirikan oleh kementerian?

Dato’ Sri Peter Chin Fah Kui: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Pertama, Akta *Renewable Energy* ini atau Akta Tenaga Yang Boleh Diperbaharui ini, memang niatnya kita patutnya disediakan pada masa sekarang tetapi pihak AG masih hendak meneliti satu atau dua perkara dengan lebih teliti. Saya harap sebelum sesi ini ditamatkan, kita boleh bentangkannya untuk bacaan kali pertama. Bacaan kali yang kedua dan ketiga akan dibentangkan dalam sesi Mac tahun akan datang. Itu saya rasa kita boleh tentukanlah sebab AG ini kita perlulah mematuhi *time table*nya sebab kita perlulah secara rasminya mendapatkan persetujuan daripada pihak AG sebelum kita hantar ke Kabinet dan ke Dewan ini.

Mengenai latihan ini, saya setuju. Ini memang satu saranan yang baik. Kementerian sedang bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengadakan modul-modul supaya latihan bagi teknologi hijau ini, khususnya dari bidang-bidang yang kita akan promosikan iaitu bidang solar dan bidang *biomass*. Semua ini kita sudah ambil langkah untuk mewujudkan modul-modul yang diperlukan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bagi solar ini, memang sudah ada beberapa universiti tempatan seperti UTM, UNITEN dan sebagainya sudah mengambil langkah untuk mengadakan kursus-kursus atau kursus spesifik bagi latihan atau kemahiran dalam solar ini tetapi apa yang kita maksudkan sebagai latihan ialah *middle managers* dan juga *technician* yang kita pun perlukan dengan banyak pada masa akan datang.

5. Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta Menteri Kerja Raya menyatakan status kemajuan kementerian untuk menambahbaikkan jalan sepanjang Jalan Betong-Sarikei. Nyatakan juga sejauh manakah keberkesanan langkah-langkah kementerian yang diambil dapat mengurangkan kadar kemalangan sepanjang jalan tersebut dari tahun 2001 hingga sekarang.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato’ Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, jalan persekutuan dari Betong ke Sarikei, Sarawak sepanjang 108 kilometer merupakan sebahagian daripada jalan Pan Borneo yang telah, sedang dan akan dinaikkan taraf secara

berperingkat-peringkat oleh kerajaan. Di Sarikei, jalan dari simpang jalan Betong ke Bukit Kayu Malam, Sarawak sepanjang 91 kilometer telah pun siap dinaik taraf kepada standard piawaian JKR R5 pada tahun 2004 dengan kos RM276 juta.

Sebagai kesinambungan kepada projek ini, kementerian kerja raya telah mengemukakan cadangan bagi menaik taraf jalan dari Bukit Kayu Malam ke Sarikei sepanjang 18 kilometer dengan anggaran kos RM85 juta dalam *rolling plan* kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan oleh Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya setakat ini telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM23.1 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dan mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan jalan persekutuan di Sarikei di mana kerja-kerja di bawah Program Keselamatan Jalan yang sedang dilaksanakan ialah projek naik taraf jalan di Kilometer 421 ke Kilometer 428 Jalan Betong-Sarikei.

Skop projek dengan kos RM1.8 juta ini melibatkan kerja-kerja memperelok *super elevation* jalan, turapan baru dan pembinaan bahu jalan serta pemasangan papan tanda jalan di mana ia dijangka akan siap pada bulan Januari 2011. Sehubungan itu, usaha untuk meningkatkan kualiti dan ciri-ciri keselamatan jala di Sarikei ini akan diteruskan oleh kementerian ini menerusi peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sekian, terima kasih.

■1100

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan soalan saya. Berdasarkan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, program penambahbaikan sepanjang Jalan Betong – Sarikei masih tidak ada dalam *rolling plan* pertama iaitu tahun 2011 hingga 2012. Persoalannya, apakah prosedur atau langkah-langkah yang boleh diambil kementerian supaya projek penambahbaikan ini boleh dilaksanakan dalam *rolling plan* pertama *in view of the importance on the project* dengan izin.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat Sarikei. Jalan Betong ke Sarikei ini memang adalah sebahagian jalan yang sangat penting. Saya dilahirkan di Betong dan Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar adalah MP Betong. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan pula MP Saratok iaitu sebahagian jalan itu dan dengan MP Sarikei. Yang ini kita sudah tahu. Kerajaan sedang membincangkan untuk kita menaik taraf sepanjang Jalan Persekutuan di Jalan Pan Borneo khususnya di bahagian negeri Sarawak, sepanjang 1,500 kilometer dengan anggaran kos mungkin lebih RM2 bilion.

Kita akan membuat ini dengan cara berperingkat-peringkat. Dari Bukit Kayu Malam ke Sarikei, yang itu kita telah pun sediakan dalam *rolling plan* yang kedua. Mungkin kementerian akan cuba berunding supaya ia dipercepatkan. Kalau dapat, kita cuba *appeal* dengan pihak EPU supaya jalan ini boleh dibuat dalam *rolling plan* yang pertama. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan butiran lanjut projek pembangunan 'Little India' di Brickfields, Kuala Lumpur, manfaatnya kepada penduduk-penduduk dan halangan yang berbangkit.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan ini, saya ingin mengalu-alukan kedatangan murid-murid daripada SMK Air Panas, Wilayah Persekutuan. Selamat datang. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Brickfields terletak di kawasan yang pesat membangun di mana Kuala Lumpur Sentral dijangka akan menjadi hab pengangkutan utama kepada kemasukan pelancong asing ke Kuala Lumpur.

Little India merupakan sebuah kawasan lusuh yang terletak di pinggir bandar raya Kuala Lumpur. Ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak melakukan lawatan ke kawasan ini pada April 2009, hanya terdapat 13 penjaja berlesen manakala 68 penjaja yang lain tidak mempunyai lesen yang sah. Sementara itu terdapat 47 buah gerai beroperasi tanpa sebarang struktur.

Sehubungan itu, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menaik taraf kawasan ini dengan membina 87 gerai penjaja dan *kiosk* cenderamata kepada penjaja-penjaja setempat yang terdiri daripada semua kaum dan kebanyakannya adalah daripada masyarakat India. Kini semua penjaja tersebut telah mempunyai lesen serta gerai yang berstruktur dengan kemudahan-kemudahan asas yang lengkap untuk berniaga. Sekiranya kerajaan tidak mengambil inisiatif untuk memajukan kawasan Little India, penjaja-penjaja tepi jalan ataupun di bahu jalan yang kebanyakannya terdiri daripada kaum India tidak akan mungkin mampu untuk memiliki premis perniagaan yang berstruktur di Brickfields.

Selain daripada merubah wajah Brickfields kepada persekitaran yang lebih baik, pelaksanaan projek Little India juga dijangka akan membawa banyak manfaat kepada semua pihak terutamanya dari segi sosioekonomi termasuk penyusunan semula pembangunan di Brickfields. Projek ini juga dijangka dapat menambah dan meningkatkan peluang pendapatan, pekerjaan, perniagaan dan juga pelaburan baru kepada pemilik-pemilik perniagaan dan bangunan di kawasan sekitar dan juga peningkatan nilai hartanah.

Little India akan dilancarkan bersama pada 27 Oktober 2010 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan Tuan Yang Terutama Dr. Manmohan Singh pada pukul 5 petang. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah projek pembangunan Little India Brickfields selaras dengan kehendak PSKL ataupun Pelan Struktur Kuala Lumpur dan Pelan Tempatan Kuala Lumpur (PTKL) kerana kita tidak mahu projek ini adalah sementara, yang pada satu masa nanti perlu ditukar semula sama seperti tindakan membaik pulih kuarters kakitangan kerajaan di Brickfields baru-baru ini membelanjakan RM20 juta.

Akan tetapi akhirnya diroboh bagi memberi laluan projek dan kerajaan sudah membazirkan wang rakyat sebanyak RM20 juta baru-baru ini. Jadi kita bimbang pembangunan semula Little India di kawasan ini iaitu Brickfields, masa hadapan akan menjadi musnah begitu sahaja. Saya juga ingin tahu adakah kerajaan atau kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menambah bahasa Tamil di papan tanda jalan di sekitar kawasan Brickfields untuk memudahkan pelancong-pelancong dari India? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebetulannya semua pembangunan Little India di kawasan Brickfields telah mengikut zon guna tanah, mengikut peraturan-peraturan dan syarat-syarat sedia

ada. Apabila KL Sentral telah dibangunkan, kawasan Little India ini memberi secara lebih sebagai *clump*.

Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat penduduk setempat khususnya peniaga-peniaga telah merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kawasan ini ditukar wajah ataupun dinaikkan taraf menjadi Little India. Yang Amat Berhormat setelah mengkaji kedudukan sebenar dan pandangan-pandangan daripada penduduk setempat telah memberi kebenaran untuk kawasan ini dinamakan sebagai Little India dan akan kekal sebagai Little India selama-lamanya.

Keduanya mengenai tulisan-tulisan Tamil. Buat masa ini, semua bangunan ataupun landskap yang dibuat mengikut ciri-ciri tradisi masyarakat India. Mengenai bahasa Tamil, kita belum ada sebarang permintaan lagi. Sekiranya ada, kementerian akan mengkaji keperluannya. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kerana bijak mewujudkan satu projek pembangunan Little India yang memang diperlukan. Soalan saya, adakah cadangan-cadangan lain untuk mewujudkan kawasan Little India di tempat-tempat lain di Malaysia? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang kita telah bina di Wilayah Persekutuan khususnya di Brickfields buat masa ini mencukupi. Akan tetapi mengenai kawasan-kawasan lain tidak masuk di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah. Terima kasih.

7. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta Menteri Kewangan menyatakan status terkini Empangan Bakun Sarawak yang sedang dibina tetapi menghadapi masalah 'pembeli elektriknya'.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 1 September 2010, kemajuan keseluruhan Projek Hidro Elektrik Bakun adalah pada tahap 97% siap. Selain itu, Kerajaan negeri Sarawak pada 28 September 2010 telah meluluskan permit kebenaran untuk menakung air di empangan tersebut dan proses takungan air tersebut telah dimulakan pada 13 Oktober 2010.

■1110

Projek Hidroelektrik Bakun dijangka memerlukan enam bulan hingga tujuh bulan bagi mencapai paras takungan minimum untuk menggerakkan *turbine* yang pertama sekurang-kurangnya satu bulan diperlukan untuk menjalankan proses *testing* dan *commissioning* berdasarkan jangkaan masa tersebut. Projek Hidroelektrik Bakun hanya akan mula beroperasi pada bulan Julai tahun 2011. Projek Hidroelektrik Bakun tidak menghadapi masalah pembeli elektriknya memandangkan pembangunan *Sarawak Corridor of Renewable Energy* atau SCORE memerlukan 3,800 megawatt hingga 4,000 megawatt tenaga elektrik yang mana 1,700 megawatt adalah daripada sumber projek Hidroelektrik Bakun. Ini adalah selaras dengan keputusan kerajaan supaya sumber tenaga elektrik dari Projek Hidroelektrik Bakun adalah bagi kegunaan negeri Sarawak. Sekian.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat tiga syarikat yang memberi tender untuk membeli Empangan Bakun ini. Yang mana nombor satu ialah 1Malaysia Development Berhad yang menawarkan harga RM8 bilion. Kedua *Qatar Investment Authority* dengan harga RM8.8 bilion dan ketiga Kerajaan Negeri Sarawak yang menawarkan harga RM6 bilion. Jadi saya ingin penjelasan daripada kementerian, mengapa kerajaan menerima tender Kerajaan Sarawak walaupun ia merupakan harga paling rendah? Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Simpang Renggam. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Hidroelektrik Bakun pada masa ini dimiliki oleh Syarikat Sarawak Hidro Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Kementerian Kewangan. Kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM7.3 bilion. Atas pembangunan projek seperti *aluminium smelting* yang memerlukan 1,000 megawatt dan projek SCORE yang memerlukan 4,000 megawatt, adalah wajar projek Hidroelektrik Bakun dimiliki oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Dengan itu, Kementerian Kewangan telah memulakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sarawak pada bulan Mei 2010. Pada 26 Ogos, Kerajaan Negeri Sarawak telah melalui surat bahawa mereka bersedia ambil alih projek Bakun dengan tawaran harga kos projek.

Pada 1 September 2010, Jemaah Menteri bersetuju supaya harga jualan projek Bakun adalah berdasarkan kos sebenar yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat. Buat masa ini, *due diligent* telah dilaksanakan ke atas Syarikat Sarawak Hidro Sdn. Bhd. bagi mendapatkan harga yang sepatutnya kita harap, *sales and purchase agreement* boleh diselesaikan dalam tahun ini. Sekian.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Menteri, berkenaan dengan kos. Sebab kalau kita lihat walaupun dari kos wang ringgit itu RM7.3 bilion, kos yang sebenarnya dari segi kos sosial dan kos kepada *environment* adalah begitu besar sebab lebih kurang puluhan ribu orang asal di kawasan Bakun itu telah hilang tempat duduk mereka. Bukan setakat itu, hutan yang sebesar Pulau Singapura akan ditenggelamkan dalam Empangan Bakun ini.

Jadi kalau kita lihat walaupun kiraan kos wang ringgit tetapi saya lihat apabila Empangan Bakun ini mula menjana elektrik, kemungkinan projek-projek di bawah SCORE dan *aluminium smelting* ini belum siap. Jadi bagaimana kita hendak *synchronize* bekalan elektrik dan juga permintaan elektrik dalam projek yang sebesar ini.

Soalan tambahan saya, adakah apabila kita mengadakan projek sedemikian, adakah projek ini semata-mata untuk *Aluminium Smelting Plant* ataupun untuk kesejahteraan rakyat di Sarawak. Kita lihat misalnya, kurang daripada 80% rakyat di pedalaman Sarawak masih tidak ada bekalan elektrik. Jadi saya mohon pandangan Menteri. Sekian.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat dari Gopeng. Untuk makluman Yang Berhormat, memang adalah benar kalau saiz projek seperti Hidroelektrik Bakun ini, kalau kita hendak bina memang akan bebankan rakyat di tempat itu. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak, kita memang sedar bahawa ada masalah tertentu dan kita telah ambil tindakan sewajarnya untuk memberi pampasan yang sepatutnya kepada mereka.

Seperti yang kita tahu kapasiti *hydropower Bakun* ini adalah 2,400 megawatt. Kita hendak bangukan industri di Sarawak supaya rakyat di negeri Sarawak boleh dapat pekerjaan. Kita memang hendak semua rakyat di Sarawak ada bekalan elektrik iaitu ada di bawah Kementerian Tenaga dan mereka akan jawab soalan itu sebab Yang Berhormat kata 80% sahaja, saya pun tidak dapat jawab. Oleh itu kita memang hendak bantu semua pihak, bukan sahaja dari segi bekalan elektrik tetapi juga pekerjaan dan membangunkan masyarakat. Sekian.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kerana saya ada soalan Bakun Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nantilah lain kali Yang Berhormat.

8. Tuan Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu] minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan:-

- (a) apakah langkah yang diambil berkaitan penyeliaan, pengawalan dan penguatkuasaan berkaitan hasutan agama dan perkauman di media elektronik dan siber; dan
- (b) apakah langkah dan tindakan yang diambil terhadap TV3 yang menyiarkan iklan "Sinari Lebaran" yang jelas menghina dan mengaibkan Islam. Berikan butiran mereka yang terlibat dengan pembikinan dan penyiaran iklan tersebut.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan penguatkuasaan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 atau AKM 98. Kesalahan-kesalahan berkaitan adalah terkandung dalam seksyen 211 dan seksyen 233. Kesalahan di bawah akta tersebut bukan hanya tertumpu pada kandungan artikel yang ditulis dan disiarkan dalam laman-laman tersebut oleh pemilik laman atau penulis yang menghantar penulisan mereka ke laman tersebut. Malah pengunjung yang melawat laman tersebut yang berinteraksi serta menghantar komen-komen yang menyentuh hasutan agama dan perkauman juga adalah mereka yang melanggar undang-undang.

Bagi kesalahan yang lebih serius seperti mencerca, menghina agama Islam dan lain-lain agama serta tulisan yang boleh mencetuskan api perkauman di mana diakui boleh menggugat keselamatan negara, ia adalah lebih menjurus kepada jenayah Akta Hasutan 1948 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri atau KDN.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kes yang dikatakan menghina dan mengaibkan Islam berkaitan iklan "Sinari Lebaran" yang telah disiarkan oleh TV3, suka saya menyatakan bahawa pihak SKMM telah selesai menyiasat aduan tersebut di bawah seksyen 206(3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Seperti mana yang ditetapkan di bawah seksyen 242 akta tersebut, kompaun maksimum sejumlah RM50,000 telah ditawarkan kepada pihak TV3. Terima kasih.

■1120

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang menunjukkan bahawa ada peruntukan perundangan yang boleh dikenakan tindakan terhadap perkara yang saya bangkitkan dalam soalan tersebut. Tetapi, soalan yang saya hendak kemukakan pagi ini Tuan Yang di-Pertua, apakah rasional tiada tindakan atau pendakwaan yang dikenakan terhadap Wee Meng Chee atau Namewee yang menyiarkan video klip bertajuk '*Racism in Malaysia*' yang jelas mengandungi unsur menghina Islam, bangsa Melayu dan memperlekeh pihak berkuasa dengan perkataan, gambar dan isyarat lucah seperti perkataan '*Fuck Racism Malaysia*'. 'Kementerian Pelajaran Malaysia kurang ajar, Cikgu Siti Insiah *sucks banana*, otak sudah rosak, mulut macam lampak. Siapa buat Malaysia kaya? Siapa cakap semua orang mesti puasa?' Dan gambar serta isyarat lucah seperti isyarat jari lucah, gambar unta dengan mulut dipenuhi alat kemaluan lelaki, gambar wanita Islam bertudung dengan tanda *cross* berpangkah.

Adakah kementerian sedar ini adalah anasir *chauvinist* dan rasis yang sama, yang membuat video klip 'Negarakuku' yang menghina negara dan rakyat Malaysia tiga tahun lepas. Beliau kelihatan mengambil kesempatan daripada sikap lembut dan kemaafan yang ditunjukkan oleh rakyat dan negara dan Kerajaan Malaysia atas kebodohan dan sikap biadab dan kurang ajar beliau. Beliau jugalah anasir yang sama yang membuat video klip bertajuk 'Fuck TNB Malaysia'.

Jadi saya tidak faham, saya berharap Timbalan Menteri ada melihat video klip tersebut. Saya tidak faham atas alasan apa tidak ada tindakan diambil. Dengan jumlah *visitor* kepada laman tersebut bagi video klip tersebut pelawatnya sahaja berjumlah 316,199. Bagi video klip 'Negarakuku' *visitomya* setakat hari ini ialah 1.06 juta dan kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tengok komen-komen di bawah itu, kalau tidak dibendung ianya akan membawa akibat yang buruk kepada keharmonian kaum dan agama yang sudah ada di negara ini.

Saya berharap Timbalan Menteri tidak akan menjawab 'akan kaji, akan siasat'. Sebab mengikut jawapan Parlimen yang diberikan minggu lepas 14 Oktober dalam soalan yang saya tanya sendiri, Menteri menjawab bahawa dalam kes Wee Meng Chee 'Peguam Negara dan pendakwa raya memutuskan suspek Wee Meng Chee tidak akan didakwa'. Di waktu yang sama seorang *blogger* bernama Irwan Abdul Rahman dikenakan tindakan pendakwaan hanya kerana menyindir TNB. Jadi saya tidak faham rasional kenapa tidak ada pendakwaan dan tindakan dikenakan kepada Wee Meng Chee ini. Jadi saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya katakan dalam jawapan asal saya tadi, bahawa tindakan atas apa-apa perbuatan adalah bukan hanya diambil oleh SKMM sahaja. Berkenaan dengan Wee Meng Chee atau Namewee, rasional yang diminta oleh Yang Berhormat sebenarnya tidak ada rasional untuk tidak ambil tindakan kerana bagi pihak SKMM, SKMM sudah mengambil tindakan tetapi bagaimana Yang Berhormat sebagai *lawyer* tahu bahawa SKMM tidak ada kuasa untuk membawa ke mahkamah. Hanya menyiasat dan memberi hasil siasatan kepada Peguam Negara dan sebagaimana yang Yang Berhormat sendiri katakan bahawa Menteri sudah mengatakan tidak ada tindakan yang boleh diambil, itu terpulang kepada Peguam Negara untuk memutuskan.

Namun demikian tidak boleh dikatakan bahawa kementerian tidak ada mengambil tindakan. Boleh saya mengingatkan di sini semua tindakan yang boleh mengancam keselamatan atau boleh menyinggung perasaan, menyakitkan hati mana-mana kaum atau masyarakat atau mana-mana orang boleh diambil tindakan. Memang ianya diambil tindakan. Namun bukti-bukti mengapa perbuatan tersebut dibuat dan saya percaya perkara ini diambil kira oleh pihak Peguam Negara, dan biarlah Peguam Negara menentukan apa tindakan yang sepatutnya diambil ke atas pihak yang tidak bertanggungjawab ini. Terima kasih.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah inisiatif pihak kementerian di samping soalan tambahan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu berhubung dengan iklan-iklan ataupun aktiviti memuatkan media-media yang tidak bertanggungjawab ke internet ataupun laman sesawang terutamanya dari media-media antarabangsa ataupun bahan daripada luar negara yang nyata sekali tidak mempunyai nilai-nilai moral yang baik dan boleh mengancam dari segi bagaimana dia boleh mendidik ataupun mempengaruhi minda masyarakat Malaysia terutamanya generasi muda. Jadi saya mohon penjelasan daripada kementerian apakah inisiatif kementerian untuk membendung media barat ini supaya dapat disaring dari segi kemasukannya untuk mengedar maklumat dan video-video yang tidak bertanggungjawab ke negara kita. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Silam. Tuan Yang di-Pertua, isu pengiktirafan apa yang boleh dikatakan salah atau betul adalah pengiktirafan di sesebuah negara dan tidak sama misalnya apa yang kita anggap sebagai lucu di sini mungkin dipandang *grey*, dengan izin di sebelah sana. Oleh yang demikian, sukar untuk kita mengawal ataupun mencari jalan bagaimana kita boleh mengajar orang di seberang laut ataupun di negara lain. Namun demikian, yang boleh kita buat, iaitu di negara kita sendiri, kita boleh ambil tindakan dan kita mencari jalan dari segi mengajar di sekolah, apakah nilai-nilai yang patut kita ajar dan apa yang patut kita praktikkan di negara kita. Seperti mana yang sering dikatakan bahawa kementerian ini selalu mengambil tindakan.

Misalnya pada September 2010 sahaja, kementerian ini menerima 439 aduan (Komunikasi 398, perkhidmatan internet 17, penyiaran 21 dan pos *currier* 3 kes). Semua aduan ini disiasat *and* tindakan sewajarnya diambil.

■1130

Kita sebagai kementerian yang bertanggungjawab kepada penyiaran memang sentiasa berpegang teguh kepada nilai-nilai yang patut kita pegang di negara yang majmuk, berbilang bangsa, pegangan agama dan kaum. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat berkaitan dengan soalan-soalan lisan ini. Kita dapati hari ini tidak ada seorang pun ahli daripada PAS yang diberi peluang untuk nombor kesepuluh ke atas. Kami juga faham sekarang ini UMNO mengadakan Perhimpunan Agung mereka dan Ahli-ahli UMNO, wakil rakyat UMNO tidak – dan sebetulnya

disenaraikan tetapi PAS bukan UMNO Tuan Yang di-Pertua. PAS didapati yang tersendiri dan hadir di sini berharap bahawa esok lusa ini peluang untuk Ahli-ahli PAS – Oh! Esok sudah tidak ada. *[Ketawa]* Hari ini sahaja peluang untuk kita diberikan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat, apabila kita menimbang soalan-soalan yang kita susun atur, tidaklah terlekat di fikiran kita bahawa pada hari-hari yang berkenaan soalan-soalan itu daripada mana-mana parti. Bagi kita ialah cuma daripada kerajaan dan daripada pihak pembangkang. Walaupun begitu saya akan ambil perhatian untuk masa akan datang.

Tuan Haji Nasharudin Mat Isa [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan sedikit sahaja, juga sehubungan dengan soalan yang sedemikian telah menjadi amalan kita. Soalan-soalan yang spesifik kepada sesuatu kawasan itu kalau boleh tidak dimasukkan dalam sepuluh soalan yang terawal. Contohnya seperti hari ini, kita tahu permasalahan rakyat yang perlu dibela. Akan tetapi apabila soalan itu spesifik, ruang untuk kita bertanya soalan tambahan itu mungkin akan terbatas. Jadi, kenapa tidak kalau soalan-soalan spesifik untuk kawasan-kawasan tertentu tidak dimasukkan di dalam sepuluh atau pun 15 soalan yang terawal bagi membolehkan semua partisipasi Ahli-ahli Dewan yang lain bertanyakan soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apabila kita menyusun atur soalan-soalan daripada satu sehingga sepuluh misalnya, supaya Yang Berhormat Menteri dapat menjawab, ka juga ambil kira kriteria-kriteria yang lain seperti ada besar kemungkinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedemikian belum pernah soalan beliau dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi, kita bersikap adil bahawa itu pun kita ambil kira. Saya juga ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kalau ada soalan spesifik yang nampak spesifik seperti tadi itu kecuali Ahli-ahli Yang Berhormat yang juga ingin tanya soalan tambahan terhadap soalan spesifik itu mesti soalan tambahan itu juga mesti berkisar kepada soalan asal. Walau bagaimanapun, saya nampak bahawa ada Yang Berhormat yang berminat juga untuk bangkitkan soalan lain di tempat lain. Akan tetapi demi untuk kelicinan Mesyuarat, saya benarkan. Jadi, sama-sama kita berfikir mengenai dengan soal ini. Sila setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2011****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2011**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2011 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh satu bilion satu ratus lapan puluh satu juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu ringgit (RM51,181,894,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2011, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2011, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 2010, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut.” **[20 Oktober 2010]**

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Bagan Serai, menyambung ucapan dan Yang Berhormat yang baki itu tolong jangan lagi panjangkan. Saya difahamkan bahawa ada lagi beberapa minit yang tinggal. 25 minit lagi.

11.34 pg.

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam bahagia kepada semua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyambung semula mengenai dengan ucapan saya semalam. Semalam saya telah pun membincangkan mengenai dengan cara usaha meningkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar. Semalam saya telah mengatakan bahawa ekor an daripada ucapan Yang Berhormat Kalabakan yang mencadangkan supaya bentuk bantuan yang diberikan kepada rakyat bukanlah dalam bentuk makanan dan wang. Saya telah mengatakan pada akhir semalam iaitu kita berikan kepada penerima iaitu pancing sahaja kepada mereka.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Mesyuarat]

Perkara ini telah pun saya nyatakan bahawa benda ini saya telah pun lakukan di mana apa yang saya cuba ingin menegur segelintir masyarakat yang sentiasa mengharapkan bantuan atau pun subsidi. Sebagai contoh, saya telah pun

memberikan mata kail kepada seorang yang memohon bantuan wang dan apa yang dia kata, *“Ayoyo, apa macam sama ini Yang Berhormat, itu macamkah, bila baru saya mahu makan? Banyak susah mahu cari umpanlah”*. Itu jawapan yang diberikan kepada saya. Saya hanya menyatakan kepada dia, *“Itu you pandai-pandailah. Kalau kamu mahu cari ikan yang besar gunakanlah pancing dan umpan yang sesuai dengannya”*. Jadi, bagi saya yang saya cuba mahu buat iaitu yang lebih bersedia iaitu menimbang iaitu saya buat satu kaedah di mana saya buat beri bantuan bentuk pokok stevia atau pun anak ayam untuk dipelihara.

Jadi, dengan kata lain jika dia berusaha dengan sendirinya dia akan dapat membangunkan kehidupannya masa akan datang. Dalam pada itu pun ada juga yang merungut bahawa, *“Kami pun tidak cukup makan, inikan pula mahu beli makanan ayam”*, saya hanya memberikan kepada yang betul-betul yang bertanggungjawab atau pun komited. Perkara ini telah pun berjalan. Saya ingin menegur iaitu beberapa program yang telah dijalankan oleh kerajaan yang kurang berjaya. Seperti contoh, Program Anak Ayam dan juga Program Pawah Lembu dan Kambing. Di dalam Dewan yang mulia ini, pada sesi persidangan yang lalu saya telah pun menyuarkan masalah monyet atau pun kera di kawasan Bagan Serai. *Alhamdulillah* saya bagi pihak penduduk di kawasan Parlimen Bagan Serai mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan PERHILITAN yang telah membekalkan 7 buah perangkap monyet. Untuk makluman Ahli Dewan, perangkap tersebut telah berhasil dengan tangkapan melebihi 300 ekor monyet yang telah ditangkap.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: [Ketawa] 301 lah.

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: Selain itu juga pihak jawatankuasa iaitu Pusat Perkhidmatan Parlimen Bagan Serai telah pun membuat sendiri perangkap yang bersaiz kecil iaitu 6x4x2 yang mudah alih dengan kos hanya RM250 sahaja. Akan tetapi yang dibekalkan oleh jabatan dijangkakan kosnya melebihi RM1,000 kerana ia adalah terdiri daripada kepingan besi yang berukuran 8x10x10. Jadi, saya cadangkan supaya jabatan atau pun penduduk bermuafakat untuk membuat sendiri dan tidaklah berharap kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, kerajaan telah memperuntukkan pembinaan serta menaik taraf jalan di luar bandar dengan mengagihkan sebanyak RM696 juta di Semenanjung manakala peruntukan untuk bekalan air dan elektrik di luar bandar sebanyak RM556 juta untuk di Semenanjung. Diharapkan di dalam peruntukan tersebut janganlah dilupakan penduduk di kawasan saya yang lama mengharap cahaya untuk mengharungi kegelapan malam untuk anak-anak ke sekolah dan juga untuk pekerja yang pulang malam selepas bekerja. Untuk makluman banyak kawasan iaitu di parit-parit dan ditebuk-tebuk yang masih belum mendapat bekalan lampu dan lampu jalan seperti di Nibung Hangus, Parit Ali Kalang, dan lain-lain lagi. Pemasangan lampu jalan di kampung perlu diberi perhatian kerana apabila jalan gelap boleh berlaku beberapa masalah seperti kecurian wayar kabel, telefon dan juga di kampung yang ramai penduduk sudah tentu ramai kanak-kanak sekolah...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Penjelasan.

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: Pergi ke sekolah. Sebentar, di sebelah subuh hari yang agak gelap. Maka, dengan adanya lampu pasang di tempat-tempat sewajarnya *insya-Allah* akan dapat mengurangkan jenayah kecurian, ragut, rogol dan sebagainya. Okey, silakan.

■1140

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat, saya ingin tanya, adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa peruntukan RM600 juta lebih untuk pembangunan luar bandar itu tidak mencukupi? Cadangan kerajaan untuk membina menara yang akan menelan kos RM5 bilion itu lebih baik digunakan untuk pembangunan luar bandar untuk membekal elektrik, air dan juga membina rumah-rumah kos rendah untuk penduduk-penduduk luar bandar. Adakah Yang Berhormat setuju? Terima kasih.

Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]: Terima kasih sahabat saya dari Telok Intan. Memang saya sangat setuju. Sebenarnya banyak lagi kawasan – kalau kita perincikan, memang banyak. Sebagai contohnya, kalau kita perhatikan ada sebuah jalan yang penduduk masih bertanya mengenainya iaitu di Parit Mat Keling yang melalui ladang Ee Seng di Sungai Gedung dan di Alor Setanggok, Semanggol yang belum lagi dibina. Bukannya jauh mana iaitu hanya sekitar tiga ke empat kilometer sahaja. Jadi mohonlah apa kiranya supaya perkara ini mendapat perhatian. Mereka telah lama menunggu, namun ianya berlalu selepas pilihan raya demi pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak-pihak berkenaan agar mengambil perhatian supaya jambatan di Sungai Gedung dan juga setiap kepala parit seperti Parit Haji Taib, Parit Haji Ali, Parit Gabis, Parit Haji Aman dan lain-lain supaya diterangi dengan lampu limpahan jalan bagi mengelakkan kemalangan yang tidak diingini berlaku.

Saya juga ingin mengetahui bilakah pelebaran jambatan di Sungai Bogak iaitu berhadapan dengan loji pam air di Sungai Bogak hendak dilaksanakan? Ini kerana saya telah dimaklumkan kelulusan telah dibuat pada tahun 2008 yang lalu. Pelebaran jambatan ini amatlah diperlukan kerana sebelum dan selepas jambatan ini, jalannya terdiri daripada empat lorong yang lurus dari pekan Bagan Serai ke Simpang Lima. Bukan di situ sahaja, saya mohon agar kesemua jalan yang sebegini diambil perhatian.

Dalam menangani masalah rakyat berhubung dengan kemudahan awam seperti lampu jalan dan parit, saya mendapati terdapatnya pertindihan di antara JKR, PBT dan JPS. Sebagai contoh, penyeliaan lampu jalan ke Kuala Gula Resort didapati berlaku tolak menolak antara JKR dan PBT. Begitu juga parit di Semanggol di antara JPS dan juga JKR. Saya juga ingin mencadangkan agar pihak JKR dan juga PBT ataupun Majlis Perbandaran, Majlis Daerah agar menghebahkan kepada masyarakat berhubung dengan tanggungjawab masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kepada ibu-ibu tunggal pula dan juga fakir miskin, saya telah menziarahi mereka dan mendapati ramai di kalangan mereka masih tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak yang berkaitan. Sebagai contoh, sebuah keluarga yang tinggal di Kampung Padri di Bagan Serai yang tinggal menumpang di tanah orang lain dengan empat orang cucu – semuanya perempuan. Pintu hanya ada di sebelah hadapan rumah sahaja manakala di belakangnya iaitu di dapur tidak ada pintu. Apakah ini masih belum layak dibantu oleh kerajaan? Oleh yang demikian, saya merayu janganlah sampai ke TV3 'Bersamamu' akan diterbitkan. Jadi sebelum pada itu, saya haraplah kita ambil perhatian tentang ini dan apabila meneruskan bantuan, janganlah adanya kemasukan fahaman politik bersama.

Saya juga menyahut baik pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas perkakasan jalur lebar iaitu *broadband equipment* dan juga telefon bimbit sehingga tahun 2012 dalam usaha meningkatkan kadar capaian dan penembusan Internet di Malaysia. Peruntukan untuk program *Multimedia Development Corridor* sebanyak RM119 juta untuk menghasilkan ekonomi digital yang inovatif juga disambut baik. Saya berharap peruntukan ini akan digunakan untuk membangunkan satu ekonomi mampan yang didukung oleh *knowledge worker* tempatan yang dihasilkan oleh universiti tempatan.

Saya juga menghargai tindakan kerajaan dalam membekukan kenaikan kadar tol lebuhraya PLUS untuk tempoh lima tahun akan datang. Saya berharap tindakan ini juga boleh dipanjangkan kepada pengusaha-pengusaha tol selain daripada PLUS. Namun begitu, saya berharap kerajaan dapat memberikan perhatian dan penjelasan serta mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap perkara-perkara berikut.

Pertama, bantuan dan penambahbaikan sekolah-sekolah kebangsaan di luar bandar dalam konteks pembangunan sumber manusia bagi menyokong ETP tidak disebut dengan jelas dalam belanjawan kali ini.

Kedua, keperluan untuk membina satu bangunan pencakar langit 100 tingkat berhampiran Stadium Merdeka dan Stadium Negara tidak berapa jelas justifikasinya, kerana kalau kita perhatikan, di kawasan Lembah Klang kini mempunyai bekalan ruang pejabat dan kediaman yang berlebihan. Sebagai contohnya, kita perhatikan jalan ke Kajang sahaja pun ada kekosongan bangunan yang telah beberapa tahun sudah tidak diisi-isi. Masalah ini dijangka akan berterusan sehingga menyebabkan letusan gelembung hartanah (*property bubble burst*) menjelang pertengahan tahun 2011.

Ketiga, pihak kerajaan ataupun EPF perlu memberikan justifikasi kenapa wang simpanan rakyat dianggap sesuai untuk digunakan bagi projek pembangunan tanah kepunyaan Lembaga Getah Malaysia di Sungai Buloh yang akan dibiayai oleh EPF sebanyak RM10 bilion untuk tempoh 15 tahun.

Akhir sekali, pihak EPF akan meningkatkan pelaburan luar negara daripada 7% ke 20% di jumlah aset yang diuruskan. Saya melihat ini adalah merupakan satu risiko yang melibatkan wang rakyat digunakan untuk membangunkan ekonomi luar negara, sedangkan ekonomi negara lebih memerlukan sebarang bentuk pelaburan. Persoalan saya, mengapakah perkara ini ditingkatkan sehingga ke 20%? Adakah kemungkinan bahawa pihak kerajaan ataupun EPF tidak mempunyai keyakinan dalam membangunkan ekonomi negara kita? Ini adalah satu persoalan di mana kita sama-samalah perhatikan dan kita minta pihak-pihak yang berkenaan untuk memberikan penjelasan mengapa yang sedemikian banyak sekali wang diperlukan untuk kita membangunkan di luar negara.

Akhir kata, saya berharap belanjawan pada tahun 2011 ini akan dilaksanakan dengan cekap dan mencapai hasrat yang diinginkan demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara. Dengan ini, saya mohon menyokong. *Wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:
Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

11.48 pg.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Ini peluang untuk saya melibatkan diri dalam perbincangan bajet untuk tahun 2011 iaitu bajet kita yang menelan belanja RM213 bilion.

Satu persoalan yang saya hendak mohon penjelasan daripada pihak kerajaan – kerana kerajaan selalu menyatakan bahawa kekurangan dana untuk perbelanjaan kita yang meningkat tetapi nampaknya kerajaan tidak menuju ke arah untuk mengurangkan perbelanjaan, sebaliknya hampir 3% peningkatan perbelanjaan kita untuk tahun 2011 yang akan datang. Jadi sepatutnya bila kita kekurangan dana ini, kita harus melihat bagaimana untuk kita mengurangkan perbelanjaan mengurus sedangkan perbelanjaan mengurus kita begitu besar iaitu hampir 75%. Ini menunjukkan bahawa satu perbelanjaan yang tidak diurus secara yang sebaiknya.

■1150

Keduanya ialah hasil peningkatan penambahan pendapatan negara kita juga tidak menunjukkan satu peningkatan yang membanggakan. Kalau kita lihat dalam laporan yang disebut bahawa penambahan pendapatan kita hanya berlegar pada 2.3% iaitu penambahan RM3 bilion berbanding dengan tahun 2010 RM162 bilion, tahun 2011 hasil pendapatan kita RM165 bilion. Ini bermakna bahawa penambahan pendapatan kita RM3 bilion sedangkan kita *spent* untuk tahun 2010 sahaja RM190 bilion lebih untuk Belanjawan 2010. Belanjawan 2010 ini kita *spent* hampir RM190 bilion lebih sepatutnya telah dapat memberikan lonjakan untuk menambahkan pendapatan negara kita, memberikan pulangan yang baik untuk penambahan pendapatan pada tahun 2011.

Tahun 2011 pula kita telah pun membelanjakan begitu besar, memperuntukkan dengan RM213 bilion sedangkan unjuran penambahan pendapatan kita ialah hanya RM3 bilion ataupun 2.3%. Ini bermakna kita *spent* duit yang begitu besar tetapi pulangan hasil penambahan pendapatan kita terlalu kecil.

Oleh sebab itu saya ingin mendapat penjelasan, apakah kebergantungan kerajaan kepada hasil-hasil perolehan pendapatan yang kita peroleh? Nampaknya kalau kita lihat di sini bahawa kita lebih banyak bergantung hanya kepada cukai pendapatan semata-mata dan cukai pendapatan itu datang daripada syarikat korporat dan sebagainya yang tidak memperlihatkan satu usaha kerajaan untuk menerokai satu peluang-peluang baru untuk menambahkan hasil pendapatan negara kita.

Kalau saya lihat bahawa satu yang harus dilihat oleh kerajaan, saya memerlukan satu jawapan ialah tentang soal penambahan pendapatan baru ini, penerokaan kepada sumber-sumber baru ini. Satu, sumber baru. Keduanya, sumber-sumber yang telah ditinggalkan begitu lama umpamanya industri perlombongan. Kita telah menerokai industri perlombongan ini begitu lama umpamanya dengan bijih timah dan sebagainya sedangkan kalau kita melihat bahawa industri perlombongan ini - pengeluaran dalam negeri dari segi perlombongan ialah 3.4% sedangkan kalau mengikut penjelasan yang telah dibuat oleh Jabatan Mineral bahawa *reserve* mineral yang ada dalam negara kita ini 235 bilion. Jadi sepatutnya bagi saya bahawa dengan jumlah 235 bilion *reserve* mineral yang ada dalam negara kita ini sudah boleh menjana satu penambahan pendapatan yang lebih baik untuk masa hadapan negara kita yang boleh

dimanfaatkan secara yang sebaik-baiknya demi untuk kepentingan rakyat dalam negara kita.

Keduanya ialah saya menyokong persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Langat semalam yang menanyakan pihak kerajaan, apa jadi dengan program bio-gen, bio-diesel yang diuar-uarkan setelah sekian lama. Ini kerana bagi saya bahawa ini sebagai sumber-sumber baru yang harus diterokai secara yang serius yang dihasilkan daripada hampas kelapa sawit, bukan yang dihasilkan daripada buah kelapa sawit yang baru tetapi hampas yang selalunya ditinggalkan.

Akan tetapi, saya tidak nampak satu usaha yang bersungguh-sungguh sedangkan usaha ini sepatutnya telah boleh mengembangkan industri kita secara yang lebih baik pada masa yang akan datang ini termasuklah kepada industri-industri yang bersifat *biochemical* umpamanya untuk melahirkan industri *plastic bag* yang lebih mesra alam dan sebagainya daripada industri biodiesel ini. Akan tetapi nampaknya bahawa tidak ada usaha yang bersungguh-sungguh daripada kerajaan khususnya daripada FELDA untuk memanfaatkan hampas kelapa sawit ini.

Saya melihat bahawa tidak ada satu fokus, untuk menjana tenaga pun kita hendak buat, untuk menjana diesel pun kita hendak buat. Jadi, akhirnya kita tidak ada satu tumpuan menyebabkan bahawa tidak ada satu fokus yang jelas untuk mendapatkan satu penghasilan yang baik daripada hampas kelapa sawit ini sama ada kita hendak mendapat tenaga ataupun kita hendak mendapat diesel.

Jadi sepatutnya bagi saya bahawa kalau hampas kelapa sawit itu kita fokus kepada bio-gen untuk menjana tenaga, okey. Semua hampas kelapa sawit itu untuk bio-gen. Kalau kita katakan untuk menghasilkan biodiesel untuk mengatasi masalah yang selalu dikatakan bahawa kita telah kekurangan sumber petroleum dalam negara kita, kita tumpukan kepada untuk menjana bio-diesel.

Jadi sebab itu bagi saya Tuan Yang di-Pertua bahawa kerajaan harus memperjelaskan apa program-program yang telah dilakukan. Saya tidak menafikan bahawa FELDA ada menjana biodiesel dan juga bio-gen itu yang dihasilkan daripada hampas kelapa sawit tetapi tidak ada fokus. Kita hendak tahu bahawa berapa sumber penghasilan keuntungan, pulangan yang telah dapat diberikan untuk kepentingan FELDA sendiri dan kepentingan peneroka dan juga kepentingan negara kita dari segi hendak melonjakkan pertumbuhan ekonomi.

Akan tetapi saya nampak bahawa dalam belanjawan kita ini tidak satu yang menjurus kepada untuk menghasilkan sumber-sumber hasil yang baru ini yang sepatutnya kita terokai. Kita hanya hendak menghasilkan, hendak menjana, hendak *generate* ekonomi negara kita melalui seluar dalam sahaja. Jadi, nampak seperti seluar dalam ini satu yang memainkan faktor penting untuk lonjakan pertumbuhan 7% ekonomi negara kita pada tahun yang akan datang. Kelambu dan baju dalam pula sebagai faktor untuk menggerakkan pencapaian ETP dan GTP untuk negara berpendapatan tinggi.

Jadi, bagi saya bahawa yang lebih pentingnya ialah bagaimana sumber-sumber hasil baru yang seharusnya diberikan fokus oleh kerajaan Malaysia. Begitu juga kalau kita lihat bahawa...

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sekejap ya. Yang Berhormat Pokok Sena sebut tentang fokus tadi ini. Terima kasih Tuan Yang Dipertua, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya melihat kita sebenarnya tidak meletakkan *target* dalam suatu kajian ataupun pembangunan fokus kita ini. Kita pernah mendengar semasa Tun Dr. Mahathir, ada kereta yang menggunakan air yang dibawa masuk, diimport dari negara China dan telah dilancarkan pun dalam negara kita. Kenapakah kita tidak meneruskan kereta menggunakan bahan api daripada air ini?

Keduanya tentang penanaman Jatropha. Ini bermakna Jatropha ini boleh menghasilkan bio-diesel yang – tanamnya senang sahaja. Tanam, tinggal dan tuai. Begitu yang boleh diusahakan oleh orang-orang kampung dengan mudah dan senang. Kita tidak mempunyai satu fokus yang menjurus ke arah membantu masyarakat di luar bandar dan juga memantapkan ekonomi kita dengan cara yang senang iaitu boleh menggunakan air dalam menjalankan kenderaan. Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa cakap soal Pokok Jarak Atas, Jatropha ini lama sudah. Saya ingat di Parlimen ini ramai Ahli-ahli Parlimen bercakap soal pokok Jarak Atas. Orang kampung panggil Pokok Jarak Atas, bahawa saintifiknya Jatropha.

Jadi sudah lama sudah tetapi saya pun tidak nampak apakah usaha ke arah untuk meningkatkan hasil daripada penanaman Jatropha ini untuk menghasilkan bio-diesel sebab saya difahamkan bahawa Jatropha ini hanya enam bulan sahaja tanam pokoknya. Enam bulan kemudian kita boleh ambil untuk dijana bagi menghasilkan bio-diesel. Kita bukan perlu tunggu satu tempoh jangka waktu yang panjang. Ini mudah untuk membantu ekonomi masyarakat desa, masyarakat kampung yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi bukan melalui seluar dalam dengan baju dalam ataupun kelambu, kain selimut. Jadi, saya pun...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Penjelasan sedikit boleh?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya tertarik sungguh berkaitan hujah berkenaan dengan lambang-lambang yang diberi untuk beri kata kerajaan prihatin atas beberapa produk untuk kesejahteraan rakyat.

Akan tetapi, saya lihat dalam ini berkenaan dengan galakan-galakan itu seperti item-item Yang Berhormat Pokok Sena beritahu tadi, kerajaan boleh letak tarikh berkuat kuasanya serta-merta. Ada pukul 4.00 petang, pukul 4.00 petang hari pembentangan belanjawan. Maksudnya belanjawan pun tidak dibentangkan lagi, belum bahas lagi sudah bubuh tarikh kuat kuasa berbanding ada satu itu, galakan untuk pengeluaran bahan makanan. Hendak beri pengecualiannya hendak kena tunggu tahun 2011 atau ada setengahnya tahun 2012 baru boleh beri pengecualian, berbanding – Kemudian ada tahun lepas ini Yang Berhormat Pokok Sena. Duduk berbincang, ada satu syarahan dibuat, tiba-tiba Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan luluskan serta-merta juga pengecualian untuk kereta *buggy*, untuk golf.

Ini bermakna, yang berkenaan dengan rakyat ini perlu ambil setahun, dua tahun, yang ramai ini. Untuk kepentingan orang yang tertentu, yang dekat dengan beliau, serta-merta boleh buat. Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kalau kita lihat di sini umpamanya pengecualian cukai telefon bimbit ini, bukan hari-hari kita tukar telefon. Hendak kuat kuasa 15 hari bulan, selepas berucap itu terus dikuatkuasakan. Begitu juga pemansuhan duti import ke atas barangan seperti yang saya sebutkan tadi soal seluar dalam dan sebagainya terus serta-merta.

Akan tetapi, ada juga bagusnya. Kawan saya di sebelah Tualang, sebelah Pokok Sena dia telefon dia kata, "*ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri*". Kerana apa? "*Kami boleh beli seluar dalam import di Pekan Nat, Tualang, tiga helai RM10*" [Ketawa]

■1200

Tiga helai RM10 *made in Siam*. [Ketawa] [Disampuk] Tidak, tiga helai RM10 ia kata. Kalau 13 helai RM10, hadiah sapu tangan satu. Sapu tangan satu... [Ketawa] Beli di Pekan Nat, Tualang. Kalau sesiapa tidak pernah 'pi', tolong 'pi' kawasan saya namanya Tualang. Orang situ cakap pelat semua cakap Siam. Melayu pun cakap pelat Siam.

Jadi saya kira bahawa ada suatu yang tidak kena yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Jadi sebab itu bagi saya bahawa kerajaan harus melihat kembali pada soal sumber hasil ini yang harus dilihat sebagai mendatangkan pulangan. Begitu juga dengan isu - umpamanya isu 4G sekarang ini yang menimbulkan satu kontroversi. Dikatakan bahawa ada satu pendedahan melibatkan projek 4G ini diberikan kepada *company* yang ada kepentingan di situ anak Yang Berhormat Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan - 4G.

Saya rasa bahawa ini satu sumber hasil baru. Oleh sebab itu kita harus *clear* dalam soal isu-isu 4G ini sama ada kita hendak sewa, kita hendak jual atau kita hendak buat bagaimana? Maknanya perlu ada sebagai satu sumber hasil yang baik. Disebabkan itu saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan isu 4G ini. Kepada siapa projek kerajaan akan diberikan sama ada untuk disewa hendak bagaimana? Maknanya – ataupun kita hendak jual frekuensi ini ataupun kita hendak sewa frekuensi ini? Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

Kemudian, berkaitan dengan – yang seterusnya ialah kita nampaknya ialah kerajaan lebih banyak mengharapkan pada pertumbuhan ataupun penjanaan ekonomi dalam negara kita ini, lebih banyak bergantung pada industri pembinaan. Akan tetapi saya lihat bahawa industri pembinaan ini pun ada permasalahan-permasalahan, kerana kita telah mengalami masalah-masalah krisis ekonomi selepas kita membina terlalu banyak projek mega mewah di zaman suatu ketika dahulu sehingga menimbulkan permasalahan, krisis ekonomi pada negara kita. Jadi kerajaan harus belajar dari masa lampau.

Saya tunjuk contoh bahawa isu pembinaan bangunan 100 tingkat. Walaupun sudah ramai orang bercakap isu ini tetapi saya hendak mempersoalkan. Hari ini timbul isu kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bukan kerajaan yang cadangkan - "*Bukan cadangan saya hendak buat benda itu. Itu cadangan PNB*". Jadi saya pun tidak tahulah. [Ketawa] Bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh berkata itu cadangan PNB sehingga menyebabkan PNB tampil ke hadapan untuk membuat penjelasan kata bahawa ini merupakan perancangan mereka, sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, "*Itu bukan cadangan saya*." Saya tidak tahulah cadangan siapa pula yang minta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghapuskan cukai seluar dalam. [Ketawa] Sama ada cadangan isterinya minta hapus cukai seluar dalam

sebab ia kata, “*Bukan cadangan saya Menara PNB 100 tingkat ini. Ini cadangan PNB.*” Minta saya masukkan dalam bajet.

Jadi mungkin ini...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Cadangan isteri untuk minta hapus cukai seluar dalam import. *[Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini satu perkara yang tidak mustahil.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya rasa berkenaan dengan pembinaan menara Warisan Merdeka, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan ia bukan cadangan beliau tetapi cadangan PNB.

Apakah Yang Berhormat Pokok Sena menyedari bahawa menurut laman web PNB, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah Pengerusi *Board of Trustees* PNB dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah timbalan pengerusi dan dua orang Menteri adalah ahli dalam *Board of Trustees* PNB? Jadi sebenarnya rakyat telah dikelirukan berkenaan dengan pembinaan Warisan Merdeka yang mengguna pakai RM5 bilion. Apakah Yang Berhormat menyedari perkara ini? Sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan ia bukan cadangan beliau tetapi PNB.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi beliau pada masa yang sama adalah *trustee* - Pengerusi *Board of Trustees* PNB.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bersetuju, memang saya hendak sampai ke situ. Inilah ia putar belit Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apabila timbul ketidakpuasan hati rakyat melihat bagaimana kerajaan hendak membelanjakan sejumlah wang yang begitu besar, walaupun disebut kata ini dana khas. Akan tetapi saya hendak mempersoalkan apa yang disebut oleh Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah selaku Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB pada hari ini. Semalam ia ada menyebut mengatakan bahawa kita tidak menyentuh soal unit amanah, duit daripada unit amanah. Akan tetapi saya hendak menyebut bahawa duit unit amanah itu kita ada sebanyak RM115 bilion... RM115 bilion. Ia pun mengaku dalam surat khabar pada hari ini, RM115 bilion duit daripada saham-saham amanah - Amanah Saham Bumiputera, semua amanah ini. Jadi 30 tahun kita melabur, berapakah jumlah keuntungan? Ia kata pembinaan itu daripada hasil keuntungan PNB.

Saya melihat bahawa hasil keuntungan PNB selama ini paling besarnya ialah daripada pelaburan yang dibuat melalui saham amanah. Apabila kita kumpulkan duit saham amanah sebanyak RM115 bilion, kita telah laburkan - PNB melaburkan dalam sektor-sektor tertentu untuk mendapatkan hasil pulangan. Apakah PNB hanya diberikan tanggungjawab tidak boleh menjejaskan duit dana asasnya, modal asas. Keuntungan, ia bebas hendak guna. Hasil keuntungan, ia ikut suka dia hendak buat bagaimana sebab ia kata ini hasil keuntungan. Jadi sebab itu bagi saya bahawa mahu tidak mahu hasil keuntungan itu datang daripada pelaburan duit saham-saham amanah yang berjumlah RM115 bilion. Disebabkan itu saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan bahawa selama

hampir kurang 30 tahun PNB ini, berapakah hasil keuntungan daripada pelaburan yang diperoleh oleh PNB melalui duit saham-saham amanah ini?

Keduanya ialah, ia kata bahawa bangunan kami ini pun sudah 30 tahun - yang sebelah bangunan Tabung Haji. Bangunan 30 tahun. Jadi adakah bermakna bahawa selepas ini - selepas bina bangunan baru 100 tingkat, cukup 30 tahun kita buat pula bangunan lain? Sedangkan di negara-negara Barat, di negara-negara Eropah sampai 300 tahun pun ada bangunan. Tidak ada masalah. Tidak akan kerana bangunan sudah 30 tahun lalu kita perlu bina sebuah bangunan baru? Sedangkan saya katakan bahawa mengikut *report* yang dibuat oleh *Kuala Lumpur Office Market Performance and Outlook* dan juga *report* yang dibuat oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) Jabatan Penilaian ataupun Perkhidmatan Harta Kementerian Kewangan. Saya difahamkan bahawa sehingga tahun 2014, jumlah ruang *office* baru ini RM15 juta kaki persegi... RM15 juta kaki persegi - ini tidak termasuk bangunan 100 tingkat yang hendak dibina.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua bahawa Naza juga akan membina bangunan 100 tingkat berhampiran dengan – bersebelahan dengan MATRADE yang menjadi satu isu. Ia juga akan membina bangunan 100 tingkat. Jadi bermakna bahawa di Kuala Lumpur ini akan ada bangunan 100 tingkat baru ini, dua buah bangunan. Saya tidak tahu berapakah jumlah keluasan, ruang daripada 100 tingkat. Akan tetapi saya difahamkan bahawa kalau mengikut bacaan penilaian yang dibuat berasaskan pada KLCC, kalau 100 tingkat yang hendak dibuat baru ini hampir RM50 juta *square feet* - kaki persegi. Maknanya RM50 juta yang sudah ada sampai tahun 2014 ini RM15 juta. RM15 juta campur RM50 juta adalah – sudah berapa puluh juta kaki persegi yang kita sedang hadapi masalah yang sangat besar?

Baik, apakah penghujahan saya mengatakan bahawa daripada segi permintaan itu berkurangan? Menara Citibank telah mengurangkan kadar sewanya. Sepatutnya kadar sewanya RM7 ataupun RM8 satu kaki persegi. Sekarang ia sudah turun pada RM6 ataupun RM6.50 kaki persegi. Bacaan kita bahawa apabila diturunkan kadar sewa itu menunjukkan bahawa permintaan turun, permintaan kurang. Maka mereka terpaksa membuat tawaran.

Kedua, berebut sekarang ini apabila dibina bangunan baru - tawaran. Mungkin saya katakan bahawa boleh diisi bangunan baru tetapi akhirnya bangunan lama akan kosong. Bagaimanakah caranya? Sekarang ini banyak pemaju – ia kata, “*Okey, saya tawarkan kepada syarikat A ini untuk pindah.*” Semua kos pemindahan ditanggung oleh pemaju oleh *owner*, tuan punya bangunan – kami akan tanggung. Jadi kalau mereka pindah dengan kerana apa – kerana hendak duduk di bangunan baru dan kos pemindahan ditanggung oleh tuan punya bangunan - pemaju yang baru ini, bermakna bahawa bangunan lama akan kosong. Ia sama sahaja akan berlaku kekosongan ruang pejabat, ruang yang begitu luas dalam Kuala Lumpur dan juga di Lembah Klang ini.

Jadi sebab itu bagi saya bahawa bukan kita ini jenis bangkang tidak tahu apa punca, tetapi kita mempersoalkan apakah ia merupakan satu keperluan semasa pada sekarang ini? Ia bukan satu keperluan semasa. Saya tunjukkan contoh bahawa ini projek Tamansari... [*Sambil menunjukkan keratan brosur*] Saya pun tidak tahu apa jadi pada projek ini. Ini DBKL... DBKL *joint venture* dengan Asie Sdn. Bhd. di Jalan Pahang, Jalan Pekeliling. *Flat* Jalan Pekeliling itu semua sudah dikosongkan, hendak dibuat antaranya menara 60 tingkat - tujuh tahun. Saya pun tidak tahu apa jadi.

■1210

Ini DBKL, *loan* dibuat. *Loan* bank yang dibuat daripada kalau tidak silap saya Bank Pembangunan hampir...

Seorang Ahli: Bank Pembangunan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ha, Bank Pembangunan dekat dengan setengah bilion ringgit. Apa jadi? Saya hendak katakan bahawa sekarang kita terlalu berangan-angan hendak buat itu hendak buat ini, akhirnya saya bimbang bahawa akan berlaku keadaan yang menyebabkan terbengkalai dan akhirnya 100 tingkat yang bernilai RM5 bilion akan menyebabkan kerugian kepada duit ataupun wang rakyat dalam negara kita ini. Jadi sebab itu saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan bahawa ini harus memberikan penjelasan yang jelas dan saya mohon bahawa penangguhan projek ini kerana ia membabitkan kepentingan rakyat terbanyak, pelabur-pelabur saham dalam saham amanah.

Saya fikir bahawa sepatutnya projek-projek besar ini termasuk MRT dan sebagainya dan projek-projek yang juga melibatkan *swapping* antara kerajaan memberikan tanah kepada pihak pemaju dan sebagainya, ini perlu diwujudkan satu Jawatankuasa Khas Parlimen. Satu jawatankuasa khas di peringkat Parlimen ini untuk meneliti persoalan-persoalan ini. Ini soal kepentingan negara kerana saya lihat bahawa kalau tidak silap saya di British berkaitan dengan perolehan yang hendak dibuat oleh kerajaan dalam hal-hal berkaitan dengan pertahanan negara dia ada satu *committee* khas di peringkat Parlimen untuk meneliti supaya dia memenuhi keperluan-keperluan baru boleh dibenar ataupun diizinkan.

Jadi sebab itu saya minta kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa khas di peringkat Parlimen ini untuk semua pihak bertanggungjawab untuk meneliti dan saya fikir bahawa kalau kita melihat bahawa dia bukan merupakan keperluan harus ditolak. Begitu juga dengan MRT, saya hendak ulang sekali lagi sebelum ini saya sudah sebut bahawa MRT, Kajian Daya Maju, hujung bulan ini baru hendak siap. Kajian Daya Maju projek MRT kerajaan sudah umum hendak buat. SPAD baru hendak disuruh...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak apa nanti sekejap. Saya tidak ada masa sudah hendak hujung dah. Tidak apalah, bahas ucapan Presiden UMNO tadi.

Seorang Ahli: Dia takut.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak bukan takut.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Hendak sokong ini.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak Yang Berhormat Ledang.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tidak berani bukan takut. Tidak berani.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dalam ini SPAD baru hendak disuruh menyediakan satu *master plan* sistem pengangkutan dalam negara kita. Jadi saya katakan bahawa satu projek yang tidak terancang yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan sistem pengangkutan dalam negara kita ini benar-benar berkesan. Kita buat MRT, kena hendak buat enam lebuhraya tetapi tidak ada satu *master plan* yang jelas. Ini baru hendak buat Kajian Daya

Maju tidak siap lagi sudah umum dah hendak buat MRT RM40 bilion tetapi tidak ada lagi *master plan* kita buat jadi akhirnya pembangunan cacamarba di Kuala Lumpur ini.

Kemudian saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan – walaupun kerajaan umum bahawa tol tidak akan dinaikkan bila akan berlaku pengambilalihan daripada Khazanah dan juga EPF ini, tidak naik selama lima tahun. Kita cuma hendak dapat penjelasan selepas lima tahun apa akan jadi? Selepas lima tahun itu. Isu yang rakyat tunggu ialah sekarang bahawa sekarang ini pun kenaikan yang telah berlaku berkali-kali ini pun sudah membebankan rakyat. Inikan pula tempoh lima tahun tidak naik selepas lima tahun apa akan jadi? Kenaikan seperti bagaimana? Jadi ini merupakan penjelasan-penjelasan yang perlu termasuk penjelasan secara *detail* tentang pengambilalihan ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sokong kah tidak boleh sokong?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya? Baiklah, bagi *chance* lah sedikit. Sekejap sahaja jangan lama.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sedikit sahaja. Apabila masuk tol saya juga berminat sebab saya hendak menyokong. Saya memang mengalu-alukan pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena dengan harapan kita sama-sama harapkan supaya dengan harapan selepas lima tahun tidak ada lagi kenaikan tol terutamanya bagi lebuh raya Utara-Selatan (PLUS). Bukan minus, tapi PLUS. Kita harapkan selepas lima tahun tidak ada kenaikan tol. Maknanya kita sama-sama meletakkan satu harapan yang tinggi lebih-lebih lagi Yang Berhormat Pokok Sena lebih-lebih lagi kita sedia maklum bahawa hutang PLUS itu tidak sampai pun sekarang RM10 bilion. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, saya setuju. Bagus, terima kasihlah sebab setuju dengan saya itu. Itu saya mempersoalkan bahawa apakah selepas lima tahun sebab seolah-olah dia kata tidak naik dalam tempoh lima tahun maknanya selepas lima tahun naiklah? Ini yang kita rasa satu yang tidak selesa bagi kita.

Keduanya saya hendak sebut mengenai dalam pengambilalihan ini. Saya hendak minta kerajaan dedah secara *detail*lah, berapa yang ditawarkan oleh Asas Serba? Berapa yang ditawarkan oleh MMC - Syed Mokhtar? Kita hendak tahu juga, sebab bagi saya bahawa apa pun kita harus melihat kepentingan-kepentingan pengguna. Jika ada yang boleh tawar bahawa dia boleh *reduce* berapa persen tol itu, saya rasa harus dibuat satu kajian tetapi secara menyeluruh. Oleh sebab itu, saya katakan perlu kepada satu jawatankuasa peringkat Parlimen untuk menilai dan meneliti ini supaya kepentingan rakyat itu yang harus diutamakan.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Laluan Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ringkas ya?

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, ya saya tertarik isu pengambilalihan PLUS oleh Khazanah dan EPF. Apakah Yang Berhormat Pokok Sena bersetuju bahawa sekarang ini PLUS sudah jadi milik kerajaanlah, bukan lagi oleh entiti swasta. Maknanya kalau kerajaan hendak kaji balik perjanjian konsesi, kerajaan boleh buat sekarang. Dia tidak sama dengan IPP, IPP melibatkan *private* entiti yang lain. Jadi kerajaan tidak mahu kaji kita boleh nampak tetapi yang ini sudah dalam rumah kita dah. Boleh atau tidak, sebab satu Yang Berhormat Pokok Sena sedar atau tidak bahawa tahun 2009, PLUS

untung RM1.19 bilion. Tahun 2008, PLUS untung RM1.08 bilion. Manakala untuk tahun 2003 hingga tahun 2008 kerana PLUS tidak boleh naikkan kadar tol, kerajaan bayar pampasan pada PLUS RM2.84 bilion. Jadi apakah Yang Berhormat Pokok Sena bersetuju kalau saya sarankan bahawa kerajaan boleh kaji balik konsesi itu kalau umpamanya semua modal pembinaan lebuhraya telah pun dapat balik, tidak payah buat lagi. Tidak payah lagi naikkan kadar tol sebab belanja penyenggaraan itu barangkali setahun dalam RM300 juta sahaja, kerajaan boleh buat. Jadi bersetuju atau tidak? Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bersetuju sebab itu saya cadangkan bahawa satu *committee* khas di peringkat Parlimen ini untuk meneliti semua pihak harus terlibat. Ini sangat penting yang berkaitan dengan soal kepentingan negara dan juga kepentingan rakyat. Kita tidak mahu juga alasan selepas lima tahun dia kata kita perlu naik, naik ini pun duit itu tidak pergi ke mana pergi dekat pekerja juga sebab EPF punya hal. Oh, jadi dia bagi alasan yang macam itu untuk menaikkan tol. Jadi bagi saya perlu diteliti sama ada macam disebut oleh Yang Berhormat Machang tadi dan juga meneliti bidaan-bidaan yang dibuat oleh syarikat-syarikat lain untuk melihat yang mana yang lebih baik untuk rakyat dan juga negara. Saya ada berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua? Takut saya pun ralit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada enam minit lagi Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: 10 minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Enam minit Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik. Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tak kan Yang Berhormat tidak boleh dengar, ada saja.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi ini yang saya minta. Baik, seterusnya ialah yang saya sebut di sini ialah berkaitan dengan soal sebelum ini kita telah pun melihat bagaimana projek Istana Negara yang juga saya pernah sebut di sini dan juga sebelum ini yang diberikan kepada syarikat yang tidak ada pendaftaran dengan PKK dan juga CIDB. Projek itu sudah pun meningkat jauh, baik.

Satu lagi projek iaitu Pusat Kanser Negara. Projek ini telah pun di *award* kepada syarikat Kiara Teratai Sdn. Bhd. pada kalau tidak silap saya Ogos 2010. Projek ini projek dalam RMKe-9 tetapi dia agak kelewatan. Inilah saya katakan bahawa dibuat melalui tender runding dan sebagainya, akhirnya tidak cukup duit kita terpaksa ganjak di penghujung ataupun sudah masuk pada Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Projek Pusat Kanser Negara ini pun dibuat dalam bentuk tender runding. Saya telah pun difahamkan bahawa harga syiling projek ini ialah RM650 juta. Itu JKR punya syiling *prices* yang diletakkan oleh JKR, RM650 juta. Akan tetapi bila di *award* kepada Kiara Teratai, RM690 juta. Maknanya RM40 juta, RM40 juta ini banyak boleh beli. Kalau seluar dalam sahaja hendak beli. *[Ketawa]* RM40 juta kalau beli seluar dalam saya tidak tahulah, seluar dalam itu gantung daripada sempadan Siam sampai tambak Johor. Tambak Johor saya tidak tahu berapa kali boleh patah balik. *[Ketawa]* Berapa kali boleh patah balik? *[Ketawa]* Seluar dalam, kerana murah RM40 juta punya kelebihan ini. Berbagai-bagai saiz, S, M, L, XL, XXL, XXXL. Kalau yang besar lagi itu boleh... *[Ketawa]*

■1220

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pokok Sena pakai saiz apa?

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ataupun sampai 10XL.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pokok Sena pakai saiz apa, Yang Berhormat Pokok Sena?

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi ini, baik. Walaupun saya sebut dalam ketawa akan tetapi isunya ialah pusat kanser. Kita hendak pusat kanser, hendak mengubat orang berpenyakit kanser. Buat projek ini pun sudah tunjuk kita ada penyakit kanser. Kerajaan ini beri projek kepada syarikat Kiara Teratai, harga siling yang ditetapkan oleh JKR ialah RM650 juta. Kita *award* RM690 juta.

Maknanya ada penyakit kanser. Kerajaan sendiri mengidap penyakit kanser yang perlu diubat. Tidak sempat hendak bina pusat kanser kita sudah ada... kerajaan, Bukan kitalah! Bukan saya. Kerajaan sudah ada kanser. Memanglah Tun Dr. Mahathir pun sebut UMNO ini busuk sampai ke usus. Kanser usus. *[Ketawa]* Kanser usus.

Oleh sebab itu saya minta penjelasan, sebab pertamanya ialah Kiara Teratai Sdn. Bhd. ini, dia hanya lesen kelas B. Projek-projek kerajaan RM10 juta ke atas mesti Kelas A. Jadi saya hendak minta dan saya difahamkan Kiara Teratai adalah syarikat yang tidak punya pengalaman untuk membina hospital ataupun projek-projek yang seperti ini. Jadi sebab itu saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan, saya ada dokumen-dokumen berkaitan dengan soal Kiara Teratai ini, akan tetapi saya katakan bahawa ini satu isu yang sangat besar. Projek-projek yang diluluskan.

Dalam belanjawan ini pun tidak menampakkan bahawa projek-projek yang hendak dibuat menggunakan dana awam dan sebagainya akan dibuat secara *open* tender untuk mengurangkan perbelanjaan kita dan untuk memberikan lebihan pendapatan hasil yang cukup baik kepada negara kita. Tidak ada dalam belanjawan ini. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan tentang isu...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Manchang]: Setengah minit Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Manchang]: Yang Berhormat Pokok Sena sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, RM650 juta anggaran siling...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Minta ringkas Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Manchang]: Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebenarnya bajet untuk Institut Kanser Negara ini RM340 juta sahaja. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tertera di situ angka RM340 juta. Pecah tanah 9 Januari 2007 di Putrajaya oleh bekas Perdana Menteri. Pecah tanah lama sudah. Patut siap 30 bulan, hospital pun tidak siap tiba-tiba Yang Berhormat sebut tadi harga naik. RM690 juta.

Ini berat. Banyak mana boleh beli seluar dalam kalau macam itu?
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong gulung Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, saya gulung, sekali gulung dengan seluar dalam, kain selimut dan semua sekali. *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dengan ringkaslah Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dengan ringkas Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, ringkas! lalah ringkas sebab banyak ia tebal sikit, kain selimut dan seluar dalam duduk di dalam. Jadi saya minta pihak kerajaan mempertimbangkan. Ini isu rakyat. Bagaimana? Macam disebut tadi oleh Yang Berhormat Machang bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan RM300 juta, tiba-tiba siling JKR RM650 juta, *award* RM690 juta. Ini saya kata bahawa satu rompakan secara yang terancang, rompakan secara terancang.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi akhir sekali saya hendak sebut bahawa ini untuk pegawai kerajaan, sektor awam. Bagi saya bahawa kalau setakat beri RM500 ini, hendak beli baju sekolah berapa duit sangat? Bagi saya, pertama sekali bahawa mesti disemak semula skim gaji sektor awam ini. Begitu juga dengan saiz sektor awam, juga dikaji untuk membolehkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak ada masa Yang Berhormat, tidak ada masa.

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Satu semakan gaji untuk satu peningkatan, pertambahan gaji kepada sektor awam. Keduanya bagi saya bahawa juga mesti ada semakan segera yang boleh dilakukan, kenaikan COLA. Kalau sekarang ini ada *rate* nya RM300, RM200, RM100 dan RM50 pun ada di luar bandar.

Jadi saya rasa bahawa ini lebih baiklah. Kalau setakat RM500 ini habis begitu sahaja. Beri COLA, biar dapat RM200, RM300 tiap-tiap bulan dia akan dapat, sepanjang tahun dia akan dapat. Jadi sebelum semakan gaji secara keseluruhannya saya harap-harap bahawa saya minta kerajaan memberikan COLA kepada...

Akhir sekali...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terakhir sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat. Sudah habis Yang Berhormat. Masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya minta kerajaan menghapuskan ataupun memansuhkan semua saman ekor yang tertunggak. Saman ekor yang tertunggak. *[Tepuk]* Saya memberi jaminan bahawa inilah yang akan dilakukan oleh Pakatan. Kita minta ini yang sepatutnya disegerakan.

Saman ekor yang tertunggak, yang menyulitkan. Kita tidak mahu selepas daripada bulan Februari ini menimbulkan masalah...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Pokok Sena banyak ekor.

Dato' Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kepada pegawai-pegawai kerajaan kerana hendak membayar kes saman ekor ini. Saya hendakkan bahas dalam Bil Akta Pengangkutan secara panjang lebar. Ini kerana banyak persoalan-persoalan yang tidak ikut prosedur oleh pihak polis dan juga oleh pihak-pihak JPJ. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Simpang Renggam.

12.25 tgh.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2011 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami bersyukur melihat kerajaan bergiat untuk mentransformasikan negara kita ke sebuah negara yang memperkenalkan bajet yang merupakan lanjutan daripada bajet yang lepas. Strategi Bajet 2011 memang tepat sekali. Mencerminkan apa yang diperlukan untuk melonjakkan ekonomi kita ke tahap maju menjelang tahun 2020. Fokus untuk menarik kembali keyakinan pelaburan swasta, membangunkan modal insan, meningkatkan kualiti hidup rakyat dan memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam adalah bidang yang mesti kita perkasakan demi merealisasikan Wawasan 2020.

Untuk menarik kembali keyakinan pelaburan swasta khususnya pelaburan asing, kerajaan mesti berusaha untuk menyediakan suasana perniagaan yang kompetitif dan mesra pelabur. Projek PPP yang diumumkan dalam Bajet 2011 seperti sistem MRT untuk Kuala Lumpur dan lain-lain memang boleh menjana *knock-on effect* dengan izin. Jikalau sesuatu projek dapat memberi manfaat kepada negara melalui penjanaan peluang pekerjaan dan merangsang ekonomi, kita mesti sokong demi memastikan kebajikan rakyat dan negara dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, komen-komen negatif semakin bertambah setelah pengumuman tentang cadangan untuk membina sebuah menara 100 tingkat yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet ini. Amat ketara bahawa rakyat kurang berkeyakinan tentang cadangan ini. Saya mohon supaya satu penjelasan tentang strategi *business* keseluruhannya dapat diberikan demi meyakinkan rakyat.

Saya berpendapat bahawa sekiranya pembinaan ini adalah untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan, mungkin ianya lebih praktikal sekiranya diagihkan kepada setiap Koridor Ekonomi Malaysia. Ini kerana antara lima Koridor Ekonomi Malaysia yang dicadangkan nampaknya Koridor Wilayah Pembangunan Iskandar, negeri Johor sahaja yang aktif dibangunkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga mesti mempergiatkan lagi liberalisasi sektor-sektor ekonomi untuk memudahkan para pelabur mengambil bahagian dan membuat pelaburan. Liberalisasi yang dilakukan oleh kerajaan pada tahun 2009 untuk merangsang ekonomi semasa krisis kewangan 2008-2009 mesti dilanjutkan. Tambahan pula GLC juga mesti memainkan peranan yang konstruktif dalam menjayakan program transformasi kerajaan.

GLC mesti lebih efektif dalam operasi mereka dan mesti bersikap lebih profesional. GLC yang menjalankan servis awam seperti Telekom dan TNB mesti memastikan bahawa mereka sentiasa memberikan fokus khas kepada kebajikan rakyat dan memastikan servis yang disampaikan berkualiti dan *value for money*.

Tuan Yang di-Pertua, fokus terhadap teknologi hijau memang merupakan satu inisiatif...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tadi saya sudah berpakat dengan dia, ada satu *area* saya hendak minta penjelasan, tentang GLC Yang Berhormat Simpang Renggam. Ini kerana kita tahu GLC memang banyak peranannya dalam negara Malaysia. Akan tetapi ramai pula pihak sekiranya membaca bahawa GLC ini lebih kepada mengolah satu akaun kepada akaun lain dalam usaha untuk menonjolkan keuntungannya.

■1230

Ini yang ramai rakyat bertanya dan ramai di kalangan kita mula mempersoalkan sehinggalah ke tahap akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Simpang Renggam, tentang kemungkinan pengambilalihan projek PLUS itu sendiri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Simpang Renggam, adakah Yang Berhormat Simpang Renggam bersetuju bahawa dengan kepakaran yang ada, dengan kekuatan yang ada, Khazanah itu sendiri kita minta supaya apabila PLUS nanti diambil alih biarlah ada satu jaminan bahawa tidak ada kenaikan tol dan paling penting tidak bertambah lagi hutang PLUS itu, sama ada kepada kerajaan ataupun kepada mana-mana bank, itu paling penting. Adakah Yang Berhormat Simpang Renggam bersetuju?

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya memang bersetuju, kerana apa yang dilakukan oleh kerajaan memang hendak mendahulukan rakyat dan saya ingin masukkan hujah Yang Berhormat Ledang sebahagian daripada ucapan saya dan saya meminta kerajaan untuk memberikan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, fokus terhadap teknologi hijau memang merupakan satu inisiatif yang bijak, kita tidak boleh menafikan bahawa pertukaran iklim atau *climate change* merupakan antara cabaran terbesar untuk generasi kita dan generasi yang akan datang. Semasa Persidangan Perubahan Iklim di *Copenhagen, Denmark*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah komited akan mengurangkan intensiti karbon dioksida sebanyak 40% menjelang tahun 2020.

Untuk mencapai sasaran ini, kita mesti bergiat aktif memastikan bahawa kita mengembangkan sektor teknologi hijau dan pada masa yang sama mengurangkan pembebasan gas rumah hijau. Saya mengalu-alukan pemberian taraf perintis dan juga elaun cukai pelaburan bagi aktiviti penjanaan tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui. Lagipun pengecualian duti import dan duti jualan ke atas peralatan penjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui akan merangsang sektor ini. Namun implementasi memang menjadi masalah yang besar untuk banyak syarikat tempatan dan luaran. MIDA yang telah pun dimantapkan melalui pembaharuan yang dilakukan baru-baru ini mestilah memainkan peranannya secara profesional dan efektif. MIDA mestilah bertindak sebagai fasilitator dan mempercepatkan proses pemberian insentif.

Sektor tenaga yang boleh diperbaharui dan teknologi hijau sudah pun dikenal pasti sebagai sektor yang mempunyai potensi yang baik dan menguntungkan. Kerajaan United Kingdom telah menetapkan sektor ini sebagai salah sebuah enjin ekonomi baru, ekoran daripada penstrukturan semula perbelanjaan yang dilakukan oleh kerajaan baru UK. Jadi kita mesti sedar bahawa sebagai negara beriklim khatulistiwa, tenaga solar mempunyai potensi yang begitu tinggi dan kita juga mesti memberi dana kepada syarikat-syarikat dan institut pengajian tinggi untuk penyelidikan dan pembangunan iaitu R&D.

Tuan Yang di-Pertua, ketika kita menuju ke arah Negara Maju...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Simpang Renggam khususnya mengenai sektor teknologi hijau. Saya memang menyokong pandangan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa kerajaan mesti memperkasakan sektor berkenaan tetapi kerajaan juga merancang untuk membina *Nuclear Power Plan* sebagai satu aspek *green technology*.

Soalan saya kepada Yang Berhormat ialah harus kah kerajaan membina *Nuclear Power Plan* apabila terdapat banyak kajian yang menunjukkan bahawa sebenarnya *Nuclear Power Plan* merupakan satu projek yang akan menelan berjuta-juta bilion ringgit tetapi kesan kepada rakyat, negara dan juga kepada *environment* adalah negatif, minta penjelasan.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya rasa soalan ini telah pun kita dapat tadi. Sebelum ini pun telah ada satu taklimat yang diberikan Yang Berhormat Menteri tentang keperluan untuk mengadakan loji nuklear.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Hah, ya nanti-nanti. Sebenarnya ia bukan untuk kita membekalkan segala bekalan elektrik di negara, ia cuma sebagai alternatif yang langsung tidak sampai 5% dan ia adalah tenaga hijau. Saya rasa kita perlu mempertimbangkan keperluan dan penjana loji nuklear ini.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Boleh sambung kah?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Semalam saya meneliti ucapan Yang Berhormat Hulu Langat, panjang lebar kerana beliau adalah pakar nuklear dan beliau cuba meyakinkan kita tentang penggunaan tenaga nuklear pada masa hadapan, tentang keselamatan, tentang standard dan kualiti, dan pengeluaran tenaga nuklear sekarang dan akan datang serta tentang yang sedang diamalkan oleh negara Korea, negara Jepun dan sebagainya, semalam kita telah dengar. Adakah Yang Berhormat Simpang Renggam bersetuju sekiranya negara-negara lain sudah terbukti bahawa tenaga nuklear selamat, jimat, malahan tidak mencemarkan udara, tidak mencemarkan alam kerana teknologi terkini, adakah Yang Berhormat Simpang Renggam bersetuju bahawa itu adalah juga sebahagian daripada alternatif ke arah tenaga hijau. Sekian, terima kasih.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang, saya memang bersetuju kerana kalau kita lihat 10 tahun yang lepas, memang teknologi dikira tidak begitu selamat dan pembinaan loji nuklear ini pun bukan pada tahun ini atau pada tahun hadapan.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: [*Bangun*]

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Kita berbincang tentang 10 tahun yang akan datang ataupun 20 tahun yang akan datang. Maka pada masa itu, teknologi jika dibandingkan dengan sekarang akan lebih maju dan matang. Sila.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Simpang Renggam dan juga sahabat saya Yang Berhormat Ledang serta Yang Berhormat Hulu Langat yang telah memberikan *facts*, fakta bahawa *nuclear plan* ini kalau betul diuruskan dengan bijak tidak merosakkan kita bahkan menguntungkan kita.

Saya ambil contoh sahaja, benda ini semua akan terletak kepada manusia. Jika manusia yang menguruskan tenaga nuklear ini dengan baik dan tidak bertujuan yang tidak baik, ia akan menjadi baik. Begitu juga saya ambil contoh sebagai budak kecil. Budak kecil ini, budak muda ini dilahirkan bersih tetapi kalau kita yang menjadi orang tua menghasut mereka supaya mereka menjadi orang jahat, cuba meruntuhkan kerajaan dan sebagainya mereka akan menjadi jahat. *[Dewan riuh]* Nantilah, betullah itu. Bila saya bercakap marah, saya hendak *cover* betul ini begitu juga...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini bukan Perhimpunan UMNO hah.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Anak kecil dididik dengan baik biar mereka sayangkan negara, sayangkan masyarakat, sayangkan...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Bab nuklear lah, bab nuklear. *[Dewan riuh]*

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Lebih kurangnya, buat perbandingan daripada manusia.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Bersyarah di Perhimpunan UMNO, bersyarah di Dewan Merdeka!

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Dewan Merdeka! Dewan Merdeka!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat minta tolong diam Yang Berhormat. Yang lain diamlah Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Apabila dia bercakap mengutuk kerajaan, kita tidak marah. *[Dewan riuh]* Apa Yang Berhormat, nama sahaja Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tidak apalah, terima kasihlah. Tetapi,

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya...

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: *It is okay, enough.*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: *I have more to talk.*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Satu lagi *point* saya.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya rasa semasa...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *One sentence* sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau ucapan Yang Berhormat masih panjang, jangan bagi peluanglah Yang Berhormat.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Okey.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Bolehlah.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya rasa kementerian harus juga melihat dalam kaedah lain bukan sahaja menumpukan perhatian dalam loji nuklear di mana saya sebenarnya akan sentuh sedikit sebanyak di dalam ucapan saya selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita menuju ke arah negara maju, isu-isu alam sekitar seperti ini memang merupakan cabaran yang harus diatasi. Tanggungjawab untuk menjaga alam sekitar bukan sahaja terletak kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, tetapi kementerian seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga memainkan peranan yang amat penting. Di kawasan Simpang Renggam, Bandar Renggam, kami mempunyai sebuah tapak pelupusan sisa pepejal yang berkeluasan lapan ekar, pada asalnya ia diwujudkan untuk menerima dan melupuskan sampah sarap yang dikumpulkan daripada tiga tempat iaitu Batu Pahat, Kluang dan Simpang Renggam.

■1240

Syarikat yang dilantik adalah *Southern Waste Management (SWM)*. Tuan Yang di-Pertua, setiap hari sampah yang diangkut daripada tiga tempat ini berjumlah sebanyak 250 tan. Saya dimaklumkan bahawa tanggungjawab SWM adalah mengangkut dan membuang ke kawasan tersebut sahaja dan tidak bertanggungjawab atas segala pengurusan sampah sarap. Kerja pengendalian sampah-sarap diserahkan kepada sebuah lagi syarikat bernama *Cypark*. Pengendalian dari segi supaya tanah tidak runtuh dan ianya ditambah dengan sistematik. Saya telah melawat ke tapak ini dan mendapati bahawa tidak ada satu pihak yang menjalankan pemisahan sampah.

Semua sampah tidak kira apa jenis yang dipungut daripada tiga daerah tersebut dibuang di situ. Kini tapak pelupusan yang berkeluasan lapan ekar telah penuh bertimbun dan mendatangkan masalah pencemaran bau busuk yang serius. Penduduk-penduduk di bandar Renggam dan perkampungan di sekitarnya terpaksa menghidu bau sampah setiap hari. Lebih mengecewakan dan menambah keruh lagi adalah kerajaan memperoleh sebidang lagi tanah seluas 20 ekar bersebelahan untuk tujuan memperluaskan dan mengembangkan tapak pelupusan sisa pepejal ini.

Saya ingin bertanya kepada kementerian bilakah pelupusan ini akan berhenti? Adakah setelah 20 ekar dan akan ditambah lagi 20 ekar? Mengapa tidak mengamalkan satu daerah satu tapak pelupusan? Memang tidak adil apa yang tidak diinginkan oleh orang lain tetapi dibawa ke tempat kami di Simpang Renggam. Mengapakah kita tidak mengamalkan peraturan seperti yang diamalkan di negara Jepun, di mana penduduk diwajibkan untuk membuang sampah jenis mudah terbakar dan mentah seperti sisa makanan pada hari Isnin dan Rabu sahaja. Maka hari Selasa dan Khamis adalah hari pungutan sampah jenis tidak mudah terbakar

seperti tin, *glass* dan sebagainya. Hari Jumaat adalah untuk sampah yang bersaiz besar seperti perabot, meja kerusi dan sebagainya.

Dengan amalan ini sampah sarap mudah dikategorikan dan boleh dikitarkan semula. Yang mudah terbakar akan dihantar ke *incinerator* untuk dibakar dan membekal tenaga elektrik secara percuma kepada penduduk-penduduk sekeliling. Habuk hasil pembakaran juga boleh digunakan sebagai baja, ia bukan sahaja memanfaatkan penduduk-penduduk tersebut, maka saiz tanah untuk pelupusan juga dapat dikecilkan dan menjimatkan tempat. Kalau kita hendak membina loji nuklear yang kosnya mencecah sebanyak RM12 bilion dengan sebab ianya adalah teknologi hijau, kenapa kita tidak memulakan dengan usaha-usaha mengendalikan sampah sarap sekarang. Kalau kos membina *incinerator* adalah tinggi, takkan ia lebih tinggi daripada *nuclear plan*.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pelancongan telah dikenal pasti sebagai industri yang rancak berkembang dengan pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat di negara China dan India. Kedua-dua negara yang mempunyai populasi penduduk sebanyak 2.5 bilion orang memang merupakan sasaran yang berpotensi paling besar. Malaysia dengan *tagline* Malaysia Truly Asia mesti lebih aktif menarik pelancong dari negara-negara tersebut. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Pelancongan akan memberi lebih penekanan kepada mengembangkan nama Malaysia sebagai destinasi terbaik untuk melancong di negara-negara seperti China dan India. Bukannya terlalu kerap memberi penekanan kepada negara-negara yang bersaing dengan kita untuk pasaran pelancongan.

Memandangkan kebanyakan pelancong di Malaysia adalah warga Singapura, kerajaan khasnya Kementerian Pelancongan harus membuat sesuatu untuk menarik minat pelancong-pelancong...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Minta laluan.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tidak ada masa. Pelancong-pelancong dari seluruh dunia yang datang melancong. Pihak MAS dan AirAsia juga memainkan peranan yang penting dengan memastikan lebih banyak laluan destinasi penerbangan antara bandar-bandar lebih rancak khususnya bandar yang menjadi tumpuan pelancong.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Laluan.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Di sini saya ingin memohon perhatian khas daripada Yang Berhormat Menteri agar memberi teguran ke atas situasi kelewatan penerbangan sama ada MAS ataupun AirAsia yang kerap berlaku terutama penerbangan terakhir pada waktu malam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Hendak bagi Yang Berhormat Arau Yang Berhormat?

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Biar saya habiskan ayat ini. Keadaan ini telah mendatangkan tekanan fizikal dan mental kepada para penumpang yang terpaksa menunggu tanpa arah setelah membuat tambang bayaran tetapi kurang setimpal layanan. Ini turut menjejaskan imej industri pelancongan khususnya di kaca mata pelancong-pelancong asing. Jadi cepat sedikit, masa tidak ada.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya ingin berkongsi pengalaman dengan Yang Berhormat terutamanya berhubung dengan kesungguhan

Kementerian Pelancongan. Dalam mempromosikan sesuatu tempat menarik di negara kita, kalau kita lihat kita tidak kurang tempat menarik. Malah tempat-tempat menarik kita kalau dilihat dari segi keunikan dan juga dari segi nilai-nilai sejarahnya, malah lebih baik daripada apa yang terdapat di negara lain seperti mana yang dibuat di Vietnam, Halong itu berada di tengah laut. Akan tetapi mereka telah berjaya menarik pelancongan walaupun dengan bersusah payah, jauh tetapi pelancong tertarik untuk ke situ.

Akan tetapi kenapa kita tidak dapat lakukan di negara kita yang kita mempunyai gua yang malah lebih baik, lebih jauh, malah lebih indah daripada apa yang terdapat dalam Gua Halong di Vietnam itu. Apa pandangan Yang Berhormat Simpong Renggam?

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya rasa cadangan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana kita akan mengembangkan sektor pelancongan di Sabah mungkin kita dapat menjadikan sebuah destinasi yang seperti yang ada di Halong Bay di Vietnam. Tuan Yang di-Pertua, golongan berpendapatan sederhana atau *middle class* merupakan golongan yang sering dipinggirkan. Mengikut Model Ekonomi Baru mereka yang berada dalam golongan isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan merupakan 40% daripada mereka yang bekerja dan akan diberikan bantuan untuk memastikan mereka dapat menikmati kualiti hidup yang baik dan selesa.

Bajet ini melalui Skim Rumah Pertamaku memang membantu golongan ini dan juga mereka yang berpendapatan RM3,000 atau kurang daripada RM3,000 sebulan. Akan tetapi golongan yang berpendapatan antara RM3,000 hingga RM5,000 juga memerlukan bantuan khasnya mereka yang berumah tangga. Oleh itu saya ingin mencadangkan kerajaan supaya memberikan kredit anak iaitu *child credit*, dengan izin, pembayaran tunai untuk setiap bulan bagi setiap anak seperti di negara barat atau rebat cukai. Contoh seperti di UK, mereka membayar setiap anak *20 pound* seminggu bermakna *80 pound* sebulan untuk meringankan beban mereka.

Selain daripada itu jangan kita abaikan golongan pembeli menjadi mangsa rumah projek terbengkalai. Saya mengalu-alukan pada Bajet 2010 peruntukan sebanyak RM200 juta disediakan untuk memulihkan projek terbengkalai. Akan tetapi bajet tahun ini atau tahun 2011 tidak disediakan atau ditambah. Saya berharap peruntukan terus diberikan untuk membantu mereka terutamanya golongan berpendapatan rendah terjejas teruk akibat projek perumahan terbengkalai.

Di kawasan saya juga terdapatlah satu projek perumahan swasta terbengkalai yang terletak di Taman Layang-layang. Pemaju sudah bankrap, dan jumlah hutang pada Maybank adalah sebanyak RM15 juta. Saya diberitahu oleh Jabatan Perumahan bahawa agak mustahil untuk kerajaan membelanjakan amaun itu untuk memulihkan projek tersebut. Saya mohon penjelasan daripada kementerian apakah penyelesaian untuk projek sedemikian kerana projek ini telah terbengkalai sejak tahun 1994 dan sehingga sekarang tidak ada langsung kemajuan.

Penduduk telah beberapa kali menyampaikan keluhan mereka melalui wakil rakyat kepada kementerian, bahkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Akan tetapi masih tidak ada satu penyelesaian secara konkrit dan jelas. Justeru itu saya memohon kepada kerajaan supaya memandang serius tentang perkara ini. Peruntukan RM200 juta haruslah ditambah lagi supaya semua projek yang terbengkalai lebih daripada 10 tahun dapat dipulihkan.

■1250

Saya juga menyeru pihak kementerian memperketatkan lagi kawalan perundangan supaya pemaju-pemaju swasta tidak dapat mengambil kesempatan dan kepentingan pembeli rumah dapat dijamin. Apakah kerajaan dapat memberi jaminan kepada para pembeli dan langkah-langkah untuk mengatasi kemelut projek-projek perumahan terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyuburkan sektor pertanian kerajaan memperuntukkan RM3.8 bilion bagi tahun 2011. Di kawasan Simpang Renggam ramai yang menjalankan usaha penternakan ikan-ikan hiasan dan burung-burung walit. Masalahnya mereka yang memajak tempat orang lain tidak dapat menikmati sebarang insentif yang disediakan oleh kerajaan. Berapakah di antara peruntukan tersebut boleh diperuntukkan kepada pengusaha ikan hiasan dan burung walit dan adakah kementerian menyediakan insentif-insentif seperti skim pinjaman 1Malaysia atau peruntukan khas yang boleh dipohon oleh para pengusaha ikan-ikan hiasan dan burung walit tanpa kuota? Sudahkan diselaraskan peraturan-peraturan pemeliharaan burung walit di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri dan benarkah rumah-rumah di bandar tidak dibenarkan untuk memelihara burung murai walit?

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga mengumumkan RM250 juta untuk sekolah bantuan modal agama, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah bantuan modal mubaligh dan sekolah bantuan kerajaan di seluruh negara. Saya ingin merayu kepada kerajaan agar menambah lagi peruntukan tersebut dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan keadaan sekolah-sekolah di setiap negeri terutamanya untuk sekolah-sekolah di kawasan pedalaman.

Kepada pelajar-pelajar yang mengikut Unified Examination Certificate (UEC) saya menyokong agar Kementerian Pelajaran dapat membawa berita positif kepada harapan mereka yang ingin memasuki kursus perguruan dengan memiliki kelulusan dalam subjek tunggal iaitu Bahasa Malaysia selain tiga mata pelajaran UEC dengan keputusan kepujian.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan usaha kerajaan untuk menubuhkan Talent Corporation pada awal tahun 2011. Saya percaya kita hendaklah bersikap lebih realistik dalam usaha menarik balik bakat Malaysia yang bekerja di luar negara. Baru dua hari lepas saya membaca surat khabar *The Star* dan pelajar cemerlang di Cambridge University dalam bidang perundangan adalah seorang rakyat Malaysia yang bernama Tan Jong San. Saya ucapkan syabas kepada beliau tetapi apa yang begitu menyedihkan ialah beliau ditawarkan biasiswa Asean yang ditaja oleh Kerajaan Singapura...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Dan akan bekerja untuk Singapore Legal and Judicial Service. Mengapakah perkara seperti ini boleh berlaku? Kita bukan sahaja mesti menarik balik bakat tetapi usaha yang kita lakukan ialah untuk memastikan bakat supaya tidak meninggalkan tanah air yang kita cintai dan apakah sistem Kementerian Pelajaran yang digunakan pada masa sekarang untuk mengenal pasti pelajar-pelajar yang berbakat dan apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk memastikan bakat seperti Saudara Tan tidak meninggalkan tanah air. Saya pohon penjelasan daripada kementerian dan juga diberitahu bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam baru-baru ini melawat ke Royal College of Surgeons di Dublin, Ireland untuk menemu duga para pelajar

Malaysia tetapi enggan menemu duga pelajar yang tidak diberi biasiswa oleh JPA. Saya berharap JPA akan menyasat perkara ini kenapa mereka yang ingin menyumbang kepada tanah air tidak diberi kesempatan untuk berbuat demikian.

Jadi kita mungkin tidak dapat menarik balik semua bakat atas sebab kualiti hidup, isu keselamatan dan isu gaji tetapi kerajaan boleh mengikut model India yang lebih bergantung kepada *leveraging* di mana syarikat-syarikat India di Amerika Syarikat, United Kingdom dan sebagainya dengan kaedah *outsourcing* sebahagian daripada operasi mereka ke India untuk majukan ekonomi India dan menjana peluang pekerjaan. Inilah antara usaha yang ingin saya cadangkan untuk menarik semula bakat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, itulah ucapan saya dan saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Bagan.

12.55 tgh.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2011 yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada minggu lepas dengan tajuk utama Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini perkara yang menjadi buah mulut orang ramai ialah cadangan pembinaan menara 100 tingkat yang dinamakan Warisan Merdeka yang kononnya atas cadangan PNB yang bakal dibina di antara Stadium Negara dan Stadium Merdeka. Kalau kita lihat pengalaman ataupun perancangan yang dibuat untuk istana baru adalah jelas bahawa kos pembinaan Menara Warisan Merdeka 100 tingkat bukanlah RM5 bilion seperti mana yang diumumkan tetapi berkemungkinan besar berlebihan RM10 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan demikian kerana berdasarkan jawapan yang diberikan kepada Ahli Parlimen Segambut Yang Berhormat Tuan Lim Lip Eng berkaitan dengan kos pembinaan Istana Negara yang baru. Pada asalnya apabila projek ini dicadangkan kosnya dimaklumkan oleh bekas Menteri Kerja Raya iaitu yang akan bersara Presiden MIC, Dato' Seri S. Samy Vellu, menyatakan bahawa kosnya adalah dianggarkan sebanyak RM400 juta tetapi baru-baru ini jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya baru sekarang iaitu Dato' Shaziman bin Abu Mansor yang menyatakan bahawa kos perbelanjaan telah naik kepada RM935 juta.

Saya rasa ini menunjukkan satu perancangan anggaran oleh pihak kementerian yang begitu tidak profesional dan ini juga bermakna kemungkinan besar bahawa kos pembinaan Menara Warisan Merdeka bukanlah RM5 bilion seperti yang diwar-warkan tetapi adalah lebih RM10 bilion kalau kita menggunakan peningkatan melambung tinggi kos Istana Negara baru sebagai satu perbandingan. Ini saya rasa menimbulkan keraguan sama ada Kerajaan Persekutuan berkomited kepada rasional Belanjawan 2011 Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi ataupun telah kembali ke fokus zaman silam yang hanya mahu menjalankan projek mega yang memanfaatkan kroni-kroni tertentu dan bukanlah rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus belajar daripada pengalaman zaman silam seperti zaman Firaun yang berjaya membina piramid yang maha besar atas darah dan titik peluh rakyat jelata di mana diperas dengan begitu zalim sekali

tetapi zaman silam ini kalau kita lihat sekarang piramid masih tinggal tetapi Firaun telah lama berkubur.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *So, dalam...*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh minta penjelasan?

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Sekali sahaja.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya hendak menyatakan persetujuan kepada Yang Berhormat Bagan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada pendapat sayalah, memang betul ramai yang mempersoalkan, yang ragu, yang bimbang tentang pembinaan Menara Warisan 100 tingkat ini. Jadi pada saya, kebimbangan, persoalan tidak setuju itu perkara biasa. Cuma adakah yang Bagan boleh mempertimbangkan bahawa yang pertamanya, kalaulah kita merujuk kepada fokus ekonomi yang lebih baik daripada transformasi ekonomi ini kemungkinan ia tidak mendatangkan masalah dari segi kewangan tapi yang lebih penting adakah Yang Berhormat Bagan juga memikirkan tentang perlunya ada ruang pejabat yang banyak di Kuala Lumpur supaya ada proses penawaran-penawaran yang lebih adil supaya sekarang ini tidak tertumpu kepada peniaga-peniaga yang kaya-raya sahaja dan yang paling penting dapat menarik pelaburan daripada luar negara kerana mereka lebih suka bentuk pejabat, bangunan yang hebat, yang cantik, yang istimewa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan jam sudah pukul satu.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya jawab sekejap sahaja. Saya setuju dengan apa yang dibayangkan tadi tapi saya rasa itu pun alasan yang digunakan oleh firaun masa silam. *So*, saya rasa kita jangan ulangi kesilapan yang sama dan saya tidak menyalahkan Yang Berhormat daripada Ledang kerana beliau bukanlah Ahli Parlimen dari Kuala Lumpur tapi semua Ahli Parlimen dari Kuala Lumpur boleh beritahu Yang Berhormat bahawa ada ruang kosong yang banyak di bangunan-bangunan tinggi di Kuala Lumpur termasuk KLCC.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bagan pun bukan di Kuala Lumpur, Bagan di Pulau Pinang.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya rasa akur kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya minta sambung pukul 2.30. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bagan sambung tengah hari nantilah ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan sesi pagi ditangguhkan dahulu dan Dewan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan untuk 25 minit lagi.

2.32 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Empat strategi utama dalam Belanjawan 2011 telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pertama ialah mendaya kembali pelaburan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan pelaburan luar negeri sebanyak 81% pada tahun 2009 berbanding dengan tahun 2008 kepada RM1.4 bilion daripada RM7.3 bilion menimbulkan tanda tanya bagaimana kerajaan akan berjaya menarik RM2.2 trilion dalam masa 10 tahun di mana 92% akan datang daripada sektor swasta.

Kerajaan mesti faham bahawa di antara sebab utama mengapa pelaburan tidak datang adalah kerana mereka mahu suatu sistem yang mengamalkan tender terbuka dan menerima pakai prinsip akauntabiliti dan ketulusan. Ini juga termasuk kebebasan akhbar. Jaminan Perdana Menteri untuk menyokong kebebasan akhbar sebagai penting dalam pembangunan nasional memang tepat pada masanya.

Akan tetapi kalau kita lihat indeks kebebasan akhbar, di mana kedudukan Malaysia terus menjunam ke tangga 141 daripada 178 negara menunjukkan bahawa jaminan-jaminan tersebut memang hanya tinggal kosong kerana tidak menjalankan beberapa langkah yang sewajarnya demi memberikan ruang yang lebih untuk mempromosikan kebebasan akhbar.

Di antaranya ialah untuk menggubal satu Akta Kebebasan Maklumat dan juga untuk memansuhkan undang-undang yang menindas seperti Akta Hasutan, Akta Penerbitan dan Mesin Cetak dan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Jaminan Kerajaan Barisan Nasional untuk menunaikan janji-janji seperti mana yang dinyatakan dalam forum dua hari lepas menunjukkan bahawa kebebasan akhbar hanya tinggal omong-omong kosong sahaja, sekiranya ia tidak disusuli oleh tindakan yang lebih berkesan.

Di samping itu, kalau kita hendak menarik balik lebih banyak pelaburan, kita juga perlu untuk melabur dalam R&D yang kini hanya pada tahap 0.7% GDP, sedangkan yang disyorkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan negara maju adalah pada tahap 2.5% GDP. Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya bukan minta kita ikuti contoh Korea Selatan yang membelanjakan 4% GDP pada R&D, tetapi negara kita harus melipatgandakan perbelanjaan dalam R&D supaya kita pada tahap 2.5% GDP sepertimana yang dijalankan.

Alangkah lebih baik kita membelanjakan berbilion-bilion ringgit dalam R&D daripada membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk membina bangunan 'maha firaun' 100 tingkat. Macam mana negara boleh menjadi negara maju kalau kita tidak memberi penekanan kepada R&D?

Kedua, adalah membangunkan modal insan. Di sini saya rasa kita amat bangga dengan kejayaan seorang anak Malaysia dari Ipoh iaitu Tan Zhong Shan atas pencapaian cemerlang beliau menjadi pelajar jurusan undang-undang terbaik di *Cambridge University* iaitu institusi yang tidak asing lagi iaitu institusi yang terkemuka di seluruh dunia. Bukan senang untuk menjadi pelajar terbaik, lebih-lebih lagi dalam jurusan undang-undang. Beliau telah mengharumkan nama Malaysia dengan pencapaian cemerlang ini.

Namun begitu, kebanggaan yang dirasakan oleh rakyat Malaysia saya rasa tidak sempurna di atas kegagalan Kerajaan Malaysia untuk mendapat atau memperoleh khidmat beliau untuk bertugas di Malaysia setelah Tan memilih untuk

menyertai Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan di Singapura kerana beliau telah ditaja sebagai seorang pelajar biasiswa dari Singapura.

Pemergian beliau dari Malaysia sebenarnya bukanlah sesuatu yang memeranjatkan kerana ini hanya mencerminkan kesinambungan penghijrahan golongan pintar yang semakin membimbangkan dan saya rasa telah sampai ke tahap 'tsunami'. Mengikut jawapan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan, bilangan rakyat yang berhijrah keluar telah meningkat lebih 100 kali ganda dalam tempoh 40 tahun. Daripada 9,576 orang pada tahun 1960 kepada 1,489,168 orang setakat tahun 2005. Ini adalah mengikut Bank Dunia yang memberikan amaran bahawa kekurangan modal insan bakal menjadi kekangan kritikal kepada cita-cita Malaysia untuk muncul sebagai ekonomi berpendapatan tinggi.

Pada sesi Parlimen yang lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Senator A. Kohilan turut mengatakan bahawa seramai 304,350 rakyat Malaysia telah berhijrah dari bulan Mac 2008 sehingga Ogos 2009 berbanding dengan 139,696 warga tempatan pada tahun 2007. Dengan kata lain, sejak tahun 1960 iaitu selama 50 tahun kebelakangan ini, seramai 1,942,798 warga tempatan atau hampir 2 juta rakyat Malaysia yang berbakat dan mempunyai kepakaran sehingga boleh menarik perhatian dan minat negara-negara luar telah berhijrah. Saya rasa ini memang satu kehilangan dan kerugian besar kepada Malaysia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memberitahu Parlimen baru-baru ini bahawa kurang 1% daripada 784,900 rakyat Malaysia yang kini bekerja di luar negeri telah pulang ke negara ini dalam tempoh sembilan tahun yang lalu dengan Singapura memiliki bilangan rakyat yang paling ramai bekerja di Singapura iaitu 303,828 orang diikuti dengan Australia seramai 78,858 orang.

■1440

Di sini Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya rakyat bukan Melayu yang meninggalkan negara berhijrah untuk bekerja malah orang Melayu sendiri yang juga menjurus ke arah itu. Semasa saya melawat Dubai hampir dua tahun yang lepas, saya terkejut apabila mendapati beribu-ribu warga profesional Melayu yang berhijrah dan meninggalkan Malaysia ke sana. Ekoran kekurangan peluang yang baik dan juga peluang yang sama untuk naik pangkat kerana mereka tidak mempunyai kabel politik ataupun hubungan dengan pemimpin utama UMNO. Jadi dalam usaha untuk menghapuskan lompong-lompong dalam ekonomi Malaysia ini, Kerajaan Malaysia telah cuba untuk menarik balik BAKAT dengan menubuhkan Talent Corporation dengan perbelanjaan sebanyak RM30 juta.

Malangnya kegagalan Talent Corp. untuk menarik minat bakat-bakat terbaik Malaysia seperti mana yang ditunjukkan oleh pelajar terbaik Tan Zhong Shan, iaitu pelajar terbaik dalam jurusan undang-undang *Cambridge University* kembali bekerja ke Malaysia adalah kesan kegagalan dasar-dasar ekonomi yang lebih menekankan kepada pembinaan projek mega daripada membelanjakan wang untuk pembentukan modal insan.

Tuan Yang di-Pertua, sumber manusia dan juga bakat insan adalah minat baru dalam abad ke-21. Negara yang berjaya dalam melatih semula mengekalkan serta menarik bakat ataupun sumber-sumber manusia yang pintar bukan sahaja akan menikmati kemakmuran ekonomi malah mampu menjadi kuasa dalam paradigma baru ini. Inovasi adalah segala-galanya.

Penekanan secara jelas seperti faktor-faktor lain, hubungan politik malah perkauman yang mengatasi merit dan keperluan bukan sahaja membuatkan kita hilang bakat-bakat terbaik malah turut memberi tekanan ke atas menjatuhkan

standard dan juga menggalakkan budaya penurunan cemerlang. Kerajaan Malaysia juga harus menetapkan kemampuan sebagai inti pati utama dalam aspek kenaikan pangkat dan ganjaran. Di sini saya rasa bukanlah warna kulit yang menentukan kemampuan atau keupayaan seseorang. Sebenarnya ini bergantung kepada dasar-dasar yang gagal. Satu contoh yang paling baik ialah negara China.

Semasa negara China mengamalkan dasar-dasar komunis di mana semua akan menerima bahagian nasi ataupun hasil ekonomi yang sama tanpa mengira betapa rajin mereka bekerja, negara China adalah antara negara yang paling mundur dan rakyat China dianggap rakyat yang paling malas dalam dunia. Akan tetapi apabila dasar-dasar ekonomi bertukar berdasarkan merit, berdasarkan hasil yang diberikan bergantung kepada usaha seseorang, negara China sekarang telah mengecapi kemajuan dan kemakmuran hingga menjadi ekonomi yang kedua besar di dunia dan baru-baru ini baru melebihi negara Jepun.

Jadi di sini adalah jelas sekiranya kita mahu membentuk dan juga membina insan yang baik dan mengekalkan mereka, saya rasa kita mesti melaksanakan dasar-dasar yang betul bukan berteraskan kronisme, bukanlah berteraskan kepentingan politik tetapi berteraskan keupayaan. Mana-mana negara yang gagal berbuat demikian memang akan menghadapi kegagalan.

Oleh sebab itu sekiranya dasar-dasar tidak berubah, saya tidak nampak macam mana Talent Corporation Malaysia mampu untuk menarik balik sebahagian besar daripada 750,000 warga tempatan yang bekerja di luar negara. Dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengamalkan dasar-dasar yang bukan sahaja *color blind* tetapi juga *color politic blind*, supaya kita hanya memilih yang paling baik. Kita perlu menggalakkan pengusaha dan *entrepreneurs* bukanlah kroni, sama seperti kita perlukan lebih banyak orang-orang yang berkepakaran.

Sebagai satu contoh, di mana kita bukan sahaja hanya memberikan syor-syor dan cadangan tetapi ini pun telah diperkenalkan di negeri-negeri Pakatan Rakyat seperti Pulau Pinang. Apabila Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjalankan tender terbuka, sungguhpun ada pihak tertentu yang rasa bahawa kontraktor-kontraktor Melayu tidak akan mendapat tender tetapi apabila tender terbuka ini dijalankan sepanjang dua tahun ini, kita mendapati yang mendapat tender secara terbuka secara bersaing secara terbuka tanpa ada sebarang kronisme yang mendapat kontrak-kontrak kerajaan ini 70% datang daripada kontraktor Melayu. Ini menunjukkan kontraktor Melayu memang berkemampuan, berdaya saing sampai ke tahap dunia. Hanya mungkin kontraktor UMNO sahaja yang tidak dapat berdaya saing. Jadi yang hendak jadi jaguh kampung saya rasa bukanlah rakyat Malaysia. Mungkin yang mahu hanya mereka jadi jaguh kampung supaya mereka boleh terus berkekalan kuasa ialah Barisan Nasional sendiri.

Ketiga, sekiranya Kerajaan Persekutuan ingin menyejahterakan kehidupan rakyat, langkah utama ialah untuk membanteras amalan rasuah yang telah makan perbelanjaan RM28 bilion setiap tahun. Sekali lagi saya mendesak penubuhan suatu Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat siapa yang bertanggungjawab lesap dan kebas RM52 bilion saham bumiputera yang hilang, yang tidak sampai kepada orang Melayu dan bumiputera yang miskin. Kalau kita cakap tentang kontrak sosial, yang penting ialah supaya rakyat Malaysia dapat mengecapi hasil kejayaan negara.

Saya tidak faham mengapa kerajaan tidak mahu menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat, mendapat balik RM52 bilion saham supaya dapat diagihkan kepada orang Melayu dan orang bumiputera yang miskin. Di mana-mana kita pergi tanya orang kampung jarang ada seorang pun yang

dapat saham malah mereka boleh jawab balik – “*Tidak akan kita boleh dapat saham ini hanya untuk orang-orang UMNO sahaja*”. Jadi di sini di mana datangnya keadilan? Bukankah lebih penting bahawa kita dapat balik RM52 bilion ini agihkan semula kepada orang Melayu, orang bumiputera yang miskin. Saya rasa itulah yang kita sebutkan tentang kontrak sosial yang sebenarnya.

Di samping itu, pengumuman pembekuan kenaikan tol untuk lebuhraya PLUS saya rasa tidak bermakna apabila Kerajaan Pusat masih terpaksa membayar ganti rugi. Malah pengumuman baru-baru ini oleh PLUS bahawa wang ganti rugi yang akan dibayar oleh Kerajaan Pusat selama lima tahun adalah RM5 bilion, satu jumlah yang sangat besar dan agak mengejutkan. Ini bukanlah yang di hutang kepada PLUS masih ada RM2.5 bilion yang belum bayar yang akan menjadi jumlah yang perlu dibayar oleh Kerajaan Pusat sebanyak RM7.5 bilion. Saya rasa PLUS pasti gembira menerima ganti rugi ini kerana menerima bayaran tanpa perlu berusaha membuat apa-apa kerja pun.

Sudah tiba masanya Kerajaan Malaysia untuk mempertimbangkan program mengambil alih konsesi ini *nationalization, one-off* sekali sahaja *nationalization*. Ini kerana PLUS telah dan juga konsesi tol telah mendapat keuntungan kos pembinaan, kos *maintenance*, kos gaji semua sudah dapat balik.

■1450

Sekarang apa yang dikutip hanyalah untung bersih sahaja. Saya rasa kalau mereka hendak untung, sudah untung janganlah untung lebih dan ini memang untung lebih. Ini seperti ia sudah dapat dua buah Mercedes Benz tapi ia hendak 20 buah lagi. Saya rasa dua buah sudah cukuplah. Satu untuk ia dan satu untuk isteri. Tidak mungkin hendak dapat sampai 20 buah.

Oleh sebab itu demi kepentingan rakyat, adalah perlu bahawa kenaikan ini tidak harus dibenarkan. Kalau tidak mampu, saya rasa kerajaan mestilah mempertimbangkan untuk mengambil alih konsesi ini. Kesan negatif apabila membayar ganti rugi PLUS sebanyak RM5 bilion untuk lima tahun ialah bahawa ia akan menambahkan hutang Kerajaan Persekutuan dan caj perkhidmatan hutang ke paras yang tidak sihat.

Menurut Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan untuk tahun 2010 dan tahun 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan akan melonjak sebanyak 12.6% daripada RM362.4 bilion pada tahun 2009 kepada RM408.2 bilion pada tahun 2010. Ini bermakna setiap daripada 20 juta rakyat Malaysia berhutang RM15,118 atau bermakna mana-mana bayi yang lahir akan berhutang RM15,000.

Jika kita mengambil kira bayaran lebih RM10 setiap tahun kepada PLUS, ia adalah bayaran dan bebanan hutang kepada negara yang berlebihan. Seajar dengan itu caj perkhidmatan hutang atau *debt service charges* akan meningkat daripada RM14.2 bilion pada tahun 2009 kepada RM15.9 bilion pada tahun 2010. Ia dijangka melonjak kepada RM18.6 bilion pada tahun 2011. Saya rasa ramai rakyat Malaysia tidak berpuas hati bahawa negara terpaksa menanggung hutang hanya untuk membolehkan satu syarikat sahaja mengaut keuntungan yang maha besar ini. Ini memang tidak adil kerana hanya memihak dan memberi manfaat kepada kroni-kroni Barisan Nasional.

Teras keempat iaitu memantapkan penyampaian perkhidmatan awam. Saya harap bahawa kerajaan boleh berusaha untuk memastikan *productivity, efficiency* dan *integrity* dapat dipertingkatkan. Kita perlu memperbanyakkan *innovators*, bukanlah *Little Napoleon*. Sungguhpun kita telah mendedahkan siapa *Little Napoleon*, nampaknya Kerajaan Persekutuan lebih suka memihak dan

melindungi *Little Napoleon* daripada mengambil tindakan. Saya ingin menegaskan bahawa bukan semua anggota perkhidmatan awam bersikap seperti *Little Napoleon*, hanya segelintir kecil sahaja. Akan tetapi bak kata pepatah, 'kerana nila setitik rosak susu sebelanga'. Oleh itu sekiranya tindakan tegas tidak diambil ke atas *Little Napoleon* yang membazirkan dan juga menyusahkan rakyat, saya rasa usaha kita untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan awam hanya tinggal cerita dongeng sahaja.

Di sini saya ingin juga mencadangkan bahawa cukai perkhidmatan 6% yang dicadangkan ke atas stesen-stesen hiburan Astro, yang akan membolehkan kerajaan mengutip RM150 juta. Kenaikan 5% kepada 6% yang secara keseluruhannya termasuk daripada Astro akan membolehkan Kerajaan Persekutuan mengutip RM759 juta lagi. Saya rasa tambahan RM759 juta yang akan dikutip daripada rakyat amat membimbangkan. Hiburan Astro adalah hiburan untuk orang miskin. Mengapa kita harus mengenakan bayaran atau bebanan yang lebih? Orang biasa di Malaysia tidak mempunyai peluang untuk mengambil cuti ke *Europe* atau London. Mereka hanya boleh melihat London menerusi kaca mata televisyen. Oleh itu saya harap janganlah mengenakan cukai perkhidmatan ini supaya sekurang-kurangnya kita membolehkan rakyat menikmati hiburan yang bersih dan sihat.

Pada keseluruhannya kalau kita lihat Belanjawan 2011 ini, perubahan cukai yang dicadangkan tidak mengurangkan kutipan cukai sebaliknya menambah kutipan cukai sebanyak RM94 juta. So macam mana Belanjawan 2011 boleh diuar-uarkan sebagai berkepentingan rakyat sekiranya ia menambah kutipan cukai daripada rakyat dan bukan sebaliknya. Oleh itu adalah diharapkan bahawa syor-syor yang dicadangkan ini boleh mencerminkan satu belanjawan yang berjiwa rakyat.

Sekali lagi saya ingin meminta bahawa menara 100 tingkat Warisan Merdeka ini dibatalkan. Ini kerana ada banyak ruang yang kosong dan saya rasa ada banyak keperluan yang harus dibelanjakan demi mementingkan rakyat biasa Malaysia dan bukanlah syarikat-syarikat tertentu yang hanya menjadi kaya kerana dapat menjalankan kerja pembinaan Menara Warisan Merdeka. Sekian, terima kasih.

2.57 ptg.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan untuk Belanjawan 2011 di Dewan yang mulia ini. Setinggi penghargaan ke atas pembentangan Bajet 2011 yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 Oktober 2010 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa isu dan masalah di kawasan Parlimen saya berkaitan dengan beberapa kementerian berkenaan. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, gesaan kerajaan supaya rakyat di luar bandar melibatkan diri dalam pertanian untuk menambahkan pendapatan mendapat tindak balas positif dengan ramai yang melibatkan diri dalam tanaman kontang seperti pisang dan lain-lain yang mendapat pasaran. Bagaimanapun usaha berkenaan mendapat beberapa kekangan, dan di antara yang sering diadakan adalah masalah banjir kilat yang memusnahkan segala usaha dan keringat yang ditumpahkan. Banjir kilat selalunya berpunca dari sistem saluran yang kurang berfungsi akibat terlalu tohor dipenuhi rumput yang terlalu sempit.

Tuan Yang di-Pertua, pengusaha petani bukanlah dari golongan bermodal besar. Sekali dilanda banjir akan memusnahkan segala modal yang dikumpulkan

bertahun-tahun. Hasrat kerajaan untuk mentransformasikan rakyat kepada ekonomi berpendapatan tinggi khasnya kepada penduduk di luar bandar yang banyak bergantung kepada sektor pertanian dibimbangi hanya menjadi impian yang jauh. Untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa pada 5 Julai 2010 yang lalu di kawasan Mukim Serkat dalam Parlimen Tanjong Piai, seramai 70 orang penduduk melibatkan diri dalam tanaman kontang pisang dengan keluasan keseluruhan 42.2 hektar telah dilanda banjir kilat yang telah mengakibatkan tanaman tersebut musnah keseluruhannya sebelum hasil dapat diraih.

Kerugian yang ditanggung dianggarkan lebih dari RM200,000. Jumlah ini tidak termasuk mereka yang menanam di tanah-tanah rizab kerajaan seperti rizab JPS dan lain-lain. Keseluruhannya hampir 300 orang terlibat dalam banjir kilat tersebut. Oleh itu masalah yang dihadapi petani memerlukan perhatian dari dua kementerian, iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berhubung dengan tanaman secara khususnya dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang berkaitan dengan sistem saliran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2011 sejumlah besar peruntukan telah diberikan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

■1500

Terdapat peruntukan perbelanjaan RM3.6 juta daripada pengairan dan saliran pertanian. Peruntukan ini sewajarnya dapat diperuntukkan bagi membantu petani-petani yang susah akibat bencana banjir kilat supaya mereka mampu meneruskan kehidupan. Dalam kes masyarakat di Tanjong Piai, kerajaan telah meluluskan bantuan sejumlah RM500 per hektar dengan maksimum tuntutan seluas dua hektar untuk setiap petani dan berjumlah RM21,250.

Jika ditafsirkan dari jumlah kerugian yang ditanggung, amatlah tidak memadai. Sehubungan dengan itu, bagi pihak petani yang terlibat memohon supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang terlibat memohon supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atau jabatan memberi pertimbangan khas dengan lain-lain bantuan yang sesuai supaya petani yang terlibat khasnya yang 100% bergantung harap kepada hasil pertanian dapat diberi pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu yang sama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang mendapat peruntukan RM79 juta dari Bajet 2011 melalui agensinya Jabatan Pengairan dan Saliran hendaklah mencari jalan menangani masalah saliran yang tersumbat, tohor, semak dan sempit supaya kejadian banjir kilat tidak sewenang-wenangnya berlaku. Polisi pembersihan lima tahun sekali bagi saliran tanah liat dan tiga tahun sekali bagi tanah gambut sewaktu pelaksanaan projek Johor Barat perlu dikaji semula khasnya bagi saliran kawasan tanah gambut yang mudah tohor atau ditumbuhi rumput.

Ini adalah kerana perubahan jenis tanaman yang dahulunya mungkin getah dan kelapa yang telah bertukar kepada tanaman kelapa sawit turut menyumbang kepada kadar pertumbuhan rumput yang pantas kesan daripada penggunaan baja. Oleh yang demikian saya berharap agar kementerian mempertimbangkan pegawai-pegawai di peringkat daerah seharusnya peka serta sentiasa turun padang untuk membuat pemantauan dalam memastikan saliran tersebut dalam keadaan berfungsi. Bagi polisi pembersihan tiga kali setahun tidak lagi sesuai. Saya ingin cadangkan kepada kementerian supaya polisi pembersihan dilakukan mengikut keperluan atau sekurang-kurangnya setahun sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan pembangunan Wilayah Iskandar di Johor akan membawa banyak perubahan langsung ke wilayah ekonomi tersebut dan kawasan kejurannya khususnya kawasan Pontian akan mendapat limpahan pembangunan. Sejumlah RM339 juta disediakan oleh kerajaan iaitu antaranya membina lebuh raya, memajukan kawasan perumahan serta menyediakan dan membaiki perkhidmatan pengangkutan awam.

Laporan statistik bancian lalu lintas kebangsaan yang dijalankan oleh JKR pada tahun 2009 dan 2010 menunjukkan sebanyak purata 72,000 kenderaan melalui jalan Pontian Johor Bahru dalam satu hari untuk kedua-dua hala. Ini bermakna secara puratanya sebanyak 2.1 juta kenderaan sebulan menggunakan laluan berkenaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jalan utama Pontian ke Johor Bahru pada masa kini didapati mengalami kelemahan ketara yang mana perhubungan jalan rayanya yang telah menjadi sesak dan sibuk selain daripada keadaan jalan-jalan yang rosak, tidak rata dan sempit menyebabkan laluan pelaburan ke Daerah Pontian tidak popular kepada pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengetahuan saya boleh dikatakan keseluruhan daerah di Johor telah di naik taraf jalan ke empat lorong. Malangnya jalan utama Pontian ke Johor Bahru yang mempunyai penggunaan tinggi masih lagi dalam keadaan dua lorong. Setelah difahamkan satu cadangan laluan baru Johor Bahru ke Pontian sejauh 26 kilometer telah dicadangkan sejak Rancangan Malaysia Kelapan yang telah dianggarkan RM100 juta kosnya masih belum dapat dilaksanakan. Sehingga hari ini anggaran kos telah meningkat kepada RM145 juta. Jika pelaksanaan projek ini ditangguhkan lagi, kos akan terus meningkat dan daerah Pontian akan terus tertinggal dari pembangunan di Wilayah Iskandar.

Ini akan memberi kesan rantaian berlakunya kekurangan pekerjaan dan penghijrahan keluar akan berlaku akibat kurangnya pelabur yang hendak beroperasi di daerah Pontian khususnya di kawasan Tanjong Piai. Oleh itu kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya diminta dapat melaksanakan projek yang telah lama dirancang ini supaya pembinaannya kelak akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di Pontian khususnya di kawasan Parlimen Tanjong Piai. Saya meminta perhatian kementerian supaya projek ini yang telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan dapat dilaksanakan dengan kadar segera dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan ekonomi dengan projek berskala besar memang sangat dialu-alukan dan disokong. Ia akan memberi limpahan pembangunan kepada masyarakat di sekeliling. Bagaimanapun setiap projek sedemikian akan memberi juga kesan negatif jika tidak ditangani dengan bijaksana. Sebuah projek berskala besar iaitu industri petrol kimia yang akan dibangunkan di kawasan Tanjong Bin di kawasan Parlimen Tanjong Piai, Pontian yang dianggarkan berjumlah berbilion ringgit.

Projek tersebut sekarang dalam proses penyediaan tapak seperti yang sedia maklum kawasan industri petrol kimia ini berada di kawasan penangkapan ikan yang melibatkan ramai nelayan pantai. Projek tersebut terletak berhampiran tiga buah pekan nelayan iaitu di Sungai Dinar, Sungai Cengkih dan Sungai Boh. Seramai 250 orang nelayan pantai mencari rezeki di kawasan berkenaan sementara di kawasan perairan Kukup pula terdapat 75 pengusaha ikan sangkar yang menganggar telah melabur sejumlah RM37.5 juta dengan purata RM500,000 bagi pengusaha ikan sangkar yang memiliki 100 sangkar yang seunit berharga RM5,000 dalam industri ternakan ikan sangkar ini. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, ia akan menjana hasil 1.8 juta kilo hasil eksport melalui jeti Kukup dan laluan darat

yang mencecah 36 juta pada tahun 2009 yang telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menyebut tentang kimia, sudah tentu pelbagai kemungkinan boleh terjadi jika tidak diurus dengan cekap, betul dan berkesan. Walaupun saya percaya kajian kesesuaian telah dibuat sebelum tapak ini dipersetujui oleh kerajaan untuk industri petrol kimia ini beroperasi di tapak berkenaan, namun kebimbangan tetap menghantui masyarakat khususnya golongan yang bergantung hidup kepada sumber air sebagai sumber pendapatan. Para nelayan dan masyarakat khususnya mereka mahukan jaminan bahawa projek tersebut tidak memberi kemudaratan kepada mereka dalam apa bentuk sekalipun dan berharap semua pihak berada dalam situasi menang-menang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan berlakunya kejadian yang tidak diingini sebelum projek ini menjalankan operasinya dan apakah pula langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi sebarang masalah seperti pencemaran air atau mungkin juga pencemaran udara akibat pelepasan bahan yang boleh memudaratkan eko sistem sedia ada? Tindakan ini saya percaya sesuai seperti pepatah '*sediakan payung sebelum hujan*'. Ini perlu supaya setiap tindakan yang akan diambil adalah jelas, tepat dan menyelesaikan masalah yang dihadapi dan bukan seperti kata pepatah '*rumah siap pahat berbunyi*'.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan pendatang asing tanpa izin telah membawa banyak masalah secara langsung atau tidak langsung kepada negara. Kerajaan terpaksa membelanjakan jutaan ringgit untuk menangani masalah untuk semakin rumit ini. Salah sebuah penjara pusat tahanan pendatang tanpa izin adalah di Pekan Nanas. Pusat tahanan ini sekarang adalah di bawah kawalan Jabatan Imigresen terletak berhampiran dengan Taman Emas Merah, Taman Intan dan Taman Kiara dan banyak lagi terdapat sebuah sekolah yang berhampiran iaitu Sekolah Kebangsaan Batu 24, Pekan Nanas.

Tuan Yang di-Pertua kedudukan pusat tahanan tersebut adalah kurang sesuai kerana pengalaman pada 4 Disember 2001 di mana berlakunya rusuhan di dalam pusat tahanan tersebut mengakibatkan beberapa blok telah dibakar oleh perusuh dan menjadi kebimbangan kepada masyarakat di sekeliling jika berlakunya tahanan terlepas keluar dan mengancam keselamatan penduduk.

■1510

Saya juga difahamkan sering berlaku pergaduhan dalaman di kalangan mereka yang ditahan akibat perbezaan budaya, bangsa dan agama. Difahamkan bahawa pada satu-satu masa, pusat tahanan ini diduduki lebih daripada 500 orang dan sentiasa bertambah dari semasa ke semasa. Kini setelah pusat tahanan ini dikawal selia terus di bawah Jabatan Imigresen, telah dilakukan pembinaan blok baru yang difahamkan kos keseluruhannya berjumlah RM8.5 juta.

Justeru saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah ada perancangan untuk menempatkan pusat tersebut ke satu kawasan yang lebih selamat dan sesuai? Pada masa yang sama, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjamin keselamatan penduduk, khususnya kepada penduduk di taman-taman perumahan di sekitarnya? Ini kerana saya percaya apabila blok tahanan yang baru siap dibina, tentu lebih ramai akan ditempatkan di situ dan pada masa yang sama, diharap nisbah di antara kakitangan dan tahanan hendaklah pada kadar yang sesuai bagi mengelakkan kejadian hilang kawalan.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi memberikan tindak balas rantaian dengan pertambahan penduduk, penghijrahan, kemasukan pekerja asing dan peningkatan kejadian jenayah. Daerah Pontian mempunyai penduduk dalam lingkungan 200 ribu orang. Bilangan anggota polis adalah di sekitar 400 orang. Jumlah ini termasuk mereka yang terlibat dalam kerja-kerja pentadbiran, pemandu dan lain-lain tugas yang boleh dikategorikan sebagai bukan tugas hakiki polis.

Oleh yang demikian, bilangan anggota polis yang benar-benar menjalankan tugas polis dianggarkannya hanya 200 orang. Jika begitu, maka nisbah polis dan penduduk adalah 1:1000 iaitu satu anggota untuk mengawal seribu penduduk. Jika mengambil kira pula bilangan pekerja asing yang ada di Pontian, yang berjumlah hampir '10,000 orang' yang bekerja di sektor kilang dan pekerja domestik, menjadikan nisbah anggota polis dengan penduduk menjadi semakin kecil. Pada waktu saya sama difahamkan bilangan pegawai penyiasat yang ada pula sangat kecil, tidak sampai 10 orang untuk bertindak jika berlaku kejadian jenayah yang memerlukan siasatan.

Sebagai rujukan tambahan, saya mengambil sampel kawasan Pekan Nanas sebagai indeks betapa perlunya pertambahan pegawai polis dan pegawai penyiasat. Jumlah penduduk dalam kawasan pentadbiran pegawai polis Pekan Nanas lebih kurang 50 ribu orang. Secara puratanya, lebih kurang 500 kes dilaporkan di Balai Polis Pekan Nanas setiap bulan, di mana lebih kurang 40 kes memerlukan siasatan pegawai polis. Difahamkan hanya seorang IO dan pembantu IO bertugas pada satu-satu masa untuk menyiasat kes-kes jenayah di seluruh Daerah Pontian, yang mempunyai enam buah balai polis dan nampaknya beban kerja IO amat berat dan setiap siasatan juga memakan masa.

Oleh yang demikian, keadaan adalah amat mendesak supaya bilangan IO di Daerah Pontian ditambah dan menempatkan seorang IO tetap di Balai Polis Pekan Nanas demi mempertingkatkan keberkesanan kerja siasatan polis dan menjimatkan masa menunggu orang awam untuk siasatan dijalankan apabila berlakunya sesuatu kes jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta pihak-pihak berwajib memberikan perhatian serius terhadap isu ini bagi mengelakkan keadaan menjadi bertambah buruk dari semasa ke semasa. Adalah juga diharapkan apa yang dibentangkan akan dapat direalisasikan dan dirasakan manfaatnya oleh setiap lapisan rakyat, khususnya kepada masyarakat di luar bandar. Dengan itu, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Petani.

3.14 ptg.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Speaker. Peruntukan tahun 2011 berjumlah RM212 bilion, 2.8% lebih tinggi daripada tahun lepas dan mungkin yang paling tinggi dalam sejarah kita. Hasil kerajaan untuk 2010 berjumlah RM162.13 bilion dan Petronas menyumbang sebanyak RM57.6 bilion. Ini melibatkan cukai, duti eksport dan dividen. Pada tahun 2010, 36% pendapatan negara datang dari hasil minyak.

Sejak awal tahun 1970-an, Petronas sumbang sebanyak RM529 bilion dan tanggungan subsidi gas sebanyak RM116 bilion dan kita lihat tahun 2004 hingga 2009 sahaja, Petronas bayar kepada kerajaan RM253.6 bilion. Ini satu jumlah yang besar. Dalam menelaah angka-angka di atas, kita dapati bahawa 45% dari hasil minyak yang disumbangkan kerajaan datangnya dari Sabah dan Sarawak dan 65% pula hasil gas datang dari Sabah dan Sarawak.

Apabila meninjau ucapan Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri, saya dapati projek-projek yang dicatatkan, yang akan dilaksanakan berjumlah RM109.74 bilion, tetapi yang akan pergi ke Sabah dan Sarawak hanyalah RM9.55 bilion. Bermaksud lebih kurang 8% daripada apa yang tercatat. Saya kira ini tidak masuk akal Tuan Speaker sebab 45% yang disumbangkan kepada pendapatan negara datangnya dari Sabah dan Sarawak, minyak dan 65% daripada gas dari Sabah dan Sarawak tetapi yang akan pergi, teman-teman Sabah dan Sarawak, hanyalah 8%.

Tuan Speaker, saya akan bercakap tentang Parlimen ini. Ramai Ahli Parlimen bangkitkan tentang betapa tidak selesanya keadaan bekerja di Parlimen ini. Ahli Parlimen tidak ada kawasan khas atau bilik khas atau ruang khas untuk bekerja, membaca dan menulis. Buku-buku, laporan, risalah dan dokumen penting dilambakkan di atas meja yang amat sempit ini. Tengoklah berselerak atas meja kita. Ruang meja yang sempit ini pula diambil oleh skrin komputer yang amat lebar ini. Ahli Parlimen pula duduk sederet empat orang, amat tidak selesa.

Yang perut kecil okeylah. Kena yang perut besar macam Yang Berhormat Baling? [*Ketawa*] Malah banyak Parlimen di negara lain dapat satu meja, satu kerusi dalam dewan secara berseorangan ataupun *share*. Pergilah Germany ataupun Kyrgyzstan. Negara yang miskin, baru keluar daripada cengkaman Soviet Union, tetapi dewannya lebih selesa dengan tiap-tiap orang ada satu bangku dan satu meja. Kita, empat orang satu meja, berasak-asak.

Kerusi yang empuk ini pula membuatkan Ahli Parlimen duduk terbenam hinggakan kepala pun tidak nampak kerana meja tinggi daripada kepala Ahli Parlimen. Bila Speaker cari, dok tengok tang mana Ahli Parlimen ini. Keadaan ini, Tuan Speaker, boleh diperbaiki jika kerajaan membina bangunan tambahan di sekitar bangunan Parlimen ini. Kawasan Taman Rusa ataupun tanah kerajaan yang agak luas di sekitar bangunan Parlimen boleh digunakan untuk bangunan tambahan. Kita tidak payah ke Putrajaya ataupun berbelanja RM900 jutalah. Jangan ganggu struktur bangunan yang sedia ada tetapi cukup dengan membina bangunan tambahan yang boleh menempatkan ruang untuk Ahli Parlimen bekerja. Perpustakaan sejarah Parlimen.

■1520

Sekarang, bila orang datang ke Parlimen sama ada tetamu-tetamu daripada dalam negeri ataupun tetamu-tetamu dari luar negara, apabila ditanya apakah sejarah Parlimen yang boleh kita tunjuk ialah gambar-gambar Perdana Menteri, gambar-gambar Yang di-Pertuan Agong, gambar-gambar Speaker. Gambar Timbalan Speaker tidak ada lagi. Oleh yang demikian, kita pun tidak tahu hendak cerita apa dekat dia orang sebab tidak ada satu ruang di mana kita boleh tunjukkan kepada pelawat-pelawat kita, inilah sejarah Parlimen Malaysia. Jadi sekiranya bangunan tambahan itu didirikan, mungkin kita boleh tempatkan tempat persidangan, mungkin diwujudkan *banquet hall* di situ. Saya rasa ia tidak akan menelan belanja yang banyak.

Saya kira ini boleh dilaksanakan walaupun kita mendapat bajet tahun ini amat kecil RM75 juta untuk menampung 222 orang Ahli-ahli Parlimen berbanding dengan bajet RM65 juta untuk buat *renovation* Seri Perdana. Seri Perdana hendak duduk dua orang sahaja tetapi yang ini, 222 orang. Jadi, kalau prioriti diberikan, saya yakin benar kita boleh membuat bangunan tambahan dan ini akan memberikan keselesaan kepada pegawai-pegawai untuk menjalankan tugas tetapi juga pada Ahli Parlimen menjalankan tugas mereka.

Di samping itu, secara tidak segan dan silu, saya mengatakan bahawa Ahli Parlimen Malaysia menerima elaun di antara yang rendah jika dibandingkan dengan Ahli Parlimen negara-negara lain termasuk Indonesia. Saya dimaklumkan, Indonesia bukan sahaja mendapat elaun yang tinggi tetapi *researcher* dia sahaja pun empat orang. Oleh sebab elaun yang rendah begini, ini menyebabkan Ahli Parlimen tidak mampu mengambil *researcher* yang berkualiti dan berkeelayakan. *Researcher* yang baik akan membantu Ahli Parlimen dalam mengutarakan hujah-hujah yang baik dan bernas. Tidaklah seperti sekarang.

Oleh sebab ketiadaan masa, kadang-kadang Ahli Parlimen bercakap tanpa persediaan dan sentiasa terbabas semasa perbahasan. Itu yang bercakap melelong merata itu. Seluar dalamlah, semua masuklah fasal kadang-kadang kita rasa waktu yang diberikan banyak tetapi kadang-kadang kita tengok kawan-kawan kita walaupun bernas ucapannya tetapi oleh sebab kita rasakan ada benda-benda yang kita hendak sebut tetapi maklumat-maklumat yang datang sama ada lewat ataupun kita sendiri, Ahli Parlimen sendiri terpaksa buat kerana tidak cukup maklumat-maklumat yang diperlukan semasa masuk. Kita perlukan maklumat secepat mungkin. Akan tetapi komputer ini pun Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang dia keluar *colour* macam-macam. Hak saya ini baru tukar. Kalau tidak, dia keluar *colour* kuning, *colour* hijau, kadang-kadang padam terus.

Maka sudah sampai Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengkaji elaun Ahli Parlimen untuk memberikan kemudahan ini supaya Ahli Parlimen dapat menggaji ataupun *employ researcher* yang lebih baik, yang berkualiti. Saya juga memohon supaya *researcher* menjadi suatu tumpuan kerana *researcher* seperti yang saya sebutkan tadi bukan sahaja di Indonesia mereka mendapat empat *researcher*, malah di negara seperti Cambodia pun Ahli Parlimen mendapat dua *researcher*. Jadi bayangkanlah kalau ada dua *researcher*, sudah pasti banyak kerja dapat diselesaikan dengan cepat dan kita dapat berbahas dengan begitu baik sekali.

Di negara-negara barat dan beberapa negara di kawasan kita di sini, bukan sahaja Ahli Parlimen mendapat *researcher* malah pejabat Ahli Parlimen di kawasan pejabatnya, alat tulisnya, sewaan pejabat dan peralatan pejabat dibayar oleh kerajaan. Tidak kira Ahli Parlimen itu daripada parti kerajaan ataupun pembangkang. Malah saya dimaklumkan tadi ada Ahli Parlimen di Indonesia, bukan ada, sekarang ini pun lah, sebaik sahaja dia mendapat Ahli Parlimen, Ahli Parlimen akan mendapat nilai duit kita RM5 juta ringgit, duit yang boleh dibelanjakan. Kita tidak mintalah RM5 juta. Ini terlalu besar. Akan tetapi yang kita minta supaya satu jumlah yang *reasonable* agar Ahli Parlimen boleh membayar pejabat dia, *researcher* dia dengan selesa.

Ini semua diminta, dipohon agar Ahli Parlimen boleh menumpukan kerjanya sebagai Ahli Parlimen bagi memastikan dia dapat menjalankan tugasnya tanpa sekatan dan kekangan kewangan. Jika ini boleh dilakukan oleh kerajaan, saya yakin ramai Ahli Parlimen tidak akan terkejar-kejar ke hulu dan ke hilir mencari *sponsors* ataupun melakukan perniagaan-perniagaan sampingan. Sekali gus akan mengelakkan mereka dari terhutang budi dengan mana-mana pihak yang berkepentingan. Wakil rakyat dibayar elaun oleh rakyat untuk berkhidmat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) seperti yang dicadangkan oleh Pesuruhjaya Diraja Polis Tun Dzaidin. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada PDRM kerana telah berjaya mengurangkan kadar jenayah berbanding pada tahun 2009. Namun begitu, jumlah jenayah di negara ini amatlah membimbangkan kita kerana ia masih tinggi. Oleh sebab itu, walaupun berlaku

penurunan kadar jenayah yang diumumkan namun rakyat masih mempunyai masalah tentang keyakinan mereka terhadap PDRM.

Persepsi bahawa polis tidak cekap, polis tidak profesional, polis melindungi pihak-pihak tertentu, hidup segar dalam pemikiran rakyat. Terdapat juga persepsi bahawa polis anti rakyat bila polis menggunakan kekerasan berlebihan terhadap orang-orang awam seperti yang diputuskan oleh laporan SUHAKAM dalam kes polis menyuraikan perhimpunan awam ataupun demonstrasi. Apatah lagi terdapat kes-kes di mana polis sewenang-wenangnya melepaskan tembakan dan membunuh orang awam yang tidak bersenjata seperti dalam kes Mohamad Tawfiq Noorzan, seorang Orang Kurang Upaya (OKU) di Arau, Perlis baru-baru ini. Taufik ditembak mati dalam keadaan tangan beliau digari polis. Kes ini masih belum selesai siasatan.

Atau masih segar dalam ingatan kita apabila adik Aminurrashid berumur 15 tahun ditembak mati di Shah Alam dan kita dikejutkan apabila ada laporan bahawa 19 kelongsong peluru dijumpai di tempat kejadian.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Petani, adakah benar dakwaan pihak tertentu bahawa imej polis ini menjadi buruk hasil daripada tohmahan pihak pembangkang ataupun bagaimana pandangan Yang Berhormat Sungai Petani kerana inilah isu yang sering kita dengar. Masalah imej negara rosak oleh sebab pembangkang. Seolah-olah apa yang dilakukan sebenarnya tidak ada masalah. Semua itu betul. Tembak Aminurrashid pun tidak ada masalah, tembak yang OKU pun tidak ada masalah. Akan tetapi hanya jadi masalah apabila pembangkang menjadikan ia satu isu. Macam mana kita hendak jelaskan perkara ini?

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Oleh sebab itu, dalam mana-mana negara bertamadun ada undang-undang. Undang-undang itu ialah untuk digunakan bagi mereka yang melakukan kesalahan. Oleh sebab itu ada *carrot and stick* bagi mereka yang menjalankan tugas, maka kita bagi *carrot*. Akan tetapi bagi mereka yang terkeluar landasan, maka dia ada *stick* iaitu undang-undang.

Jadi untuk mengatakan bahawa tohmahan semata-mata adalah tidak betul sebab kita ada bukti yang kukuh yang saya akan sebut sebentar lagi bahawa Tun Dzaiddin yang mengepalai sebuah suruhanjaya juga menyetujui supaya ditubuhkan suruhanjaya agar apa-apa juga tohmahan yang dikenakan kepada mereka, kepada polis oleh mana-mana pihak akan disiasat sebaik-baiknya. Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Seperti yang saya kata...

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: *[Bangun]*

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Ya.

■1530

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat. Ekoran daripada pandangan Yang Berhormat dan apa yang kita dengar dari Yang Berhormat Shah Alam tadi budaya menuduh pihak pembangkang seolah-olah menghasut luar negara untuk memberikan komentar, pandangan dan tuduhan yang buruk terhadap negara kita ini. Begitu juga saya perhatikan berlaku dalam kes seperti yang mengatakan bahawa pelaburan asing (FDI) amatlah kurang dan

menurun sehingga 80% lebih disebabkan oleh faktor Yang Berhormat dan Yang Berhormat Shah Alam sebutkan tadi.

Akan tetapi kalau kita ingat yang masyarakat dunia ini tidaklah semudah itu dipengaruhi. Bayangkan seorang yang bernama Richard Branson, seorang bilionair, usahawan antarabangsa yang negara kita jemput dia datang ke sini. MIDA jemput, MIDA bayar dia, Timbalan Perdana Menteri rasmikan program, Richard Branson menjadi *keynote speaker*. Tiba-tiba *keynote speaker* Richard Branson kata masalah utama pelaburan asing dalam negara ini kerana kes sodomi yang dia kata sepatutnya dibuang sahaja dan tidak ada penting untuk negara ini malah dia kata mencemarkan nama negara ini. Jadi yang mengotorkan nama negara ini bukan pembangkang saya rasa tetapi tindakan pihak kerajaan itu sendiri. Setujukah Yang Berhormat?

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Ya, sekali dengan Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini pasal Yang Berhormat Tumpat sudah timbulkan isu sodomi ini, saya pun hendak tanya juga pandangan Yang Berhormat Sungai Petani. Tidakkah pelik di mana kerajaan dan negara ini mengambil satu tindakan yang begitu drastik terhadap seorang yang dituduh dan kita semua tahu ianya satu tuduhan yang palsu melakukan tindakan sodomi. Sedangkan pada masa yang sama memberikan *red carpet welcome* kepada seorang yang mengumumkan dirinya seorang *gay* iaitu Adam Lambert. Tidakkah ini satu perkara yang pelik, aneh?

Kita lihat bagaimana pemimpin-pemimpin negara, Ketua Pemuda MCA mengatakan masalah *gay* ini sebenarnya *it's not cultural thing*, ia benda yang ada orang cenderung kepada itu sahaja, lalu apa masalahnya, ianya bukan satu budaya yang perlu kita risau dan sebagainya. Akan tetapi pada masa yang sama satu ketegasan tidak mahu langsung adanya tercemarnya negara kita dengan imej pemimpin yang sodomi dan sebagainya, tetapi pada yang sama *red carpet* untuk Adam Lambert. Tidak peliklah benda ini?

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Ya, untuk bersama dengan Yang Berhormat Shah Alam, jawapan saya itulah paradoksnya Malaysia, begitu paradoks. Saya setuju dengan Yang Berhormat Tumpat bahawa dalam dunia yang tidak ada batasannya, maklumat di hujung jari, sudah pasti apa yang berlaku di negara kita malah semasa saya sedang bercakap ini pun, jutaan manusia sedang perhatikan saya. Sama ada di Glasgow, India, Karachi, Indonesia, sebab mereka mengikuti perbincangan kita melalui Youtube.

Isunya sekarang ini ialah kita boleh tutup maklumat di Malaysia kerana akhbar-akhbar dan media di *control* oleh pemerintah. Akan tetapi maklumat boleh belayar dengan pantas sebab itu kalau dalam kes sodomi yang sedang dilalui fitnah kedua oleh Ketua Pembangkang, saya berkesempatan berada di dalam satu *flight* dengan seorang Australia yang mengatakan Anwar sepatutnya menjadi seorang aktif dalam sodomi semasa dia dalam kerajaan, bukan selepas dia dibuang dalam kerajaan. Kerana masa kerajaanlah dia boleh pilih anak-anak muda yang lebih *handsome*, dia ada kuasa, dia ada duit dan dia boleh pilih tempat-tempat yang dia hendak, tetapi selepas dia keluar daripada kerajaan nampaknya dia lebih berminat menjadi sodomi selepas dia tidak ada kuasa.

Mana-mana manusia yang waras akalnya pun pada umur 60-an, dia tidak *sodomize* orang, dia hendak sodomi, masa umur 23 tahun. Jadi pembohongan bagi inilah yang membuatkan dunia gelakkan kita, dunia amat gelak. Saya mengucapkan terima kasih, dunia akan gelak kepada kita.

Kita juga baru-baru ini dibentangkan dengan cerita bagaimana anggota polis telah pun menghilangkan bahan-bahan bukti yang jumlah banyak daripada dadah dan kes ini telah pun disebarikan begitu luas di akhbar-akhbar. Nampaknya walaupun berada dalam tangan polis tetapi dadah hilang, bahan bukti pula itu. Oleh itu kita dimaklumkan PDRM mempunyai mekanisme tersendiri bagi menyiasat dan mengambil tindakan susulan kepada anggota PDRM yang terbabit dengan kes-kes yang melanggar undang-undang dan peraturan polis. Akan tetapi rakyat tidak yakin dengan mekanisme ini kerana mereka yang terlibat dalam siasatan terdiri daripada kalangan anggota polis itu sendiri.

Ini membuatkan mekanisme itu tidak dapat berfungsi dengan penuh berkesan kerana ada garis-garis merah ataupun *red lines* yang kadangkala tidak dapat mereka langkai. Sebagai contoh, bila Ketua Pembangkang, Ahli Parlimen Permatang Pauh yang suatu masa dahulu Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri dipukul teruk dalam sel di Bukit Aman. Bila beliau muncul di mahkamah dan disiarkan dalam kaca TV dengan mata lebamnya, negara terkejut dan terperanjat bagaimana Timbalan Perdana Menteri boleh diperlakukan sedemikian rupa semasa dalam kawalan polis di Bukit Aman, kawasan yang paling selamat di negara ini.

Bekas Perdana Menteri mengatakan secara terbuka bahawa Anwar pukul matanya sendiri. Siasatan dibuat oleh polis sendiri, tetapi malangnya mereka tidak jumpa siapa yang memukul Yang Berhormat Permatang Pauh, empat orang sahaja yang ada dalam sel malam itu, tidak jumpa. Oleh sebab desakan yang kuat dari pelbagai pihak, maka Suruhanjaya Diraja dibentuk. Setelah siasatan dibuat, barulah ditemui yang memukul Yang Berhormat Permatang Pauh dan Timbalan Perdana Menteri waktu itu adalah Ketua Polis Negara sendiri. Ini jelas menunjukkan mekanisme yang ada dalam PDRM bagi memantau kegiatan dan salah laku anggota kadangkala gagal. Inilah yang membuatkan keyakinan rakyat terhadap polis makin terhakis.

Tuan Yang di-Pertua, harapan kita tinggi menggunung agar PDRM dapat menjaga keamanan negara kita, menjaga rakyat dan menjaga perlembagaan kita. Kita mendesak agar kerajaan memberikan yang terbaik kepada pegawai dan anggota PDRM dan institusi polis itu sendiri. Mereka bukan sahaja wajib menerima gaji yang terbaik setimpal dengan peranan mereka tetapi mendapat peralatan yang canggih, tempat kerja dan tempat tinggal yang selesa dan yang maha penting mendapat penghormatan tinggi dari rakyat jelata. Penghormatan rakyat kepada polis masih ada walaupun sedikit terhakis akibat tindak tanduk dua tiga kerat anggota dan pegawai polis termasuk Ketua Polis Negara yang lepas. Saya amat yakin di bawah kepimpinan Ketua Polis Negara yang baru, moral dan imej PDRM akan meningkat dan keyakinan rakyat akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Diraja Polis yang diketuai oleh Tun Dzaidin telah mencadangkan agar ditubuhkan satu Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis atau IPCMC agar keyakinan umum terhadap penguatkuasaan polis dapat dipulihkan. Saya amat yakin penemuan oleh pesuruhjaya ini dan *recommendations* mereka berniat baik tanpa sebarang prejudis. Mereka ingin melihat PDRM bebas dari tuduhan dan tidak tercemar dengan fitnah. Saya menggesa agar kerajaan mengkaji semula laporan Tun Dzaidin dan adalah untuk kepentingan awam dan PDRM, IPCMC dibentuk dan dilaksanakan secepat mungkin. Saya yakin seekor dua kerbau yang membawa lumpur kotor dan busuk jika dapat ditumpaskan dari awal akan menyelamatkan kerbau-kerbau yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin masuk ke tajuk yang lain, Multimedia Super Corridor. Kerajaan lancarkan MSC pada 1 Ogos 1996 untuk mentransformasikan Malaysia ke sebuah negara ekonomi berasaskan IT menjelang 2020. Fasa pertama meliputi koridor seluas 15 kilometer x 50 kilometer merangkumi Kuala Lumpur, Putrajaya, Cyberjaya dan KLIA.

■1540

Fasa kedua pula melibatkan pembangunan bandar dan pusat bandar dan pusat siber di seluruh negara yang patut berlaku pada tahun 2004 hingga 2010.

Fasa ketiga ialah daripada tahun 2010 kepada 2020 memperkemas koridor ke seluruh negara dan menjadikan Malaysia sebagai masyarakat yang berpengetahuan. Rakyat sambut baik rancangan ini dan memberi sokongan padu kepada idea kerajaan. Dikatakan bilangan syarikat global berstatus MSC akan meningkat kepada 500 buah. Dalam fasa ini MSC dijangka menjadi medan ujian antarabangsa bagi aplikasi multimedia baru.

Untuk mempromosikan persekitaran pengawalseliaan, terdapat rancangan untuk menubuhkan mahkamah keadilan siber antarabangsa dalam MSC. Di samping itu dalam tempoh ini Malaysia dijangka mempunyai status sebagai pengeksport bersih produk dan perkhidmatan ICT. MSC juga akan dihubungkan dengan 12 bandar raya bestari dalam rangkaian maklumat antarabangsa untuk meningkatkan faedah sosial dan ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapakah yang telah dibelanjakan sehingga kini?

Statistik MSC menunjukkan pertumbuhan positif dalam bilangan syarikat MSC. Soalan saya, adakah syarikat-syarikat ini dilahirkan oleh MSC atau mereka hanya berdaftar dengan MSC, walaupun MSC tidak wujud saya rasa mereka tetap akan ada. Bolehkah kementerian senaraikan syarikat-syarikat tempatan bertaraf dunia yang dilahirkan di bawah projek MSC. Saya mohon juga kementerian senaraikan *patent* atau harta intelek yang mendapat pengiktirafan antarabangsa. Sudahkah hingga ke hari ini Malaysia mendapat pengiktirafan sebuah negara hub IT seperti yang didapati oleh India dan sudahkan Universiti Multimedia, universiti perintis yang terletak di dalam lingkungan MSC disenaraikan dalam penyenaian universiti sedunia - Times QS.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menyusur kepada isu MSC ini akan terdapat tujuh aplikasi *flagship* dalam MSC. Namun pun begitu, saya ingin bertanya kepada kerajaan, yang pertama, apa jadi dengan kerajaan elektronik? Apabila kita dibentangkan projek MSC ini, *it's a touch of a button, everything will just go smoothly*. Satu *touch* sahaja semua jadi. Jadi saya hendak tanya apa jadi dengan kerajaan elektronik. Dengan bantuan teknologi maklumat kenapa- saya hendak sebut sekali, kenapa saiz kerajaan makin berkembang hingga akan terdapat RM1.2 juta kakitangan. Seterusnya, kenapa tidak semua portal kerajaan tidak diberikan melalui pembidaan terbuka. Banyak yang *direct nego*.

Kemudian untuk kad bestari atau MyKad. Kerajaan menggariskan beberapa penggunaan. Di antaranya ia bertindak sebagai IC/kad pengenalan, lesen memandu, pasport antarabangsa, e-tunai, rekod dan maklumat kesihatan, identifikasi dalam infrastruktur awam utama dan *Touch'nGo*. Nampaknya rakyat kini menggunakan MyKad sebagai IC biasa sahaja. Kualiti kad juga rendah dan mudah rosak. Kalau kita letak dalam *purse* lebih dari tiga tahun dan tidak dipegang kad itu, apabila kita cabut dia akan menjadi sagon, orang Kedah kata sagon, reput. Berjuta-juta ringgit dibelanjakan tanpa penggunaan yang meluas. Soalannya apa yang jadi kepada aplikasi yang telah diuar-uarkan?

Di samping itu apa pula yang telah terjadi kepada sekolah bestari? Mungkin ramai yang sudah lupa. Soalan saya, berapa buah yang mendapat status ini dan di manakah letaknya sekolah bestari ini?

Bagaimana pula dengan tele-perubatan. *At one time* dahulu kita sibuk dengan tele-perubatan. Saya hendak tanya sejauh mana ianya telah dilaksanakan dan apa jadi pula dengan kelompok R&D, e-dagang dan pembangunan *techno* usahawan. Ke mana mereka ini?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak beralih ke kawasan saya Tuan Yang di-Pertua. Ada sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan lama dahulu semasa mantan Perdana Menteri bukan yang ini, yang lama, untuk menyelia jalan-jalan Persekutuan. Mana-mana jalan yang rosak sebuah syarikat nama dia Belati Wangsa akan *maintain*. Yang saya pelik, JKR boleh buat jalan pada waktu itu, JKR boleh buat segala tetapi JKR tidak mampu hendak *maintain*. Maka, kerajaan telah lantik sebuah syarikat nama dia Belati Wangsa. Dia bukan sahaja jaga di Sungai Petani Tuan Yang di-Pertua, dia jaga daripada Utara Perak sampai ke Perlis, jadi hendak *maintain* jalan. Akan tetapi *performance* Belati Wangsa ini saya mintalah kerajaan tengok. Tidak mungkin JKR kalau pandai buat jalan, hebat buat jalan, ada peruntukan tetapi kalau hendak *maintain* kena kontrak pada orang lain. Jadi sudah tentulah tidak masuk akal. Jadi saya minta untuk dilihat balik peranan Belati Wangsa dan saya minta kalau boleh *review* semula kontrak mereka dan apakah fungsi mereka sedangkan kerajaan pun telah membesarkan institusi-institusi seperti JKR ini.

Sebagai penamat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin katakan, kerajaan datang dan kerajaan pergi, namun rakyat akan sentiasa menjadi hakim dan pengundi. Jadi berwaspadalah bukan sahaja di belah sana tetapi di belah sini, kalau kita tidak jaga diri tidak tahu apa hendak jadi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih dan saya mohon agar kerajaan memberikan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau.

3.48 ptg.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Saya bangun untuk juga menyokong ucapan pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lalu. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan pelajar-pelajar Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Rahimah, Sungai Mangi. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Petani banyak juga memberikan cadangan yang membina di dalam ucapan perbahasan tadi, yang pertamanya menyentuh mengenai kemudahan-kemudahan di Parlimen termasuk khususnya di dalam Dewan Rakyat, elaun-elaun dan sara diri bagi Ahli-ahli Parlimen. Itu memang telah lama kita perjuangkan dan kita berharap sasaran 6% atau 7% pertumbuhan ekonomi negara akan tercapai dan hasrat kita untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi akan menjadi kenyataan.

Satu perkara yang mungkin Yang Berhormat Sungai Petani lupa selain daripada diri kita sebagai wakil rakyat, kita ada pemandu dan kita ada pembantu. *Driver* atau pemandu ini kadang-kadang berlepak, berteduh di bawah pokok, tidak ada tempat untuk mendapatkan kerehatan yang cukup.

■1550

Pemandu ini juga boleh menentukan kadang-kadang keselesaan atau keyakinan kita dari segi keselamatan pergi dan balik atau ke mana-mana sahaja. Apabila kemudahan-kemudahan bagi pemandu atau pembantu kita ini dapat disediakan, saya percaya keyakinan dan keselamatan kita lebih terjamin. Saya mencadangkan ucapan Yang Berhormat Sungai Petani tadi ditambah dengan kemudahan-kemudahan bagi pemandu dan juga pembantu.

Ada juga perkara yang saya tidak bersetuju dengan ucapan perbahasan Yang Berhormat Sungai Petani iaitu tentang mengatakan bahawa walaupun indeks jenayah di dalam negara kita kadarnya menurun tetapi dari segi keyakinan kepada Polis Diraja Malaysia itu tetap juga menurun atau mudah cakap kita masih lagi tidak yakin kepada kecekapan dan ketelusan pihak Polis Diraja Malaysia. Beberapa contoh yang telah disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani tentang kes tembak seorang pemuda di Shah Alam – mengatakan bahawa polis kata tidak mengapa. Akan tetapi kita perlu tahu bahawa polis tersebut telah dituduh dan...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Shah Alam, sabarlah. Baru mukadimah. Yang Berhormat Sungai Petani pun tidak ada respons. Tunggulah dahulu. Beri Yang Berhormat Sungai Petani dahulu. Memang kalau pihak polis mendapati atau telah menjalankan siasatan dan telah mendapati ada kes dan kes ini telah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara dan Pejabat Peguam Negara akan membuat dan mengarahkan ada tuduhan dan pihak polis yang telah dituduh menembak beliau tersebut telah dihadapkan ke mahkamah. Kita yakinlah bahawa apabila ada sesuatu kes jenayah, kita cukup yakin polis tidak akan berdiam diri.

Begitu juga dengan fakta mengatakan kita membuat tuduhan. Saya fikir tidak berilah. Berapa minit diberi ini? Setengah jam atau satu jam?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Setengah jam Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Setengah jam. Ada fakta Yang Berhormat Sungai Petani sebut kita tidak membuat tuduhan kepada bekas Timbalan Perdana Menteri atau Yang Berhormat Permatang Pauh ketika Yang Berhormat Permatang Pauh berada di dalam kerajaan. Akan tetapi bekas Perdana Menteri atau mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mulanya tidak yakin tetapi setelah berulang-ulang kali diberitahu, akhirnya ada keyakinan dan ada sebab munasabah yang boleh mengaitkan kes Yang Berhormat Permatang Pauh. Kes yang pertama Yang Berhormat Permatang Pauh adalah ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri iaitu dalam Kerajaan Barisan Nasional. Ini fakta.

Kita cukup yakin negara kita aman dan tenteram kerana kebolehan Polis Diraja Malaysia atau polis yang menjaga keselamatan di dalam negara kita. Kita juga yakin dengan keselamatan apabila angkatan tentera juga bersama menjalankan tugas dengan tanggungjawab dan juga agensi-agensi keselamatan yang lain. Yakinlah bahawa pihak kerajaan tidak akan menyembunyikan atau bersikap *double standard* jika ada berlaku kes-kes jenayah sama ada yang melibatkan pihak Barisan Nasional atau pihak pembangkang.

Hari ini pelajar-pelajar kita dari Sekolah Menengah Agama Tinggi Tengku Ampuan Rahimah, Sungai Manggis datang. Di dalam bajet yang telah dibentangkan, banyak perkara khususnya mengenai kemudahan-kemudahan bagi

sekolah-sekolah termasuk juga sekolah menengah agama sama ada sekolah menengah agama ini diusahakan atau dijalankan oleh pihak Kerajaan Persekutuan atau pihak kerajaan negeri, malah sekolah agama swasta juga diberikan peruntukan bagi membela sekolah-sekolah agama ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sebentar ya. Selain daripada sekolah agama...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sudah tukar tajuk lain.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kuala Krau, beri saya laluan.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Hah! Beri Yang Berhormat Lenggonglah dahulu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini kerana Tuan Yang di-Pertua tidak panggil saya tadi. Minta juga. Apabila Yang Berhormat Kuala Krau sebut mengenai bagaimana banyaknya Kerajaan Persekutuan membelanjakan sebahagian daripada belanjawan tahun akan datang untuk pendidikan agama sama ada menambahkan bantuan per kapitanya ataupun menambahkan gaji gurunya, ini adalah tanda bahawa Kerajaan Barisan Nasional walaupun tidak ada dalam janjinya sebelum ini tetapi tetap menunaikan tanggungjawab untuk memastikan pendidikan agama ini benar-benar diberi perhatian oleh Kerajaan Barisan Nasional. Akan tetapi saya mahu tanya pendapat Yang Berhormat Kuala Krau, Kerajaan negeri Kelantan ada, Pakatan Rakyat perintah di Selangor duit pun banyak – dan di Kedah – ada atau tidak mereka buat dan berikan tumpuan kepada perkara ini?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Itulah, apabila Yang Berhormat Lenggong mencelah dan bertanya mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan peruntukan tambahan untuk meninggi dan menambahbaikkan sekolah-sekolah agama di dalam negara kita, tersenyum lebar pelajar-pelajar sekolah menengah agama di belakang kita.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak, berapa...
Apa?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak adalah. Saya bercakap dari segi fakta yang telah disebut di dalam bajet.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Itu telah disebut di dalam bajet bahawa Kerajaan Persekutuan...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Minta laluan.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Akan menambah baik semua sekolah agama di dalam negara kita.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang tarik balik bantuan dahulu itu siapa?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kerajaan Persekutuan tidak kata kita tidak akan menambah baik...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang tarik balik bantuan per kapita dahulu siapa?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sekolah-sekolah agama di negeri Kelantan. Kita tidak sebut. Disebut sekolah agama di seluruh negara termasuk Kelantan, Selangor. Yang mahu keluar ke PKR.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Kuala Krau, boleh?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kuala Krau, beri laluan pada Yang Berhormat Shah Alam lah.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Padang Serai sahabat saya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Biar penuntut sekolah agama rakyat lihat. Jangan sampai mereka fikir Yang Berhormat Kuala Krau takut dengan Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Padang Serai, saya beri laluan sebab dia sahabat saya yang mahu keluar daripada PKR. Hah! Sila. PKR, saya beri laluan.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dia beri pada Shah Alam.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia beri pada Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dia beri laluan pada Shah Alam.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Padang Serai, saya beri laluan pada *you*.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dia wakilkan pada Shah Alam.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak, saya punya *floor*.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya wakilkan Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ia tidak boleh wakilkan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Biar penuntut menilai Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Wakil pada Yang Berhormat Gombak bolehlah, Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Nampaknya Yang Berhormat Padang Serai ini sudah nampak goyah...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Mahu tanya Yang Berhormat Kuala Krau. Boleh atau tidak?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Apabila calon Timbalan PKR tidak memihak kepada Yang Berhormat Padang Serai...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Siapa yang mula-mula...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Dan ada ugutan hendak keluar daripada PKR.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tarik bantuan per kapita daripada sekolah agama rakyat. Sila jawab.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kalau...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ambil laluan yang diberikan Yang Berhormat Kuala Krau.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Nampaknya Kerajaan BN kena belajar daripada Kerajaan PR.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kuala Krau, saya ambil laluan.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Hah! Sila.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kuala Krau...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Di sana sudah sokong Yang Berhormat Gombak kah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kuala Krau...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sudah sokong Yang Berhormat Gombak kah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya ini dari negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat. Banyak Yang Berhormat Kuala Krau sebut tadi. Akan tetapi siapa yang padam bantuan kepada rakyat dahulu? Siapa yang padam?

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sekolah agama rakyat yang penuntut ada di sini. Yang Berhormat Kuala Krau sebut siapa yang padam dan tahan?

■1600

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya ini Ahli Parlimen Hindu. Saya menyokong supaya sekolah agama rakyat diberi bantuan. Akan tetapi, Kerajaan Barisan Nasional tahan, tarik dan tolak kepada tempat lain. Jawab ini penuntut tengok ini.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini fakta yang tidak betul... Ini fakta tidak betul.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Apabila dia sebut di dalam bajet apabila hendak dibentangkan dan hendak diluluskan, hendak dibahas, tuduh lagi kerajaan lagi Barisan Nasional tidak hendak bagi bantuan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Apa Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya tengok dalam *website* Parlimen tentang bajet. Bagaimana telusnya bagaimana Kerajaan Barisan Nasional...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kuala Krau, jangan tipu! Jangan tipu!

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Dibina sekolah agama rakyat untuk negara termasuklah juga...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya telah melihat kezaliman yang telah dilakukan bukan sahaja kepada sekolah agama rakyat di mana banyak bantuan ditarik, bantuan dizalimi sekolah-sekolah agama rakyat di negara ini.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bukan setakat itu, saya melihat banyak lagi kezaliman yang dilakukan kepada sekolah-sekolah agama rakyat khususnya di Kelantan dan di negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat. Banyak! Jadi jawab depan penuntut-penuntut yang hari ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah, sudah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang membela negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jawab depan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Krau tolong duduk, Yang Berhormat Kuala Krau.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau kita hendak menunjukkan keperibadian, tunjuklah baik-baik Yang Berhormat. Pada saya dalam Dewan ini, kita patutnya semua orang budiman. Perangai buruk, buruklah yang kita tunjuk kepada orang siapa kita sebenarnya. Yang Berhormat Kuala Krau, sila.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi nasihat kepada semua wakil rakyat khususnya kepada Yang Berhormat Padang Serai.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:

Ya, kalau Yang Berhormat Kuala Krau tidak hendak bagi, bagi tahu tidak hendak bagi.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya lepas ini tidak bagi. Selepas ini tidak bagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya hendak sambung mengenai bajet yang diberikan fokus kepada sekolah agama rakyat termasuk juga guru-guru KAFA. Saya mohon apabila guru-guru KAFA ini diberikan kenaikan elaun, bertugas, berkhidmatlah secara jujur. Jangan menggunakan platform atau jawatan guru KAFA ini untuk mempengaruhi rakyat supaya memberikan sokongan kepada parti pembangkang.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Bertugaslah dengan seadil-adilnya dan begitu juga dengan langkah kerajaan Kementerian Pelajaran satu masa dahulu mewujudkan j-QAF. Ada di kalangan guru-guru j-QAF ini juga memainkan peranan yang sama bertindak menghasut guru-guru lain, ibu bapa dan pelajar-pelajar di dalam negara kita. Tidak seperti Yang Berhormat Baling, terima kasih Yang Berhormat Baling. Dalam ucapan saya juga saya sokong sebagaimana Yang Berhormat Maran kata sokong Yang Berhormat Baling.

Ini bekas Iman Besar Masjid Negara saya tabiklah. Mempertahankan dan hendak menaikkan kesucian agama Islam kita termasuk juga pegawai-pegawai kita. Nampak sangatnya kita berlumba-lumba untuk memberi kemudahan-kemudahan dan juga jawatan-jawatan yang besar kepada jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Akan tetapi, apabila disebut Jabatan Kemajuan Islam, JAKIM kita ada Ketua Pengarah yang disebut oleh Yang Berhormat Baling seorang sahaja Ketua Pengarah di dalam negara kita.

Akan tetapi, apakah taraf perjawatannya? Adakah JUSA C, JUSA B mahupun JUSA A? Begitu juga keadaan-keadaan jabatan-jabatan agama di negeri-negeri. Walaupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri mungkin menjawab itu adalah kuasa negeri-negeri. Apalah salahnya sampai masanya Kerajaan Persekutuan untuk menaik taraf semua kemudahan di jabatan agama negeri-negeri termasuk juga kemudahan di pejabat agama daerah-daerah dan juga di Mahkamah-mahkamah Syariah.

Perbezaan cukup ketara. Kemudahan di Mahkamah Sivil kalau dibandingkan dengan kemudahan di Mahkamah Syariah di negeri-negeri. Perbezaan cukup ketara. Perjawatan dan tangga gaji – kakitangan kerajaan di jabatan yang lain berbanding kalau kita bandingkan dengan jabatan-jabatan agama di negeri-negeri terutama Hakim Mahkamah Syariah, kemudahan dan sebagainya. Saya menyeru dan memohon supaya sempena dengan bajet ini yang memberikan fokus untuk menaik taraf dan kemudahan-kemudahan di sekolah agama rakyat dan sekolah agama yang lain, jangan lupa juga jabatan-jabatan agama di negeri-negeri yang memang sudah lama tercicir berbanding dengan jabatan kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang FELDA yang banyak disentuh oleh rakan-rakan di dalam parti pembangkang dan juga Barisan

Nasional. Di dalam Bajet 2011, kerajaan terus mengharapkan industri minyak sawit dan produk berkaitan sebagai hasil eksport negara yang utama. Pada masa kini hasil eksport berjumlah RM37 bilion manakala produk berasaskan minyak sawit mencecah RM13 bilion pada tahun 2009.

Ini menunjukkan industri minyak sawit masih lagi menjadi teras utama komuniti negara. Sebahagian besar yang bertanggungjawab dalam memastikan industri minyak sawit kita kukuh adalah wujudnya Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau FELDA yang ditubuhkan pada 1 Julai 1956. Ini pandangan jauh, wawasan yang jauh daripada pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu yang mewujudkan skim FELDA. Dia boleh – hasil sawit ini boleh memberikan hasil utama memastikan ekonomi negara kita terjamin di samping minyak petrol dan diesel yang kita perolehi di dalam negara kita.

Fungsi FELDA adalah menjalankan dan melaksanakan projek pembangunan tanah. Memaju, memudah dan melaksanakan pembangunan, pengurusan dan perkhidmatan ekonomi, sosial, pertanian, penempatan, perindustrian dan komersial serta aktiviti sampingan yang lain. Banyak isu yang telah disebut mengenai FELDA walaupun telah beberapa kali di dalam perjumpaan-perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin seluruh rancangan di FELDA di dalam negara kita sama ada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam meraikan atau melancarkan 50 pembaharuan dan penambahbaikan FELDA dalam masa empat tahun 2004-2008 atau di dalam majlis-majlis yang lain yang berkaitan melancarkan dasar-dasar berkaitan dengan FELDA.

Namun begitu nampaknya masih lagi timbul beberapa isu yang juga berlaku di dalam kawasan saya di Parlimen Kuala Krau, di mana 14 rancangan FELDA ada di dalam kawasan saya. Ada peneroka yang masih ingin bersama dengan FELDA dan ramai juga peneroka FELDA yang bertindak menarik diri daripada skim FELDA ini. Tidak mahu terlibat dengan pengurusan FELDA.

■1610

Keadaan ini bertambah atau meningkat bilangan peneroka-peneroka FELDA untuk bertindak keluar daripada skim FELDA apabila hasil sawit harganya meningkat. Apabila harga sawit menurun, nampaknya peneroka secara beramai-ramai pula ingin menyerahkan pengurusan ladang ini kepada FELDA.

Namun begitu, isu-isu yang berkaitan dengan harga sawit atau tandan sawit ini mengikut tan atau dari segi *grading* masih lagi menjadi isu utama kepada peneroka. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan jawapan kita mempunyai skim yang baik, yang dilaksanakan oleh pengurusan FELDA yang ditapis oleh *tenure plant* dari segi perladangan, yang diberi *grading* secara cekap oleh kilang-kilang sawit FELDA.

Akan tetapi, turunlah ke kawasan FELDA di rancangan-rancangan seluruh negara. Kadang-kadang perkara ini masih lagi menjadi masalah yang ditimbulkan oleh peneroka FELDA itu sendiri. Contohnya, apabila peneroka ini tidak bersama dengan FELDA, ia menjual hasil sawit atau tandan sawit, buah sawit ini ke kilang FELDA sendiri. Peneroka sendiri dan terus jual di kilang FELDA. Dari segi berat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya. Gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Mengikut pusingan adalah berbeza. Dari segi *grading* juga adalah berbeza dengan peneroka-peneroka yang masih lagi bersama dengan FELDA. Ini harus dibuat semakan,

siasatan yang menyeluruh kenapa wujudnya perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya tentang FELDA ini, saya minta kalau kerajaan memberikan kenaikan elaun kepada Ketua Kampung, Tok Batin, Ketua Kampung Baru, Kampung Bagan dan sebagainya termasuk elaun kehadiran mesyuarat. Kalau di kampung tradisional, mungkin kita ada 10 orang pengundi atau penduduk atau 200. Akan tetapi, di satu rancangan FELDA, ia lebih daripada 1,000 orang atau 2,000 orang penduduk.

Jadi saya mencadangkan sejajar dengan kenaikan elaun Ketua Kampung, elaun Timbalan Pengerusi JKKR yang bertaraf Ketua Kampung juga mesti dinaikkan. Sekarang ini mereka memperoleh RM2,000 setahun, tidak sampai RM200 sebulan, elaun kehadiran mesyuarat RM30. Saya juga mencadangkan sejajar dengan kenaikan Ketua Kampung, kenaikan yang sama diberikan kepada Timbalan Pengerusi JKKR kepada ahli JKKR ketika menghadiri mesyuarat. Dengan itu, saya menyokong pembentangan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya belum dengar wanita lagi bercakap. Silakan Yang Berhormat Bukit Mertajam.

4.14 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sungguh tertarik hati dengan satu ungkapan dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat yang berbunyi, "*Pucuk pangkalnya kejayaan menuntut kepada perubahan dan pembaharuan. Ia tidak boleh lagi berdikit-dikit tetapi mendamba lonjakan mega.*" Ternyata apa yang dihadapkan kepada kita amat jelas. Perubahan bukan lagi satu *options*, ia satu *imperative*, berubah atau kita akan ketinggalan.

Saya bersetuju dengan perubahan bukan lagi satu pilihan. Ia satu hakikat sama ada kita berubah atau kita akan ketinggalan. Sayangnya, perubahan yang dilaungkan dalam ucapan Yang Amat Berhormat hanya memberi pendekatan terhadap aspek ekonomi semata-mata dan matlamatnya ialah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi. Dalam retorik pembangunan ini, golongan yang pada masa kini sudah pun ketinggalan, tidak mendapat sebarang fokus.

Tuan Yang di-Pertua, golongan yang saya maksudkan ialah kaum wanita dan juga OKU, anak-anak kita di kampung dan pedalaman dan Orang Asli dan kaum Peribumi. Saya sedar bahawa Yang Berhormat telah memberikan lebih ruang kepada penyertaan kaum wanita dalam ekonomi, dalam ucapan bajet beliau. Saya menghargai pengiktirafan kerajaan terhadap peranan penting wanita dalam pembangunan negara dan berhasrat untuk memperluaskan lagi penglibatan wanita dalam ekonomi.

Namun, saya berasa kesal. Kerajaan langsung tidak sebut tentang langkah untuk merapatkan jurang gender dalam politik dan sektor pembuat keputusan. Kedudukan Malaysia dalam indeks jurang gender global - *global gender index* telah jatuh dari 92 pada tahun 2007 kepada 96 pada tahun 2008. Seterusnya menjunam kepada 101 pada tahun 2010. Jurang gender dalam sub-indeksnya iaitu keupayaan politik dan ekonomi kekal tinggi pada 0.57 pada tahun

2007. *Scale* jurang gender ialah sifar hingga satu di mana sifar menunjukkan tiada jurang gender.

Justeru, walaupun saya mengalu-alukan usaha kerajaan dalam memperuntukkan RM30 juta untuk meningkatkan peranan wanita sebagai usahawan. Saya kesal dengan ketiadaan tindakan untuk mengatasi isu jurang gender yang besar dalam sektor politik. Selepas 53 tahun merdeka, peratus Ahli Parlimen wanita kekal sekitar 10%. Dalam Kabinet pula, bilangan Menteri wanita tidak pernah melebihi tiga orang dalam satu masa. Bilangan ADUN wanita tidak pernah lebih daripada 10% dengan 4.8% pada tahun 1999 dan 8% pada tahun 2008.

Dalam perkhidmatan awam, walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa bilangan wanita dalam jawatan utama sektor awam bertambah mencapai 30.5%, tetapi bagaimana pula dengan peringkat tertinggi JUSA seperti JUSA B, JUSA A dan seterusnya? Hari ini saya lihat di dalam surat khabar bahawa Ketua Wanita UMNO iaitu Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa wanita UMNO tekad ke jawatan tinggi parti. Sekiranya hendak memegang jawatan seperti *Chief Minister*, Menteri Besar ataupun Ketua Menteri, yang wanita itu harus terlebih dahulu menjadi pengerusi ataupun ketua parti di dalam partinya. Kalau tidak, ia tidak dapat menjawat jawatan yang tinggi seperti Ketua Menteri ataupun Perdana Menteri. Perdana Menteri selalunya datang daripada Presiden UMNO. Sekiranya wanita hendak menjadi Perdana Menteri, *she has to become a President of UMNO first*.

Akan tetapi dalam struktur sekarang, wanita UMNO hanya boleh menjadi presiden wanita sahaja, yang paling tinggi pun hanya ia dilantik sebagai naib presiden sahaja. Tidak ada wanita di dalam UMNO yang bertanding untuk mendapat naib presiden lagi walaupun ia sudah berlaku di dalam MCA. *As long as a* wanita tidak dapat bertanding jawatan yang paling tinggi di dalam partinya, ia tidak dapat menjadi jawatan yang tertinggi di dalam kerajaan.

Malaysia telah meratifikasikan CEDAW iaitu *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* dan *Beijing Platform for Actions* pada tahun 1995.

■1620

Justeru kerajaan mempunyai kewajipan terhadap dokumen antarabangsa ini untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% wanita pada peringkat pembuat keputusan. Pada tahun 2000, Malaysia juga telah menyertai masyarakat global untuk mencapai *Millennium Development Goals* menjelang 2015.

Matlamat ketiga dalam NDG ini ialah untuk mempromosikan kesaksamaan gender dan mengupayakan wanita. Dua instrumen penting yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mencapai 30% wanita pada peringkat pembuat keputusan ialah penerus pengarusutamaan ataupun *gender mainstreaming* dan bajet responsif gender ataupun *gender responsive budget*. Akan tetapi malangnya, agenda-agenda ini langsung tidak mendapat liputan dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Oleh sebab itu, saya meragui kejujuran kerajaan Barisan Nasional yang kononnya prihatin kepada kedudukan wanita dalam kemajuan negara. Dalam program transformasi yang diuar-uarkan, di manakah perubahan sikap dan tindakan untuk mencapai kesamarataan gender dan sekurang-kurangnya 30% wanita sebagai pembuat keputusan. Wanita sudah 53 tahun tertinggal di belakang. Janganlah kerajaan Barisan Nasional terus bertindak tidak adil dan menzalimi separuh daripada rakyat Malaysia. Saya menegaskan agar kerajaan segera

melaksanakan langkah-langkah untuk mengarusperdanakan gender dengan menerima pakai amalan-amalan yang baik di dunia termasuk mengubah sistem pilihan raya seperti mana yang dilaksanakan oleh Indonesia dan juga gender kuota yang telah terbukti berkesan di Australia, Afrika Selatan, England dan Taiwan dan banyak negara yang lain.

Tema ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah '*Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi*'. Adakah program ini akan memberikan manfaat kepada kaum wanita dan orang kurang upaya secara sama rata. Pada hakikatnya, hanya mereka yang bekerja akan mendapat gaji. Ramai OKU tidak dapat kerja. Lebih kurang 50% wanita bekerja di rumah dan tidak menerima gaji dan kepada golongan ini, pendapatan tinggi sebenarnya tidak membawa makna yang besar. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan mempunyai pelan tindakan untuk meningkatkan peluang pekerjaan bagi OKU. Saya tidak nampak di dalam ucapan bajet ini. Apakah pula transformasi kepada mereka? Begitu juga apakah *quantum leap* yang agaknya akan berlaku kepada wanita yang memberikan sumbangan seumur hidup kepada keluarga dan rumah tangga. Sebelum kerajaan memberikan lebih banyak janji kosong yang retorik tranformasi, biarlah saya memberikan satu cadangan yang lebih praktikal dan tidak drastik iaitu mewujudkan undang-undang untuk menjaga kebajikan golongan suri rumah tangga melalui caruman EPF dan SOCSO. Persoalannya bolehkah Barisan Nasional mengambil langkah ini?

Kadar penyertaan guru wanita *female labor participation rate* langsung tidak berubah dalam tempoh 20 tahun ini pada kadar 46%. Apakah loncatan mega yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk menghasilkan perubahan besar untuk meningkatkan kadar penyertaan buruh wanita. Satu laporan oleh OECD pada tahun 2007, menunjukkan bahawa pengupayaan wanita dan pencapaian kesaksamaan gender mempunyai kesan positif ke atas ekonomi. Oleh itu, saya harap kita dalam proses transformasi ke arah negara maju berpendapatan tinggi ini, jangan lupa membawa bersama golongan OKU dan wanita. Saya pohon kerajaan Barisan Nasional memberitahu Dewan yang mulia ini apakah program konkrit untuk mencapai sasaran 55% kadar penyertaan buruh wanita menjelang tahun 2015 untuk meyakinkan kami bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak terus membelakangi wanita.

Infrastruktur dan kemudahan di sekolah tidak kira apa jua aliran harus di dipertingkatkan. Tidak harus terjadi pada zaman ini - masih ada sekolah tanpa bekalan air paip dan elektrik. Bayaran bekalan air dan elektrik semua sekolah termasuk SRJK(C) dan SRJK(T) seharusnya dibiayai oleh pihak kerajaan. Kemudian, dari segi pembinaan dan pembangunan, kerajaan tidak seharusnya menjadikan pendidikan SRJK(C) dan SRJK(T) sebagai satu mainan politik untuk diperalatkan semasa pilihan raya. Pembinaan termasuk SRJK(C) dan SRJK(T) harus benar-benar mengikut keperluan masyarakat setempat dan bukan sekadar keperluan politik meraih undi. Kerajaan sebagai penyedia perkhidmatan pendidikan mestilah menanggung kos pembinaan serta pembangunan tanpa menolak tanggungjawab tersebut kepada pelajar dan ibu bapa untuk mengumpul dana.

Berkenaan dengan pembinaan, saya juga ingin menyentuh kes baru-baru ini yang mana bangunan kelas di SK Gunung, Alor Setar telah runtuh semasa pelajaran sedang berlangsung sehingga menyebabkan kecederaan kepada seorang guru dan sepuluh orang pelajar dengan seorang pelajar Tahun Empat yang patah kakinya. Apakah tindakan yang telah diambil setakat dalam kes SK Gunung? Dilaporkan bahawa bangunan tersebut baru sahaja diperbaiki. Mengapakah runtuh dalam masa yang singkat? Ini bukanlah kali pertama

bangunan awam runtuh dan bocor. Adakah kerajaan mengkaji semula prestasi kontraktor yang terlibat termasuk menyenaraihitamkan kontraktor-kontraktor ini? Kita pun pernah berlaku kejadian guru terjatuh kerana *first floor* papannya dimakan anai-anai sehingga guru itu mati. Saya rasa kerajaan Barisan Nasional tidak mengambil iktibar daripada kejadian-kejadian seperti ini.

Kerajaan akan menubuhkan Talent Corporations untuk menarik kembali bakat Malaysia terutamanya yang ada di luar negara. Walaupun langkah ini disambut baik, namun Talent Corporations tidak akan berjaya sekiranya dasar tidak adil kerajaan Barisan Nasional kepada golongan tertentu tidak dirombak. Apa yang perlu dilakukan bukan mencapai ke luar negara terlebih dahulu tetapi untuk membuat perubahan di dalam negara. Ini termasuk menyediakan persekitaran yang kondusif untuk rakyat Malaysia mencapai kejayaan tidak kira apa jua kaum dan agama. Ini termasuklah kesaksamaan peluang untuk masuk ke universiti. Di dalam pengagihan biasiswa, peruntukan saksama kepada semua jenis sekolah, wujudkan persekitaran untuk peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Saya sarankan kerajaan supaya berusaha kekalkan bakat yang ada dalam negara pada masa kini terlebih dahulu daripada mengejar impian di luar.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dengan keperluan tindakan susulan selain daripada Talent Corporations untuk menarik semula warga Malaysia yang cerdik pandai kembali ke Malaysia untuk menyumbang kepada negara.

Jadi Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat menyedari bahawa ada satu laporan dalam media menyatakan - sebahagian ucapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung hari ini yang menyatakan dengan izin, "*We must defend Putrajaya at all cost even if our body crush and our life lost brothers and sisters. Whatever happens, we must defend Putrajaya*". Dengan mesej yang sedemikian, jika benar betul serta tepat laporan ini, apakah mesej yang akan disampaikan kepada warganegara Malaysia yang berada di luar negara dan kepada pelabur-pelabur ke negara ini? Saya pohon penjelasan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa bahawa ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan UMNO Barisan Nasional ini terlalu emosi – bukan emosi, terlalu mementingkan kepentingan diri sendiri, UMNO dan Barisan Nasional.

■1630

Dia tidak hirau negara ini akan hancur, dia hendak kuasa sahaja. Saya rasa ini bukan satu kerajaan yang baik, satu parti yang bertanggungjawab. Jadi saya rasa tidak hairan kalau rakyat tidak mahu mereka pada pilihan raya yang akan datang. Dalam hal ini saya juga menyeru supaya kerajaan memberi pengiktirafan kepada Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) dan memberi peruntukan kepada sekolah vernakular Cina persendirian, kolej-kolej tanpa untung yang kini dibiayai melalui derma orang ramai seperti Kolej Han Chiang, New Era College dan Southern College. Dengan cara ini kita mengasah bakat tempatan yang sedia ada.

Kerajaan juga patut memberi pengiktirafan untuk sijil-sijil bagi pelajar-pelajar lulusan universiti di China, Taiwan, Hong Kong, India dan Rusia untuk

meluaskan lagi pilihan bakat rakyat Malaysia. Lebih baik lagi kita memperluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dengan menjemput universiti terkemuka dunia untuk membuka kampus dan cawangan di negara kita. Dengan ini pelajar yang tidak mampu untuk ke luar negeri akan menikmati peluang universiti bertaraf dunia di Malaysia.

Kerajaan memperuntukkan RM111 juta untuk program PERMATA tetapi hanya RM100 juta kepada pelbagai program mengupayakan Orang Asli dan peribumi. Golongan ini iaitu Orang Asli merupakan golongan yang paling ketinggalan dalam agenda pembangunan kerajaan. Oleh sebab itu patut diberikan lebih banyak peruntukkan terutama untuk mengatasi masalah *malnutrition* dan keciciran daripada sekolah tinggi. Saya menyambut baik pengiktirafan kerajaan terhadap peranan NGO dalam mengatasi masalah sosial. Peruntukkan RM70 juta yang dikemukakan mestilah disalurkan secara telus kepada NGO yang sememangnya mempunyai rekod pencapaian cemerlang dan bukan sekadar mengedarkan wang kepada sebarang persatuan sewenang-wenangnya.

Masalah sosial juga tidak mengenai ideologi-ideologi politik, agama dan kaum. Justeru wang diperuntukkan mestilah diguna untuk program *bipartisan* dan menjangkau politik. Peruntukan RM70 juta ini dicadangkan untuk menangani gejala sosial seperti buang bayi, mat rempit dan gengsterisme. Dengan ini kita sedang merawat simptom masalah sosial. Lebih baik lagi kalau kita amalkan *prevention is better than cure*. Kerajaan patut menyalurkan dana untuk mewujudkan sistem sokongan untuk keluarga seperti pusat jagaan kanak-kanak, pusat bantuan keluarga dalam krisis dan memperbanyakkan pekerja sosial yang berkelayakan.

Kerajaan juga patut mengambil berat jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Jenayah seksual meningkat 100% antara tahun 2005 dan 2009, dari 2,427 kes kepada 4,238 kes. Hampir separuh daripada kes ini melibatkan kanak-kanak di bawah 16 tahun. Dalam isu ini ialah lebih baik daripada rawat. Anak-anak perlu diajar untuk membezakan apa itu sentuhan yang baik, apakah itu sentuhan yang tidak patut dan bagaimana untuk menolak sentuhan yang tidak patut itu. Tidak kira datang dari ahli keluarga sendiri ataupun orang yang tidak dikenali. Begitu juga mereka patut diajar untuk melaporkan perbuatan yang tidak senonoh ke atas mereka dan lebih banyak kemudahan patut disediakan untuk membantu mangsa dan keluarga mereka mengatasi trauma jenayah seksual ini.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan yang dikatakan *quantum leap* ini bukan sahaja ekonomi, saya rasa yang penting ialah kita mesti juga mengadakan perubahan dalam sektor sosial. Walaupun banyak pembangunan telah berlaku tetapi kita tidak memberi kepentingan kepada pembangunan sosial. Kita hanya mementingkan *human capital*, yang dia akan menjadi pekerja tetapi kita tidak mementingkan insan dan juma masyarakat, kanak-kanak dan anak-anak kita.

Saya rasa bukan hanya industri ataupun ekonomi memerlukan R&D. Pembangunan sosial juga memerlukan R&D. Akan tetapi pada waktu sekarang selalu yang diadakan ialah susah hendak mendapat data-data atau statistik. Sampai hari ini saya rasa banyak agensi masih tidak dapat membezakan data seperti berapa wanita yang tidak dapat kerja atau menganggur. Juga di dalam semua pejabat sama ada semua data telah *desegregate* iaitu ia mesti ada gender wanita dan lelaki, umpamanya kita memberi wang yang banyak untuk latihan. Berapa orang yang dilatih itu adalah lelaki dan berapa yang dilatih itu adalah wanita? Masih sampai hari ini masih belum ada. Bukan semua agensi mempunyai data seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingin menjadi satu negara yang maju. Negara yang maju indeksinya bukan hanya ekonomi sahaja atau pendapatan sahaja tetapi juga kebebasan akbar, *press freedom* juga merupakan satu indeks untuk menunjukkan bahawa negara ini sudah maju. Baru-baru ini kita lihat bahawa *press* indeks kita telah terjatuh lagi ke satu paras yang paling rendah. Ia jatuh sampai dengan izin, "*Malaysia has plunged 10 notches to 141 out of 178 countries...*" *this is World Press Freedom Index*.

Saya rasa kita kalau hendak maju kita tidak boleh hanya maju ekonomi. Kita mesti maju dalam semua aspek, dalam aspek wanita juga dimajukan, diberi peluang untuk menjawat jawatan yang tinggi. Bilakah kita boleh? *When we can think that* wanita boleh menjadi Ketua Menteri ataupun Menteri Besar? Bila? Kalau wanita di dalam UMNO yang merupakan separuh daripada ahli UMNO dan masih tidak diberi kedudukan yang sepatutnya dan juga MCA, di mana ahli wanitanya pun merupakan lebih kurang 40%. Akan tetapi ahli yang diwakilkan dalam Dewan ini bukan selaras dengan *percentage* yang ada.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bukit Mertajam mencelah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Soalan wanita Yang Berhormat Lenggong.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey. *[Ketawa]*

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Saya bersetujulah dengan cadangan Yang Berhormat Bukit Mertajam supaya kita berusaha bersungguh-sungguh meletakkan wanita pada tahap yang cukup baik. Semalam pun Pergerakan Wanita UMNO bercakap dan ketuanya, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bercakap soal ini, mahu meletakkan wanita pada kedudukan yang baik. Akan tetapi saya hendak tanya pembangkang iaitu Pakatan Rakyat setakat mana perjuangannya?

Saya ambil contoh mudah, berebut hendak bertanding Timbalan Presiden PKR. Saya fikir kalau jawatan itu direbut, bayangkanlah kalau dapat apa hendak buat? Ini kerana presiden sendiri pun walaupun wanita, bukan ada kuasa apa-apa. Hanya ada jawatan, kuasanya ketua umum. Jadi Yang Berhormat Bukit Mertajam bercakap tentang perjuangan itu tetapi nampaknya di parti Yang Berhormat sendiri tidak melaksanakan sebagai sepatutnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam ada empat minit lagi Yang Berhormat ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey. Pandangan Yang Berhormat Lenggong betul juga. Saya tidak mahu *deny* apa yang hakikatnya yang betul. Di mana-mana ia berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Maknanya *society* kitalah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, *history* atau sejarahnya dan pembangunan masyarakat manusia, ia ada unsurnya di dalam itu.

■1640

Jadi yang penting ialah kita sedar bahawa ini tidak keseimbangan ini tidak baik untuk semua. Kita hanya tidak memakai cerdik pandai yang separuhnya. Wanita pun merupakan *human capital* kepada negara. Sekiranya ada lebih ramai

wanita yang bekerja, yang berjawat, yang berkelayakan, yang boleh menjawat jawatan yang tinggi. Jadi kita ada *base* yang lebih luas untuk memilih.

Jadi yang tidak... ini tidak tuduh sama menuduh. Saya hanya *to point up a reality*. Memang keadaan seperti ini. Saya ingin menyeru kerajaan Barisan Nasional kerana UMNO adalah satu parti yang ulung, yang lama di dalam negara ini. Ahli wanitanya ramai dan dia menjadi kerajaan. Saya menyambut baik bahawa untuk memperkukuhkan lagi peluang ibu atau bapa bekerja, memberi *flexi time*. Dia separuh masa dan juga memberikan *maternity leave* 90 hari kepada ibu, walaupun terhad kepada 300 hari.

Akan tetapi ini menunjukkan bahawa ataupun merupakan langkah-langkah yang boleh mengupayakan wanita untuk bekerja supaya mendapat gaji dan menjadi berdikari, supaya dia dapat membuat keputusan untuk diri sendiri. Akan tetapi yang lebih penting ialah, dua langkah yang penting ialah mengarusperdanakan gender iaitu dalam semua perbelanjaan, dalam semua keputusan dia mesti mengambil kira pandangan wanita dan juga keperluan lelaki dan wanita.

Ini supaya kita lihat memang pada waktu sekarang ada ketidakseimbangan mengapa ramai lelaki di hantar ke serenti dan bukan wanita. Ia ada sebabnya. Mengapa di dalam penjara lebih ramai lelaki dan bukan wanita? Ia ada sebabnya. Jadi kita harus mengkaji apa sebabnya. Kita menggalak supaya wanita mengambil bahagian dalam jurusan yang selalunya di *dominated* oleh lelaki seperti *engineering course*. Dahulu doktor pun ramai lelaki, akan tetapi sekarang doktor ramai wanita juga.

Jadi saya harap kerajaan Barisan Nasional boleh dengan segeranya menerima pakai *gender responsive budget*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, *gender responsive budget* dan betul-betul melaksanakan 30%, sekurang-kurangnya 30% pembuat keputusan itu terdiri dari kaum wanita. Akhir sekali, saya menyeru kerajaan memberi insentif cukai kepada majikan yang melaksanakan program *flexi time*. Pengecualian cukai yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri juga patut kepada 300 barangan. Juga patut merangkumi barangan kegunaan keluarga seperti tepung susu, susu bayi, mainan berunsur pendidikan dan peralatan terutama untuk kegunaan kanak-kanak kurang upaya seperti *down sindrom* dan autistik. Ini kerana barangan ini adalah sangat mahal dan semuanya diimport. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kita baru sampai ke 0.8% sahaja wanita berucap dalam Dewan iaitu dua orang daripada 43 orang yang berucap. Jadi saya lagi sekali menjemput wanitalah, Yang Berhormat Gelang Patah. Sila Yang Berhormat, jangan buang masa wanita itu.

4.44 ptg.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Ya, ya. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk mengambil bahagian membahas Bajet 2011 yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 15 Oktober yang lalu.

Perkara pertama saya ingin membangkit ialah mengenai masalah kekurangan hospital awam di Parlimen Gelang Patah. Tuan Yang di-Pertua, walaupun Gelang Patah masih dianggap sebagai sebuah pekan di Selatan Johor

Bahru, akan tetapi kini namanya semakin megah dan makin popular dengan pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar. Di antara tempat yang menjadi mercu tanda Gelang Patah ialah Jambatan Laluan Kedua Malaysia-Singapura dan Pelabuhan Tanjong Pelepas. Gelang Patah telah menjadi tumpuan penduduk tempatan serta penduduk Singapura dan ia juga menjadi salah satu tempat mencari rezeki bagi penduduk kawasan lain.

Malangnya infrastruktur dan kemudahan asas yang sedia ada, nampaknya adalah tidak seimbang dengan pembangunan Iskandar. Gelang Patah tiada hospital awam akan tetapi hanya ada poliklinik sahaja. Walaupun di sini terdapat sebuah hospital swasta iaitu Hospital Columbia Asia akan tetapi ianya adalah jauh daripada Kota Iskandar.

Mengikut statistik daripada pihak kerajaan tempatan, penduduk Parlimen Gelang Patah telah bertambah ramai sebanyak 200 ribu orang. Sebagai contohnya, SJK(C) Ming Terk telah membina lagi 24 buah bilik darjah, di mana satu bilik dapat memuatkan 40 orang pelajar untuk mengatasi dan menampung bilangan pelajar yang meningkat. Manakala dengan empat buah SJK(C) yang baru telah dipindah ke Parlimen Gelang Patah akan menambah lebih kurang 1,000 pelajar baru. Statistik adalah ketara menunjukkan bahawa penduduk Gelang Patah semakin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, poliklinik yang sedia ada hanya mempunyai dua orang doktor tanpa termasuk doktor pakar. Bagi pesakit kronik mereka perlu ke bandar Johor Bahru untuk menerima rawatan pakar doktor. Setiap perjalanan pergi balik ke hospital Johor Bahru memerlukan RM20 dan mengambil masa sekurang-kurangnya 45 minit. Ini telah menimbulkan kesulitan dan kesusahan kepada penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang pihak kementerian dapat mendirikan sebuah hospital awam atau menaik tarafkan poliklinik yang sedia ada menjadikan sebagai sebuah hospital awam. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, poliklinik Gelang Patah masih mempunyai tanah atau ruang kosong sebanyak lima ekar di sebelahnya. Sekiranya cadangan menaik taraf poliklinik dapat di pertimbangkan ia akan memberi manfaat kepada para penduduk Gelang Patah.

Perkara yang kedua, saya ingin bangkitkan tentang projek 'sakit' di bawah Jabatan Pertanian Daerah Johor Bahru, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Johor Bahru, Agrobank Johor Bahru dan TEKUN Nasional. Tuan Yang di-Pertua, saya baru menerima minit mesyuarat Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP), Gelang Patah pada 15 Oktober 2010. Di dapati terdapat beberapa projek 'sakit' telah mendatangkan kerugian sebanyak RM2.4 juta. Sebagai seorang wakil rakyat, saya dan ADUN Nusajaya iaitu Yang Berhormat Datuk Haji Aziz Sapian tidak tahu langsung tentang semua projek ini. Ini merupakan wang daripada rakyat. Bagaimanakah boleh saya menceritakan perkara ini kepada rakyat saya? Masalah ini amat memalukan dan mengecewakan rakyat Malaysia.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan daripada Jabatan Pertanian Johor Bahru, projek SPKP tanaman cili fertigasi di Kampung Tanjung Adang, Gelang Patah yang dilakukan oleh kelompok petani miskin pada pertengahan 2009 telah menimbulkan masalah ketidaksefahaman antara ahli kumpulan dan masalah pengurusan ahli kumpulan. Jumlah nilai pembiayaan bagi projek ini adalah RM70,000 tetapi tiada mendatangkan keuntungan satu sen langsung.

Bagi projek tanaman cendawan, SPKR di Kompleks Penghulu Tanjung Kupang, Jabatan Pertanian Johor Bahru telah mengakibatkan kerugian RM79,200 atas sebab peserta tidak berminat untuk menyertai projek ini, jabatan terpaksa mencari pengusaha cendawan baru untuk memajukan projek ini. Bagi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Johor Bahru pula pembiayaan sebanyak RM153,650 untuk projek ternakan kambing dan lembu di Gelang Patah telah juga mengalami kerugian kerana induk betina tiada sebarang rekod kelahiran dan kematian. Seterusnya ialah laporan daripada Agro Bank Johor Bahru, projek tanaman...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Serai, yang melibatkan 22 peserta daripada Syarikat Herba Valley Corporation Sdn. Bhd.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Hendak beri laluan kepada Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat?

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Pada Mac 2000... saya ada banyak lagi hendak...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sedikit sahaja pasal projek kebanyakan yang terbengkalai.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Okey.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gelang Patah. Saya mengucapkan terima kasih apabila Yang Berhormat membangkitkan beberapa projek pertanian yang telah dibuat kerajaan untuk memenuhi dua dasar, Dasar Jaminan Makanan dan Dasar Self-sufficiency dengan izin, yang diperkenalkan dahulu dan masih diteruskan sekarang.

Perkara ini bukan sahaja berlaku di Gelang Patah malah berlaku di kawasan Parlimen saya, malah berlaku di Pantai Merdeka dan juga di Salang Kedah yang melibatkan projek LKIM yang melibatkan jumlah pelaburan jutaan ringgit. Jadi saya mohon berkongsi dengan Yang Berhormat Gelang Patah supaya perkara ini dilihat dengan lebih terperinci kerana pertanian di negara kita telah diberikan peruntukan yang begitu besar, kalau dibandingkan dengan negara ASEAN yang lain, tetapi mereka lebih berjaya daripada negara kita, apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini supaya kita dapat memperkasakan agar ianya mencapai kejayaan dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi pertanian.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan saya berharap kerajaan akan memberikan perhatian dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, pada Mac 2008, Syarikat Herba Valley ini telah menggunakan pembiayaan sebanyak RM1.1 juta, iaitu RM50,000 bagi seorang peserta. Wang yang dilaburkan ini telah habis akibat daripada hasil tanaman yang tidak menjadi. Herba Valley Corporation Sdn. Bhd. pada masa yang sama juga mengemukakan permohonan kewangan daripada TEKUN Nasional sebanyak RM1 juta untuk projek tanaman serai. Akhirnya juga menghabiskan wang tersebut dengan alasan hasil tanaman tidak dapat dipasarkan di atas kegagalan Syarikat Herba Valley Corporation melaksanakan perjanjian belian balik tanaman serai.

Di dalam perjanjian di antara peserta dan Syarikat Herba Valley telah menyatakan bahawa kerja-kerja penanaman dan pasaran diuruskan oleh Syarikat Herba Valley, tetapi apa yang telah berlaku antara mereka? 22 orang peserta ini

merupakan golongan mahasiswa yang berasal daripada seluruh Semenanjung Malaysia, mereka telah menyewa 100 ekar tanah daripada UEM dan 100 ekar daripada Tanah Rizab Orang Asli untuk tujuan mengusahakan bidang pertanian, tetapi adakah mereka betul-betul berniat berusaha di dalam bidang pertanian atau hanya cuba ingin menipu wang daripada jabatan.

Segala persoalan ini masih belum ada jawapan lagi, saya amat keliru dan kecewa tentang kebolehan dan kemampuan bagi penguat kuasa daripada agensi dan jabatan yang terlibat, mereka tidak menjalankan pemantauan dan penyiasatan yang teliti sebelum dan selepas projek itu dijalankan, tetapi mereka membenarkan pemohon mensia-siakan wang kerajaan tanpa menjalankan pemantauan. Saya sebagai wakil rakyat Parlimen Gelang Patah, saya tidak tahu langsung apa projek seperti yang dilaksanakan. Oleh itu saya meminta kementerian memberikan penjelasan segera tentang perkara ini, kerana tidak pasti berapa banyak projek sakit yang merugikan wang rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai Program Komputer Riba 1Malaysia yang telah dilancarkan beberapa bulan yang lalu. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah diarahkan untuk mengedarkan 1 juta komputer riba 1Malaysia secara percuma kepada golongan masyarakat yang berpendapatan rendah supaya mereka memperoleh capaian akses internet jalur lebar. Tuan Yang di-Pertua, program ini adalah khas untuk memberikan peluang kepada golongan keluarga belajar yang berpendapatan rendah menggunakan kelebihan internet dalam memajukan diri dan keluarga. Golongan yang layak menerima komputer riba ini ialah yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000 dan mempunyai anak yang masih belajar sama ada di sekolah mahupun di universiti dengan pengesahan oleh pemimpin masyarakat. Program pembelian percuma ini telah lama dilancarkan bermula dari Johor, tetapi sehingga sekarang saya masih belum mendapat sebarang laporan atau maklum balas daripada agensi bertugas. Oleh itu saya meminta kementerian menyediakan laporan teliti mengenai program ini bagi Parlimen Gelang Patah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat ialah saya ingin membangkitkan tentang masalah gangguan bekalan elektrik di Parlimen Gelang Patah. Walaupun kawasan Gelang Patah masih digelar sebagai sebuah pekan yang terletak di Selatan Johor Bahru, namun dengan adanya Kota Iskandar sebagai pusat pertumbuhan yang terbesar di Johor, pertumbuhan populasi serta ekonomi di Gelang Patah telah berkembang begitu pesat melalui pelbagai bidang. Oleh yang demikian, segala perancangan dalam kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf bekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad mestilah teratur, rapi dan bersistematik.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai urusan penduduk dan perniagaan tergendala akibat bekalan elektrik terputus di antara waktu 9 pagi sehingga 5 petang. Keadaan ini bukan sahaja mengganggu dan menjejaskan perniagaan penduduk persekitaran, ia juga menimbulkan kesusahan di kalangan penduduk. Kadangkala pemuliharaan bekalan akan mengambil masa selama satu hari untuk menyiapkan semua kerja penyelenggaraan. Cuba bayangkan apa akan berlaku kepada para pengusaha kilang, restoran dan lain-lain dalam keadaan keputusan bekalan elektrik, mesin tidak dapat berfungsi, makanan dalam peti sejuk menjadi rosak serta pekerja tidak dapat meneruskan kerja dan ini telah mendatangkan kerugian kepada para pengusaha.

■1700

Oleh itu TNB haruslah menjalankan kerja penyelenggaraan pada waktu selepas kerja atau tengah malam bagi mengelakkan kesulitan. Menurut maklum balas penduduk Gelang Patah, perkhidmatan sistem telefon *Careline* 15454 TNB yang sedia ada adalah tidak setanding atau setaraf sebuah badan korporat yang berkualiti. Penduduk mengadukan bahawa talian 15454, selalu sibuk atau tiada pegawai menjawab semasa melakukan kecemasan. TNB sepatutnya membuat siasatan dengan rapi bagi mengenal pasti punca berlakunya gangguan bekalan elektrik serta mengambil tindakan dengan segera.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pohon penjelasan Yang Berhormat Gelang Patah. 15454. Terima kasih Yang Berhormat Gelang Patah, saya amat bersetuju dengan apa yang dibangkitkan Yang Berhormat Gelang Patah. Sebenarnya dalam Dewan yang mulia ini kita telah bangkitkan perkara ini berkenaan dengan masalah 15454 di mana sering panggilan kami akan disampaikan kepada *voice mail*. "*Terima kasih kerana menghubungi TNB, anda berada di dalam giliran ke-20.*" Kadang-kadang lebih daripada itu. Jadi kami sudah boleh hafal mesej itu. Saya setuju bahawa talian itu tidak boleh *dicentralisedkan* sehingga apabila ada panggilan masuk panggilan-panggilan lain akan tergendala, akan kena tunggu. Jadi saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Gelang Patah.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berharaplah pihak TNB dengarlah aduan daripada kita dan ambil segala tindakan. Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum pihak penguat kuasa TNB adalah berhak untuk memeriksa dan menyiasat samada jangka meter diusik atau tidak. Jikalau dakwaan bahawa jangka meter diusik adalah benar, pihak penguat kuasa TNB akan meminta pengguna menandatangani surat perjanjian tanpa memberi penjelasan. Sebahagian mereka adalah kurang faham dalam bahasa Melayu. Maka, mereka akan berasa tidak adil kerana diminta menandatangani dalam keadaan tipu dan terpaksa. Oleh itu saya minta pihak TNB menyediakan surat notis atau surat pengesahan jangka meter diusik dalam tiga bahasa bagi memudahkan mereka lebih faham apa yang berlaku.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Yang Berhormat Gelang Patah. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tentang meter TNB ini kerana di kawasan saya pun sering saya menerima aduan sebegini. Lagi satu ialah berkenaan dengan SAJ. Saya baru semalam saya terima satu aduan daripada pengundi saya bahawa dia baru beli sebuah kilang lama, jadi apabila beliau pergi ke kaunter SAJ untuk membuat permohonan untuk meter baru atas nama sendiri, maka diberitahu bahawa dia terpaksa diminta menjelaskan hutang bil air yang tertunggak oleh bekas pemilik kilang itu. Diberitahu kalau tidak dijelaskan memang dia tidak boleh buat apa-apa permohonan. Saya rasa ini amat tidak adil dan saya pohon pandangan Yang Berhormat.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan saya pohon masukkan ucapan Yang Berhormat dalam teks saya dan saya berharap kementerian akan beri penjelasan tentang isu-isu yang dibawa oleh Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, projek menaik taraf infrastruktur jalan raya selalu mudah merosakkan saluran kabel elektrik bawah tanah. Ini merupakan salah satu punca berlakunya gangguan bekalan elektrik. Pada pendapat saya mesyuarat perhubungan antara pihak berkuasa seharusnya mesyuarat dengan pihak TNB bagi memastikan lokasi kabel bawah tanah supaya mengelakkan gangguan elektrik berlaku.

Akhir sekali, saya minta kementerian menyediakan laporan mengenai kejadian gangguan bekalan elektrik di sekitar Gelang Patah dan dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Jelutong.

5.06 ptg.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cabaran ekonomi dan masalah politik kita sekarang yakni 53 tahun sesudah merdeka ialah bagaimana kita dapat terus memimpin Malaysia ke hadapan tanpa sebarang gear goston supaya kita menjadi salah satu negara dan ekonomi terulung dan termantap di dunia. Kayu ukur keutuhan ekonomi kita bukanlah terletak pada nada tinggi sebagai mana kita melaungkan slogan 1Malaysia atau retorik ketuanan Melayu. Kayu ukurnya terletak pada statistik kewangan kita, fakta-fakta kemasukan FDI dan pencapaian perdagangan antarabangsa, keutuhan mata wang kita dan pengiktirafan komuniti antarabangsa terhadap Malaysia.

Dalam erti kata yang lebih realistik dan tidak semestinya lebih sinis kita harus bertanya kenapa setakat ini Malaysia masih belum diiktiraf sebagai salah satu anggota G20. Sedangkan jiran kita yang dianggap lebih lemah dari segi kekuatan ekonomi iaitu Indonesia, jiran kita yang secara konsisten mengeksportkan begitu ramai pendatang tanpa izin dan begitu banyak jerebu setiap musim panas ke Malaysia telah di *celebrate* dengan izin, diangkat, diraikan dan dirayakan sebagai anggota G20.

G20 akan bersidang lagi di Korea Selatan pada bulan depan. Menteri Kewangan kita walaupun diundang hanya merupakan salah seorang di antara barisan dif-dif jemputan yang begitu banyak. Malaysia bukan anggota induk G20. Malaysia belum gah lagi ekonominya. Siapa G20? G20 bukannya anjuran Amerika. G20 ialah *The Group of Twenty Finance Ministers and Central Bank Governors*, yang terdiri daripada Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Pusat daripada 20 buah ekonomi terbesar yakni 19 negara bercampur *European Union* dengan izin. Itu bermaksud satu *elite club*, platinum, titanium dan sebagainya.

Siapa anggota G20? Di Afrika; Afrika Selatan, Amerika Utara; Kanada, Mexico dan Amerika Syarikat. Kalau di Amerika Selatan; Argentina dan Brazil, kalau di Asia Timur, China, Jepun dan Korea Selatan. Kalau di Asia Selatan; India. Kalau di Asia Barat; Arab Saudi, kalau di Eurasia; Rusia dan Turki. Kalau di Oceania; Australia, di Eropah; Perancis, Jerman, Itali, United Kingdom, *European Union*. Dan anggota tunggalnya dari Asia Tenggara tidak lain dan tidak bukan Indonesia.

Setahu saya Tuan Yang di-Pertua, kesemua 20 buah ekonomi terulung di dunia ini dalam G20 ini tidak usah mendirikan satu ego yang besar dalam bentuk pencakar langit 100 tingkat pun. Jadi cabaran kita bukanlah bila kita hendak dirikan Warisan Merdeka, satu pencakar langit 100 tingkat supaya konon-kononnya *The First Lady* dapat membuat *shopping* di situ. Cabaran kita ialah bila? Tanyakan bila kita dapat mengangkat Najib duduk sama rendah, diri sama tinggi bersama Bapak Susilo Bambang Yudhoyono, itu sahaja bagi Malaysia. Bisa diatur.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengajak Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Dewan Rakyat yang mulia ini untuk merenung semula akan gambaran dan tampak besar, *the big picture* dengan izin, yang Malaysia sebagai satu bangsa yang majmuk anggotanya sedang berhadapan sekarang supaya sekurang-

kurangnya kita sebaya dan setanding dengan ekonomi Indonesia. Oleh itu kita harus menganggap setiap kali Dewan Rakyat bersidang untuk meluluskan bajet tahunan dan rang undang-undang perbekalan sebagai satu kesempatan untuk mengukur prestasi ekonomi negara serta mengambil langkah-langkah strategik dan taktikal untuk membetulkan segala kesilapan kita sepanjang Barisan Nasional memerintah supaya Malaysia tidak tercabut dan terasing daripada orbit dan perjalanan ekonomi global.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, kita diberitahu menerusi risalah-risalah ETP dan GTP bahawa mengikut firasat kerajaan, matlamat generasi berpendapatan tinggi akan dan boleh dijentolkan oleh sektor swasta dalam tempoh 10 tahun yang akan datang. Setakat ini kerajaan cuba meyakinkan kita bahawa ekonomi Malaysia boleh dijentolak dan diPEMANDUKAN menerusi 12 makmal iaitu *'The 12th Idris Jala Labs'* ataupun menerusi satu keadaan makmal *'An Idris Jala Lab Condition'*. Kuasa-kuasa pasaran seakan-akannya tidak relevan. Kenapa *market forces* dengan izin tidak relevan bagi kerajaan?

Salah satu sebabnya ialah kerana secara intim dan peribadi, pihak swasta berpendapat mereka belum diberi keyakinan penuh tentang kebarangkalian pulangan dana pelaburan mereka berbanding pulangan dan *yields* dengan izin, yang mereka dapat perolehi jika modal dan dana mereka diparkirkan di luar negeri. Jika perkara asas ini tidak ditangani dengan elok, kejadian *capital flight* dengan izin, akan berterusan dan daya dinamik *Domestic Direct Investment (DDI)* dengan izin, tidak akan muncul. Pada jangka masa sederhana, ia akan menimbulkan kesan negatif terhadap *GNI (Gross Net Income)* dengan izin, warganegara kita. Lalu, menjejaskan harapan kita untuk menempuh satu generasi berpendapatan tinggi.

Setakat ini kita mendengar pelbagai alunan lagu di mana 60 bidang kesempatan telah dikenal pasti, 131 *entry point* projek direka bentuk dan lebih 90% penjana dana akan diselenggarakan oleh pihak swasta dan syarikat-syarikat GLC dengan memakan belanja RM1.3 trilion dalam masa 10 tahun akan datang. Seluruh Malaysia akan menarik nafas menunggu fajar menyingsing menjelang 2020, tetapi janganlah kita terlalu mabuk dengan persembahan *power point* ala Hollywood dan laporan-laporan makmal sahaja. Dengan wujudnya antidot ataupun penawar Pakatan Rakyat, saya tidak rasa Malaysia akan bankrap menjelang tahun 2019 seperti kata Idris Jala, tetapi saya lebih yakin Idris Jala pasti sudah bersara sebelum itu.

Saya juga ingin mengaitkan perhatian Tuan Yang di-Pertua bahawa dalam dokumen Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2011 ini, PEMANDU telah diberi peruntukan sebanyak RM12.6 bilion iaitu kurang sedikit daripada peruntukan bagi Kementerian Kesihatan iaitu RM15.2 bilion, tetapi jauh lebih banyak daripada peruntukan yang disatukan yang diberikan kepada kementerian-kementerian berteraskan kesejahteraan sejagat, belia dan wanita iaitu Kementerian Sumber Manusia – RM1 bilion, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat – RM1.3 bilion, Kementerian Kerja Raya – RM4.1 bilion, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air – RM1.3 bilion, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi RM1.2 bilion dan Kementerian Belia dan Sukan – RM0.7 bilion. Di *combined together*, dicantum semua dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2011 merupakan tahun fiskal pertama dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sebelum ini, kerajaan telah mengumumkan mukadimahnyanya tentang Model Ekonomi Baru di mana *affirmative action* dengan

izin, untuk menongkatkan mereka yang lemah zahir dan semangat dan sedikit inti pati ETP dan GTP. Kesemuanya menyebut tentang aspirasi kita untuk mencapai reformasi dan transformasi ekonomi supaya defisit belanjawan sebagai satu peratusan KDNK dapat dibendung supaya Malaysia dapat bertahan dengan tenaga cendekiawannya yang dilahirkan di tanah air ini. Moga-moga Malaysia dapat meluhurkan satu generasi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Mengikut kerajaan, kita mempunyai *target* dan kayu ukur yang spesifik bagi menentukan generasi berpendapatan tinggi. Kalau kini pendapatan tahunan per kapita kita sekadar USD7,000 yakni RM21,000, tidak cukup pun untuk mendapatkan satu kad kredit biasa, kita harus melonjak ke paras pendapatan tahunan per kapita sebanyak USD15,000 yakni RM45,000 dalam tempoh 10 tahun yang akan datang. Maksudnya, pendapatan tahunan per kapita kita harus dua kali ganda lebih tinggi menjelang tahun 2020. Itu ialah satu *quantum leap* dengan izin, yang menakjubkan.

Meskipun kerajaan telah memberitahu kita tentang faktor '*what*' dan '*when*' dengan izin, untuk mencapai generasi berpendapatan tinggi, kita kurang pasti tentang faktor '*how*' iaitu bagaimana kita boleh mencapai matlamat tersebut. Adakah kita hendak mengambil alih peranan tuhan supaya kita dapat menujum KDNK kita tetap berkembang 10% dalam 10 tahun berturut-turut?

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengutip daripada dokumen Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2011 muka surat 138 di bawah Butiran Projek 04000, di mana sejumlah RM150 juta telah diperuntukkan di bawah Jabatan Perdana Menteri di bawah kawal seliaan Ketua Setiausaha Negara untuk dibelanjakan dalam tahun 2011-2012 untuk tujuan penyertaan bumiputera Pulau Pinang. Kita juga diberitahu bahawa anggaran 2011 itu adalah sebanyak RM45 juta.

Demi ketelusan, saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan mekanisme dan proses pengauditan yang spesifik untuk memberi jaminan bagaimana dana sebanyak RM150 juta serta peruntukan berasingan sebanyak RM8.8 juta menerusi projek-projek PERDA dapat meningkatkan mutu hidup bumiputera Pulau Pinang yang telah dipinggirkan oleh Perikatan dan Barisan Nasional selama 50 tahun sebelum ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir jika kita tidak mempunyai satu kompas ekonomi yang dapat menghalakan kita ke arah kiblat yang betul – dan saya ingin memetik satu perkara dalam hujah saya iaitu isu mengenai ketelusan dalam pemberian khazanah negara kepada pihak swasta. Dalam sesi soal jawab pada 20 Oktober 2010 iaitu semalam, kerajaan memberitahu Dewan ini bahawa sebanyak sembilan buah syarikat telah diberi peruntukan lesen dan spektrum gelombang mikro untuk menjalankan perkhidmatan internet mudah alih generasi 4 berpaksikan pelantar teknologi *LTE (Long Term Evolution)* dengan izin. Kerajaan juga mengumumkan bahawa setiap syarikat tersebut tidak perlu membuat sebarang bidaan bagi blok-blok spektrum 20 megahertz pada aras 2.6 gigahertz, sebaliknya mereka akan diberikan lesen berserta spektrum jalur lebar itu dalam satu duyung, *on a platter* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, spektrum gelombang mikro adalah bahan yang *finite*. Maksudnya, gelombang mikro itu ada had dan batasnya untuk memuat dan juga menyerah data-data analog dan digital daripada pangkalan ke destinasi sasarannya. Ia boleh diibaratkan seperti lebuhraya dalam alam siber. Mana-mana pihak yang diberikan peruntukan spektrum *microwave* tidak jauh berbeza daripada Kumpulan UEM, Gamuda, Kumpulan Sunway dan sebagainya yang telah diberikan lesen lebuhraya dalam alam semesta. Maka, pemberian lesen dan spektrum LTE (Mobile Internet 4G) ini kepada sembilan buah syarikat tanpa

sebarang bidaan bermaksud kerajaan telah membelakangkan janjinya untuk mengamalkan sistem tender terbuka.

Perkara ini menjadi amat serius kerana spektrum *microwave* berbentuk *finite* dan ia bukan sahaja satu khazanah negara yang diamanahkan kepada kerajaan semasa, malah spektrum *microwave* diberikan kepada pihak swasta adalah mempunyai nilai komersial yang terbesar. Kesal sekali kerajaan tidak berani membuat pengumuman rasmi supaya dicatatkan secara rasmi dalam Hansard nama-nama kesembilan syarikat tersebut. Apakah ada 'udang di sebalik batu'?

Setahu kita, terdapat empat lesen dan spektrum LTE diberikan kepada empat buah syarikat 3G yang sedia ada yakni Maxis, Celcom Axiata, Digi dan U-Mobile. Empat buah syarikat WiMAX sedia ada yakni Packet 1, YTL Communications, REDTone di Sabah dan Sarawak dan AsiaSpace. Jadi siapa syarikat yang kesembilan? Kenapa tidak diumumkan dalam Dewan Rakyat supaya kita dapat bahas?

Sumber-sumber industri telekomunikasi ada menyebut syarikat kesembilan ini ialah anak syarikat Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary. Sumber juga berkata Syed Mokhtar diberi lesen dan spektrum itu kerana beliau ialah sahabat karib dan penyokong kuat kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat dari Pagoh.

■1720

Tuan Yang di-Pertua yang saya sanjungi, kita tahu nama dan jenama Syed Mokhtar dalam industri yang lain, tetapi Syed Mokhtar tiada rekod langsung dan tidak relevan dalam industri telekomunikasi dan internet. Beras sudah disapu oleh Syed Mokhtar, gula pun Syed Mokhtar. Smart Tunnel pun Syed Mokhtar, Civil Engineering pun Syed Mokhtar. IPP Malakoff pun Syed Mokhtar. Sekarang Mobile Internet pun hendak di Syed Mokhtar kan.

Dalam hujah wakil kerajaan yang menjawab soalan saya semalam, kerajaan berkata Mobile Internet 4G harus diberi kepada syarikat-syarikat yang kuat kedudukan kewangannya. Jadi, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua sama ada syarikat u-Mobile dan Syarikat AsiaSpace itu kuat kedudukan kewangannya sampai setelah bertahun-tahun diberi lesen 3G dan WiMAX tetapi masing-masing tidak berupaya menjalankan operasi mengikut syarat dan jadual.

Kalau lesen dan spektrum harus diberi kepada Syed Mokhtar kerana kekuatan kewangannya, tolong semak *gearing* syarikat itu dan jawab sama ada Syed Mokhtar *is the last tycoon* in Malaysia dengan izin yang wajib diberikan lesen dan spektrum internet 4G ini.

Tuan Yang di-Pertua, industri dan penganalisis sektor komunikasi berpendapat bahawa kerajaan sedang berbalik kepada zaman pelesenan telefon bimbit 1G dan 2G dalam tahun 90-an yang telah gagal. Pada ketika itu, terdapat tujuh buah syarikat yang diberikan lesen dan spektrum telefon mudah alih kepada syarikat-syarikat yang tiada pengalaman, kekuatan dana dan trak rekod industri yang lemah. Nombor 013 diberi kepada MRCB yang menggunakan jenama EmarTel. Bagi 016 diberikan kepada tauke judi Vincent Tan atas nama Mutiara Telecom dan 017 diberikan kepada Kumpulan SAPURA atas jenama ADAM.

Justeru, semua mati tanpa kubur, 013 EmarTel diserap ke dalam Telekom dan kemudiannya Celcom, 016 Mutiara Telekom dijual kepada Telenor yang memakai jenama DiGi. 017 ADAM dijual kepada Time Telekom dan kemudiannya diserap ke dalam Maxis. Oleh kerana setiap lesen dan spektrum walaupun

merupakan khazanah negara, ia mempunyai nilai komersialnya apabila ia jatuh ke dalam tangan syarikat swasta termasuk tauke judi.

MRCB, Vincent Tan dan keluarga Shamsudin Sapura, semuanya mencari *exit* atau pun cabut daripada bidang telekomunikasi dengan untung yang besar. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua saya kluatir pisang akan bertangkai dua kali sekiranya kerajaan tidak dapat menjamin kesembilan syarikat yang diberi lesen dan spektrum LTE diwajibkan untuk berkongsi infrastruktur dan tidak membiarkan kos infrastruktur dan CAPEX mereka bertindan-tindih. Oleh kerana Malaysia bergantung pada pembekal asing dalam semua infrastruktur induk telekomunikasi termasuklah Ericsson, Hwawei dan Lucent-Alcatel, pertindihan CAPEX dan infrastruktur ini juga merupakan satu jenis pengaliran dana negara yang harus dibendung.

Dalam pada itu, saya juga ingin meminta kerajaan menjelaskan sama ada Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah terlibat dalam satu dakwaan skandal pemberian geran sebanyak RM1 bilion kepada syarikat milikan anaknya yang terlibat dalam kerja-kerja menaiktarafkan akses jalur lebar di seluruh negara.

Setakat ini, dua orang *blogger* yang menulis tentang kemungkinan skandal menteri iaitu Rocky Bru (Ahirudin Attan) dan Mohd Zakhir aka (Big Dog) yang telah diheret oleh SKMM untuk membuat siasatan. Kita mahu dipastikan bahawa menteri dan rakyat jelata termasuk *blogger* diberi layanan hak asasi manusia yang sama rata tanpa diskriminasi dan prejudis. Kita cuma ingin hendak tahu apa pula jumpaan sebenar setelah *statement* Menteri berkenaan telah direkodkan tanpa waswas.

Perdana Menteri harus tahu bahawa rakyat harus didahulukan, bukan Menteri yang didahulukan. Kalau Menteri bersalah, maka bersalahlah Menteri itu tidak kira sama ada beliau telah pun membakar jambatannya atau pun tidak. Ada masa lagi Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau boleh habiskan dalam masa enam minit Yang Berhormat.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya *appreciate* kalau dapat habiskan dalam masa enam minit.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Saya amat menyanjung hasrat kerajaan untuk menunjukkan komitmen yang tidak terbatas terhadap memajukan teknologi hijau. Akan tetapi mengikut apa yang telah diperuntukkan dari segi anggaran perbelanjaan Bajet 2011 ini saya rasa anggaran yang diberikan kepada kementerian yang berkenaan adalah terlalu sedikit sangat.

Kalaulah kita bincang tentang teknologi hijau, bukan setakat kita hendak mencari haluan supaya kita dapat mengguna pakai kuasa nuklear. Akan tetapi banyak lagi RE iaitu *Renewable Energy* yang boleh kita pakai. Walaupun Malaysia terletak di kawasan tropika dan Malaysia diselubungi dengan cahaya matahari yang begitu berpanjangan, tetapi industri solar sel ini telah bertempat di

Pulau Pinang, bertempat di Kulim, bertempat di seluruh kawasan industri. Malahan industri solar sel telah dijadikan satu industri yang berteraskan untuk pasaran eksport.

Jadi, kenapa kita tidak memberikan anggaran yang lebih supaya kita dapat memajukan solar sel ini dan juga segala punca kuasa yang dapat dijanakan bersampingan tenaga yang kita janakan menerusi gas dan juga arang batu. Saya rasa itu ialah satu cabaran yang terbesar bagi kerajaan kita supaya kita tidak sekadar menghimpitkan diri dalam membentuk *show cases* dan membawa semua pengedar dan juga vendor-vendor supaya mereka dapat memasarkan barangan kita.

Kita harus mencantumkan sumber-sumber solar bersama dengan sumber kuasa yang telah dijanakan oleh TNB supaya ia menjadi satu sistem yang integrasi yang dapat membawa manfaat kepada seluruh rakyat kita. Dengan itu, saya tamatkan ucapan bajet kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Selangor hendak bercakap.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat.

5.27 ptg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk kesekian kalinya saya mulakan dengan menegaskan betapa kami di sebelah sini khususnya diri saya sendiri mahukan seluruh dasar, perancangan, program dan bajet-bajet yang dibentangkan oleh kerajaan berjaya dilaksanakan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2011 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merupakan bajet pertama setelah RMKe-10 diumumkan, Model Ekonomi Baru dilancarkan dan selepas Program Transformasi Kerajaan GTP serta ETP, Program Peralihan Ekonomi dibentangkan dengan pelbagai istilah-istilah baru yang diperkenalkan.

Maka Tuan Yang di-Pertua, buat pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan juga seluruh Ahli Dewan Rakyat, saya tegaskan dan saya rakamkan bahawa inilah bajet yang buat julung-julung kalinya disusun atur, dirancang, dan dicerakinkan mengikut satu metodologi pendekatan yang menggunakan dengan izin *Outcome Based Budgeting* (OBB) atau pun dengan bahasa peralihannya Bajet Berpandukan Matlamat.

Tuan Yang di-Pertua, tentunya kalau itulah seperti mana yang saya difahamkan dan saya kebetulan berjumpa dengan cara bagaimana bajet ini disusun. Dalam suasana yang sudah pun kerajaan sendiri tidak kurang Menteri Kewangan II sendiri yang menyebutkan dan begitu juga pimpinan Barisan Nasional yang lain merakamkan betapa negara buat pertama kalinya membuat pengakuan bahawa negara telah berada dalam satu kebekuan ekonomi dengan izin *economic stagnation* untuk satu dekad lamanya.

Justeru, kerana terperangkap antara lainnya dalam satu jajaran rejim berpendapatan sederhana. Justeru kerana juga ekonomi yang tidak mampu keluar daripada jajaran industri yang bernilai tambah rendah. Justeru kerana juga

produktiviti tidak dapat dilonjakkan kepada tahap yang tinggi. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua setelah pengakuan dan keinsafan ini dibuat, maka tentunya saya kira munasabah untuk menjangkakan bahawa Bajet 2011 disusun dan dicerakinkan bagi mengatasi segala apa jua pengakuan dan keinsafan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sambung hari Isnin Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Itu baru mukadimah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Atau pun sudah habis?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Ketawa]* Habis sebahagian daripada mukadimah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, sila sambung hari Isnin.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ada 25 minit lagi ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan hingga pukul 10.00 pagi hari Isnin, 25 Oktober 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.